



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3533]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1976 [Ruangan 3560]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 3605]**

UCAPAN PENANGGUHAN:

Lesen Impot Kain [Ruangan 3630]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jejebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K. S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISAMIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Khamis, 29hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERUNTUKAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

1. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan daripada jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga, berapa peratuskah akan dibelanjakan untuk membayar gaji dan lain-lain elaun dan berapa peratuskah akan dibelanjakan untuk projek-projek yang akan menambahkan pertumbuhan ekonomi negara.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat berkenaan, bahawa kesemua peruntukan yang dibuat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah untuk pembangunan. Peruntukan untuk membayar gaji dan lain-lain elaun adalah termasuk dalam perbelanjaan biasa. Oleh yang demikian peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak mengandungi perbelanjaan untuk membayar gaji.

PAMPASAN KEPADA TUANPUNYA TANAH

2. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar bahawa bayaran pampasan kepada tuanpunya tanah yang berkongsi kerana mengambil tanah atau sebahagian daripadanya untuk sesebuah projek Kerajaan yang tertentu, dan pembahagian bayaran itu, selalu menimbulkan perbalahan di antara tuan-tuanpunya tanah itu, dan jika sedar, adakah

beliau akan membuat satu peraturan mengenai perkara ini untuk mengelakkan pertikaian di antara tuan-tuanpunya tanah yang berkongsi itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah suka saya menyatakan bahawa jumlah pampasan adalah diberi mengikut bahagian masing-masing. Jika tuan-tuanpunya tanah itu telah bersefakat menduduki masing-masing kawasan tanah itu, maka terpulanglah kepada Pemungut Hasil Tanah untuk menilai harga tanah dan harga-harga kemajuan bagi tiap-tiap kawasan supaya wang pampasan dapat dibayar menurut bahagian masing-masing dan juga menurut kemajuan masing-masing. Sebenarnya jarang berlaku perkara macam ini.

PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN

3. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kerajaan akan mengadakan undang-undang untuk memaksa pemaju-pemaju perumahan supaya membina 40% dari rumah-rumah dalam satu-satu projek ini sesuai dan dalam kemampuan mereka yang berpendapatan \$500 dan kurang dalam sebulan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa mengadakan Undang-undang yang berasaskan kepada kadar peratus dan bertujuan untuk memenuhi kepentingan golongan yang berpendapatan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam pertanyaannya itu bukanlah satu cara yang sesuai. Sebabnya ialah kelayakan kadar 40% itu serta menetapkan pula golongan yang berpendapatan tidak melebihi \$500 itu

boleh dipersoalkan dari segi pilihan angka-angka itu dan juga dari segi implikasi negatif yang boleh berlaku, andainya undang-undang seperti itu diujud dan dikuatkuasakan.

Kerajaan adalah lebih yakin kepada langkah-langkah yang merujuk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang yang ujud sekarang serta suka melihat swasta membuktikan hasil yang positif dalam usaha-usaha mereka menyediakan rumah-rumah yang dikehendaki oleh rakyat.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa dalam Majalah Perumahan pihak pemaju-pemaju perumahan telah menyatakan projek-projek yang akan mereka bina pada masa hadapan ialah untuk mereka yang berpendapatan \$1,500 ke atas. Jadi, daripada jawapan Timbalan Menteri berkenaan kalau cara kita hendak memujuk, kita hendak mempengaruhi mereka, saya fikir ini tidak tepat dan tidak berkesan. Itulah yang saya tanya samada undang-undang yang lebih berkesan dengan cara pemaju-pemaju perumahan ini menguntukkan sebahagian daripada pembinaan rumah-rumah mereka itu untuk orang-orang berpendapatan rendah. Jadi, adakah beliau bercadang supaya ditibangkan satu peraturan.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, menggunakan angka (quantum) seperti kadar 40% dan pendapatan tidak lebih \$500 dalam undang-undang adalah tidak sesuai sebagaimana saya katakan tadi, kerana walaupun angka yang digunakan itu tidak boleh memenuhi keadaan keseluruhannya dan boleh menyebabkan diskriminasi dan juga sukar bagi menguatkuasakan undang-undang itu. Oleh sebab keadaan sentiasa berubah kadar yang diperlukan mungkin lebih tinggi atau rendah daripada 40% dan pendapatan yang lebih tinggi itu atau rendah daripada \$500 lazimnya angka seperti itu hanya digunakan dalam peraturan-peraturan pentadbiran atau rancangan sahaja. Jadi, masaalah yang diimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pemaju-pemaju perumahan pun pada masa sekarang ini bersetuju untuk menerima rancangan-rancangan perumahan dan Kementerian saya untuk hendak meluluskan lesen kepada mereka itu memberi keutamaan kepada mereka itu. Saya rasa memadai dengan pentadbiran yang saya nyatakan tadi dalam Dewan yang mulai ini.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, jika mengadakan undang-undang tidak sesuai dan selain daripada pujuk-memujuk, rayu-merayu, apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masaalah yang disebutkan dalam soalan ini.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi sahaja Kementerian saya memanggil seluruh pegawai-pegawai yang mewakili Kerajaan-kerajaan Negeri membincangkan masaalah itu untuk melaksanakan perumahan sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat dan bagi pihak pemaju-pemaju perumahan juga kita selalu memanggil dan mereka itupun ada berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan pembinaan rumah-rumah yang sesuai mengikut kehendak rakyat.

LAWATAN BELIA KE LUAR NEGERI

4. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bagaimanakah pemilihan dibuat ke atas belia-beliawanis yang dipilih untuk menyertai rombongan di dalam rancangan pertukaran lawatan ke luar negeri, seperti Kanada dan lain-lain sebagaimana yang pernah dibuat di masa lalu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, pemilihan belia untuk rancangan-rancangan lawatan belia ke luar negeri di bawah kelolaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan menerusi pertubuhan-pertubuhan berdaftar dan Majlis-majlis Belia Negeri yang berada di bawah naungan Kementerian ini. Pemilihan adalah dibuat berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama oleh Kementerian ini dan pihak-pihak penganjur. Beberapa orang pegawai Kementerian ini juga dihantar bersama untuk mengetuai rombongan-rombongan tersebut untuk menentukan kejayaannya dan menyelesaikan masaalah-masaalah yang timbul.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan apakah kesan yang telah mereka sumbangkan setelai, mereka balik daripada lawatan-lawatan seperti itu kepada negara.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf dalam soal ini kerana saya belum sempat mengkaji.

PENIAGA-PENIAGA DIDENDA

5. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan peniaga-peniaga yang telah didakwa di tiap-tiap Negeri dalam Malaysia pada tahun 1974 dan 1975 kerana enggan mematuhi peraturan tanda harga;
- (b) samada benar bahawa peraturan tanda harga memberi peluang kepada peniaga-peniaga menaikkan harga barang-barang; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang mengadakan suatu undang-undang untuk menetapkan harga barang-barang perlu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, bilangan peniaga-peniaga yang telah didakwa mengikut negeri-negeri dalam Malaysia pada tahun 1974 adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan didakwa
Perlis	1
Kedah	2
Pulau Pinang	5
Perak	6
Selangor	9
Negeri Sembilan	3
Melaka	5
Johor	10
Pahang	15
Trengganu	7
Kelantan	3
Sabah	9
Sarawak	2

Bagi tahun 1974 ada 77 pendakwaan yang telah dijalankan di mahkamah terhadap kesalahan tidak meletakkan tanda harga pada barang-barang yang dijual.

Bagi tahun 1975 tidak ada kes-kes yang didakwa kerana dalam tahun itu Kementerian saya sedang menyusun semula perintah tanda harga bagi peruncit-peruncit dan juga

menggubal satu perintah baru mengenai pelebelan oleh pengilang-pengilang, pengimpot-pengimpot, pengeluar-pengeluar dan penjual-penjual borong. Tindakan penguatkuasa terpaksa ditangguhkan dalam masa ini kerana proses ulangkaji dan penggubalan ini melibatkan dialog dan perbincangan perbincangan dengan pihak-pihak swasta yang berkenaan. Saya percaya dalam sedikit hari lagi perintah-perintah tanda harga bagi peruncit dan juga pemborong akan dapat disediakan dan tindakan sewajarnya akan diambil untuk memperkuatkuasakan perintah-perintah itu.

(b) Memang tidak boleh dinafikan ada kemungkinan pekedai-pekedai meletak tanda-tanda harga yang tinggi untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan. Tetapi ada dua sebab mengapa pengguna-pengguna tidak boleh ditipu dengan muslihat yang sedemikian. Pertama, kerana kesedaran konsep dan harga di kalangan penjual-penjual dan pengguna-pengguna iaitu tanda harga yang diletakkan itu bukanlah harga yang ditetapkan tetapi adalah harga yang dijual di kedai-kedai yang berkenaan. Terpuhlah kepada pengguna-pengguna memilih barang-barang yang harganya berpatutan pada pendapat mereka. Oleh itu, adalah wajar bagi mereka pekedai-pekedai meletakkan harga-harga yang berpatutan dan bersaing supaya barang-barang cepat dapat dijual.

Keduanya, tabiat atau kebiasaan pengguna-pengguna menawar sebelum membeli masih lagi didapati di kalangan pengguna-pengguna samada barang-barang itu ditandahargakan ataupun tidak. Pada keseluruhannya peraturan tanda harga ini dengan secara tidak langsung dapat mengawal dan menetapkan harga barang-barang.

(c) Undang-undang memang telah ada bagi membolehkan Kerajaan menetapkan harga barang-barang iaitu Akta Kawalan Harga, 1946 dan telah juga dipinda dari setahun ke setahun, tetapi Kementerian saya pada masa ini tidak bercadang hendak menggunakan undang-undang ini untuk menetapkan harga barang-barang kerana keadaan-keadaan bekalan dan harga tidak memerlukan tindakan yang sedemikian. Akibat-akibat kawalan harga jika tidak kena pada saat dan ketikanya mungkin menyebabkan kesulitan bekalan dan kenaikan harga dalam pasaran *black market* yang akhirnya akan menyusahkan orang ramai juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail tidak hadir).

PAKAR PERTUBUHAN BURUH ANTARABANGSA

7. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada benar atau tidak beliau telah menjemput pihak Pertubuhan Buruh Antarabangsa menghantar pakar-pakarnya ke Malaysia untuk mengkaji dan menentukan kehendak-kehendak asas pekerja-pekerja Malaysia; dan jika ya, beri butir-butir selanjutnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar bahawa Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah menjemput pihak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (I.L.O.) menghantar pakar-pakarnya ke Malaysia untuk mengkaji dan menentukan kehendak-kehendak asas pekerja-pekerja Malaysia.

Kedudukan yang betul adalah seperti berikut:

Menteri-menteri Buruh di negara-negara ASEAN pada suatu mesyuarat khasnya yang diadakan di Filipina pada 17hb-19hb Mei, 1976 untuk merumuskan sikap ASEAN yang sama bagi Persidangan Pekerjaan Sedunia di Geneva pada bulan Jun lalu, telah bersetuju supaya membuat permintaan bersama kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa untuk menjalankan satu kajian permulaan mengenai difinasi keperluan-keperluan asas bagi rantau ini. Tujuan kajian yang dicadangkan itu ialah supaya taraf minima keperluan-keperluan asas bagi rantau ini dan kumpulan-keperluan asas bagi rantau ini dan kumpulan-kumpulan sasaran (*target groups*) hendaklah diterangkan dan ditafsirkan dengan jelasnya. Dengan itu matlamat-matlamat mengenainya dapat ditentukan oleh negara-negara rantau ini dan kemajuan masing-masing terhadap matlamat-matlamat itu dapat dinilai dan diukur dari semasa ke semasa.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan kenapa penilaian atau kajian ini mengenai kehendak-kehendak asas pekerja-pekerja atau target-

target yang sesuai untuk pekerja-pekerja di tanahair kita tidak boleh dijalankan bersama dengan pemimpin-pemimpin kesatuan-kesatuan sekerja dan pakar-pakar Malaysia atau adakah negara kita berkurangan pakar-pakar atau pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang boleh menjalankan satu penilaian dengan pihak Kerajaan untuk mendapat hasil yang berfaedah.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat yang disoal tadi mesti diperhatikan dalam konteksnya. Konteks itu, ialah Yang Berhormat Menteri telah bercakap dalam satu persidangan akhbar mengenai keputusan yang diambil dalam mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN terhadap Persidangan sedunia mengenai pekerjaan yang dianjurkan oleh ILO. Persidangan Pekerjaan Sedunia itu hendak membincangkan kehendak-kehendak asas bukan pekerja-pekerja sahaja tetapi penduduk pada amnya dan kehendak-kehendak asas yang ditujukan dalam konteks itu bukan Undang-undang Buruh sahaja, tetapi kehendak-kehendak asas mengenai consumption needs population itu dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang penting seperti pembekalan air, perumahan dan lain-lain. Menteri-menteri Buruh di negara-negara ASEAN telah berpendapat bahawa jika Persidangan Buruh Antarabangsa itu hendak meletakkan satu standard untuk seluruh dunia itu tidak betul dan Menteri-menteri itu telah meminta ILO membuat satu kajian untuk kehendak-kehendak asas di rantau ini ditentukan untuk menjalankan keputusan persidangan Antarabangsa itu.

PEMERIKSAAN MAKANAN ASKAR

8. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pertahanan menyatakan cara pemeriksaan yang dilakukan oleh Timbalan Menteri Pertahanan ke tempat-tempat askar khasnya pemeriksaan makanan itu mendapat sokongan rakyat, jika sedar:

- (a) adakah pemeriksaan seperti itu akan diteruskan lagi; dan
- (b) adakah layanan makanan kepada askar telah diperbaiki.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan pemeriksaan seperti ini sememangnya akan dijalankan setiap kali saya melawat ke unit-unit angkatan tentera

kita. Akibat dari pendedahan yang dibuat baru-baru ini saya diberitahu anggota-anggota tentera kita telah mendapat makanan yang tinggi mutunya seperti yang dipesankan di dalam kontrek yang ditandatangani. Walau bagaimanapun, untuk menentukan bahawa penyelewengan tidak diulangi lagi di masa-masa hadapan langkah-langkah sedang diambil untuk memperbaiki lagi peraturan-peraturan yang ada.

“FOOTBALL MONEY”

9. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pihak Syarikat-syarikat peminjam wang swasta mengenakan “Football Money” kepada orang ramai yang membeli kereta telah dipakai walaupun Kerajaan mencegah perkara ini; dan
- (b) langkah Kerajaan untuk menghapuskan penyelewengan tersebut.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ingin saya menyatakan bahawa peruntukan-peruntukan di bawah Seksyen 32 Seksyen 29 Akta Sewa Beli Tahun 1967 melarang seorang penjual mengenakan bayaran lebih dari jumlah bayaran-bayaran seperti berikut:

- (i) Harga tunai,
- (ii) Bayaran tambang, insuran dan pendaftaran, jika ada,
- (iii) Faedah sebanyak 10% setahun di atas baki yang belum dibayar.

Apa-apa bayaran lain yang dikenakan oleh penjual itu adalah melanggar peruntukan Akta tersebut. Suka saya juga mengambil kesempatan di sini menasihatkan orang ramai supaya meminta resit-resit untuk semua bayaran wang yang dibuat di bawah Perjanjian Sewa Beli untuk dijadikan bukti. Jika ada “Football Money” yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dikenakan perkara itu hendaklah dilaporkan kepada Kementerian saya.

- (b) Kementerian saya menyediakan peraturan-peraturan sewa beli untuk mencegah penyelewengan-penyelewengan jika berlaku dan sekiranya penyelewengan mengenakan “Football Money” itu

benar-benar berlaku adalah diharapkan penyelewengan itu akan dapat dihapuskan manakala peraturan-peraturan ini dikuatkuasakan kelak.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah menerangkan apa makna “Football Money” itu. Saya sendiri pun tak faham. nanti besuk keluar badminton money, tennis money, sebab ini masuk dalam rekod untuk anak, cucu-cicit kita akan datang.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Saya tak dapat terangkan, tetapi saya sudah kena bayar. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana sudah kena tak dapat diterangkan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Towkey itu kata ini “Football Money” sekian banyak saya pun beri, saya tak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Makna “Football Money” itu apa.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Saya tidak tahu. Apa yang saya tahu duit bola sepak (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Nanti ada badminton money pula.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa “Football Money” ini tidak boleh dibenarkan mengikut undang-undang yang diterangkan tadi, tetapi mereka mengalih kepada booking money, tetapi keadaannya adalah serupa demikian juga.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah ada lagi satu money pula. Daripada “Football Money” jadi booking money.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Kalau sekiranya diubah bayaran itu daripada perkataan “Football Money” kepada perkataan lain, inipun termasuk juga dalam takrif bayaran yang terkeluar daripada yang dibenarkan oleh undang-undang itu. Jika

ada bukti bahawa wang semacam itu dibayar walaupun atas apa nama sekali pun, saya harap dibuat lapuran dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi keterangan adakah Kementerian beliau mengambil tindakan atas syarikat-syarikat pinjaman yang sudah melanggar Undang-undang Pinjaman itu.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi Undang-undang Sewa Beli sebagaimana dipinda di mana telah ditetapkan bahawa perbuatan membayar wang semacam ini adalah salah baharu sahaja diluluskan oleh Dewan ini. Sebagaimana juga saya terangkan tadi peraturan-peraturan ataupun regulations di bawah undang-undang ini sedang dibuat dan akan disediakan tidak lama lagi. Apabila berjalan kuatkuasa peraturan-peraturan ini maka tindakan sewajarnya akan diambil.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Menteri yang berkenaan menyatakan untuk mengambil tindakan kepada syarikat kewangan yang berkenaan hendaklah kita dapatkan resit daripada pembayaran "Football Money". Apa yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, "Football Money" ini dikenakan apabila kita hendak membeli kereta second-hand berdasarkan sekian peratus daripada jumlah wang yang hendak kita pinjam. Misalnya, kita hendak pinjaman daripada finance company beli kereta second-hand itu \$4,000, 2% dikenakan daripada \$4,000, itulah yang dinamakan "Football Money". Jadi, yang biasa dilakukan, sayapun biasa alami, ialah "Football Money" yang dikenakan ini tidak pernah dikeluarkan resit. Kalau kita tidak bersetuju hendak bayar "Football Money" pinjaman kewangan itu kita tidak akan dapat. Inilah masalaahnya yang patut kita terangkan dalam Dewan ini dan kita minta apa cara pihak Kementerian akan mengambil tindakan supaya perkara ini kita dapat mengambil tindakan kepada orang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih atas keterangan itu.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Resit yang saya nyatakan perlu diminta tadi bukan resit berkenaan dengan bayaran "Foot-

ball Money", resit berkenaan dengan bayaran yang dihalalkan oleh undang-undang seperti yang saya sebutkan tadi: harga tunai bayaran tambang, insuran, pendaftaran, faedah sebanyak 10%. Dengan adanya resit ini kita tahu apa yang telah dibayar secara halal dan kalau ada extra itu dianggap bayaran yang salah walaupun namanya bukan "Football Money". Jadi resit yang dikehendaki cuma resit terhadap bayaran-bayaran yang dibenarkan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Embong bin Yahya: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa segala peraturan jual beli seumpama ini hanya disimpan di dalam Kementerian Perdagangan sahaja, orang ramai tak tahu. Jadi, kebanyakan pembeli-pembeli jadi mangsa sebab tak tahu peraturan-peraturan jual beli seumpama itu. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh dengan cara apa jalan, peraturan ini diberitahu kepada orang ramai ataupun ditampal dalam syarikat-syarikat itu, siapa yang datang membeli boleh membaca bagaimana-peraturan membeli hire purchase dan sebagainya. Jadi, kedua-dua pihak tahu.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku selama ini perkara ini berlaku kerana banyak orang tidak memahami dengan tepatnya undang-undang berkenaan sewa jual beli ini. Oleh kerana sudah ada pindaan dan ada peraturan-peraturan yang sedang disediakan itu, saya berjanji di sini siap sahaja peraturan ini dan sebelum kita menjalankan kuatkuasa peraturan ini, Kementerian saya menerusi mass media, terutamanya Kementerian Penerangan dan suratkhbar-suratkhbar akan memberi penjelasan yang panjang lebar tentang peraturan-peraturan yang kita akan laksanakan.

KILANG BERAS

10. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah bilangan kilang beras besar di Malaysia sekarang dan berikan angka pecahannya mengikut negeri. Berapa banyakkah daripada kilang-kilang ini dipunyai oleh:

- (a) kaum Bumiputra; dan
- (b) bukan Bumiputra.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, bilangan kilang beras besar di Malaysia sekarang berjumlah 196 buah dan angka pecahannya mengikut negeri ialah seperti berikut:

Kedah	...	...	...	...	52
Perlis	...	...	...	...	7
Pulau Pinang	...	...	...	...	29
Perak	...	...	...	...	18
Kelantan	...	...	...	...	8
Selangor	...	...	...	...	6
Melaka	...	...	...	...	1
Johor	...	...	...	...	1
Sabah	...	...	...	...	74
					196

Negeri-negeri Pahang, Trengganu, Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah tidak mempunyai kilang-kilang beras besar.

Daripada jumlah kilang besar yang disebutkan di atas, 37 buah dipunyai oleh kaum Bumiputra dan 145 buah lagi oleh kaum bukan Bumiputra.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar hari ini banyak kilang-kilang beras di Kelantan khususnya telah mati tidak dapat berjalan hari ini. Sekiranya sedar, apakah tindakan yang akan diambil.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Saya sedar dan saya akan mengadakan perundingan dengan tuan-tuan kilang itu pada satu masa tidak berapa lama lagi.

Tuan S. Samy Vellu: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bilangan kilang beras Kerajaan dalam negeri kita.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kilang padi yang dipunyai oleh Lembaga Padi dan Beras Negara ialah 9 dan Lembaga Padi Beras Negeri Sabah 5 buah, jumlahnya 14 buah.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya daripada Menteri yang berkenaan apakah ukuran untuk menentukan samada kilang beras itu besar atau kecil.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kilang samada besar atau kecil ini adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri masing-masing dan kilang yang besar disifatkan sebagai kilang commercial yakni mengadakan jentera, mesin padi yang bertaraf commercial yang mempunyai kuasa-kuda yang berapa banyak dan yang kecil itu disifatkan sebagai kilang-kilang kecil sahaja.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri perseimbangan amatlah banyak daripada kilang Bumiputra dan kilang yang bukan Bumiputra. Apakah cara yang akan dijalankan oleh Kementerian beliau untuk menseimbangkan kilang-kilang tersebut.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kilang-kilang kecil adalah dipunyai oleh kaum Bumiputra dan mereka itu dinasihatkan supaya memperbesarkan kilang mereka dengan mengadakan jentera-jentera yang baharu yang lebih besar daripada apa yang mereka ada pada hari ini.

HASIL TANAH

11. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai pemilik tanah yang tanahnya telah diambil oleh Kerajaan untuk tujuan pembangunan masih lagi membayar hasil tanah mengikut luas asalnya. Jika sedar, apakah tindakan segera yang telah dibuat. Jika tidak, bilakah perkara ini akan diselesaikan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah Seksyen 25 (1) Undang-undang Pengambilan Balik Tanah 1960 menghendaki Pemungut Hasil Tanah mengubah hasil tanah yang telah diambil balik sebahagian daripadanya kepada jumlah hasil menurut nilai kawasan yang tertinggal daripadanya pengambilan itu dan Pemungut Hasil Tanah juga dikehendaki menentukan tanah tersebut diukur semula. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu Kementerian ini kes-kes yang tertentu bolehlah Kementerian ini mengambil tindakan-tindakan yang seterusnya.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kejadian ini banyak kali berlaku di kawasan saya di Sungai Siput

kepada orang-orang bumiputra yang kurang faham mengenai Undang-undang Tanah. Oleh sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi akuan kepada Dewan ini bahawa wang itu akan dibayar balik secepat mungkin.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi, kalau ada kes-kes macam ini bolehlah dibawakan. Saya rasa Wakil dari Sungai Siput pun tidak keberatan membawa kes-kes ini kerana saya mengetahui beliau itu rajin sangat.

PENERBANGAN MAS TAWAU/ KOTA KINABALU

12. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) samada beliau sedar bahawa penumpang-penumpang dalam penerbangan antara Tawau/Kota Kinabalu kerap tidak diberi makanan dan jika ya, samada kemudahan ini diberi kepada mereka di masa yang akan datang; dan
- (b) samada kapalterbang-kapalterbang MAS diperiksa dengan teliti sebelum membuat penerbangan untuk mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini dan berapa kalikah kerosakan telah berlaku bagi penerbangan MAS Tawau/Kota Kinabalu dalam tahun 1976 dan adakah ini bererti tidak cukup pengawasan yang teliti.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penumpang-penumpang perkhidmatan MAS dalam penerbangan dalam negeri termasuk penerbangan Tawau/Kota Kinabalu ada diberi makan minum semasa dalam penerbangan. Walau bagaimanapun, jenis makanan yang dihidangkan adalah berbeza mengikut jangka masa dan waktu penerbangan itu berlaku, umpamanya jika penerbangan itu berlaku diwaktu makan tengahari, hidangan makan tengahari disediakan, seperti penerbangan MH 223 Kota Kinabalu/Tawau. Begitu juga jika penerbangan itu berlaku diwaktu makan malam, hidangan makan malam disediakan. Untuk penerbangan-penerbangan di waktu lain,

makan ringan seperti teh, kopi, air nenas dan sandwich yang terdiri dari keju, ayam, ikan dan telur disediakan.

- (b) Semua pesawat-pesawat MAS diperiksa dengan teliti oleh jurutera-jurutera serta ketua juruterbang untuk langkah-langkah keselamatan. Di samping itu semua pesawat MAS terpaksa menjalani pemeriksaan pemeliharaan (maintenance) dari masa ke semasa sebagaimana ditetapkan oleh Lembaga Penerbangan Awam. Mengenai kerosakan-kerosakan yang berlaku bagi penerbangan Tawau/Kota Kinabalu, bagi tahun 1976 MAS hanya mengalami kerosakan sebanyak 7 kali atau 0.06% dari jumlah 1,086 penerbangan yang dibuat dari bulan Januari-Jun 1976. Kerosakan-kerosakan ini berlaku oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan walau pun pemeriksaan rapi dibuat.

KADA—PADI LUAR MUSIM

13. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan dapat memastikan bahawa tanaman padi luar musim di Kawasan KADA dan sebahagian daripada Bachok pada masa hadapan, dapat dilakukan dengan sempurna memandangkan bahawa bekalan air ke sawah-sawah di kawasan tersebut terpaksa dipotong dengan sebab-sebab tertentu dalam tanaman padi luar musim tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mempunyai maksud yang sama dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang telah saya jawab pada 8hb Julai, 1976. Oleh itu, saya dengan sukacitanya meminta Ahli Yang Berhormat merujuk kepada jawapan tersebut.

PERKHIDMATAN BOMBA

14. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa Pegawai dan Kakitangan Ahli Bomba seluruhnya tidak puashati dengan syarat-syarat Perkhidmatan gaji dan layanan

Kerajaan terhadap mereka sekarang ini. Apakah sikap dan langkah Kerajaan dalam masaalah ini; dan

- (b) bilakah sebuah Balai Bomba baru yang lebih moden akan dibina di Tangkak, Johor.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar bahawa pegawai dan kakitangan Ahli Bomba keseluruhannya masih tidak puashati dengan syarat-syarat perkhidmatan gaji dan layanan Kerajaan terhadap mereka sekarang ini.

Sikap dan langkah Kerajaan dalam masaalah ini telahpun diambil seperti satu sekim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Bomba yang sempurna telahpun dikuatkuasakan yang meliputi tangga-gaji, kelayakan masuk dan kenaikan pangkat yang setaraf dengan lain-lain perkhidmatan beruniform. Ini telahpun dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1976. Ada antara tuntutan-tuntutan Anggota Bomba dikemukakan tetapi masih menunggu keputusan muktamad. Walau bagaimanapun jika ada perkara-perkara yang tidak puashati Kerajaan sedia menerima dan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

- (b) Kementerian saya sekarang memangnya berniat untuk mendirikan stesyen-stesyen bomba di daerah-daerah yang memerlukannya. Dalam perkara ini kajian yang mendalam di atas keperluan-keperluan stesyen-stesyen bomba sedang dikaji oleh Kementerian saya bagi tahun-tahun yang akan datang dimana Kerajaan akan mendirikan menurut keadaan yang mustahak. Oleh sebab itu untuk membina sebuah Balai Bomba baharu yang moden di Tangkak, Johor perkara ini belum dapat ditentukan.

TALIGERAM KEPADA PENERIMA

15. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau bercadang untuk membolehkan taligeram-taligeram mustahak disampaikan pada hari-hari minggu dan hari cuti umum kepada rakyat di Trengganu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, di Negeri Trengganu, hari Ahad ialah hari bekerja, iaitu bukan hari kelepasan, dan pada hari tersebut taligeram-taligeram yang diterima di Pejabat Taligerap Kuala Trengganu disampaikan kepada sipenerima secara biasa.

Pada hari kelepasan, pejabat taligerap di Kuala Trengganu dibuka pada jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi, iaitu mengikut waktu bekerja pejabat Pos Kuala Trengganu, oleh sebab pejabat taligerap ditempatkan di sebahagian bangunan Pejabat Pos.

Bagi taligeram-taligeram segera untuk Negeri Trengganu, yang melibatkan kemalangan, kesakitan, kematian dan sebagainya, yang diterima selepas waktu bekerja di pejabat Kuala Trengganu, iaitu selepas waktu 10 pagi, dan pada hari Jumaat, usaha-usaha diambil supaya taligeram-taligeram tersebut disampaikan melalui talipon, jika boleh, dari Pejabat Taligerap Kuala Lumpur. Dan jika ini tidak dapat dilakukan, pihak tersebut akan menghubungi balai-balai Polis yang berhampiran supaya khabar-khabar tersebut dapat disampaikan kepada sipenerima.

YUNIT RELA

16. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kementerian beliau sedar banyak yunit-yunit RELA di Daerah-daerah perbatasan Semenanjung Malaysia/Thai di negeri Kelantan yang tidak dilengkapkan dengan senjata. Jika ya, bilakah Kementerian beliau bercadang hendak melengkapkan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan yunit-yunit RELA di kawasan perbatasan Malaysia/Thai kebanyakannya telahpun dilengkapkan dengan senjata iaitu senapang patah. Masih ada sedikit yunit lagi yang belum dilengkapkan dan ini akan dilengkapkan seberapa cepat yang boleh.

PEMAJU PERUMAHAN SYARIKAT VENKATESWARA SDN. BHD.

17. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar bahawa pada 5hb Mac, 1975 seramai 11 orang telah mengemukakan suatu pengaduan bersama

kepada beliau mendakwa bahawa sebuah Syarikat Kemajuan Perumahan berlesen, iaitu Syarikat Venkateswara Sdn. Bhd. telah melanggar beberapa peruntukan dalam Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1970 dan akibatnya mereka sebagai pembeli-pembeli rumah tempat tinggal atau kedai dalam rancangan kemajuan perumahan, Taynton View, yang dimajukan oleh Syarikat itu telah tertipu, jika sedar, nyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas pengaduan itu dan bila agaknya pengaduan-pengaduan akan mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa aduan-aduan telah dibuat terhadap Syarikat Venkateswara Sdn. Berhad; dan jika 11 orang yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai Puan Lim Ngeri Hong dan rakan-rakannya, maka saya suka menerangkan bahawa setelah Pengawal Perumahan menyelesaikan aduan-aduan mereka itu dan kemudian memberi nasihat kepada mereka tentang tindakan yang telah diambil olehnya terhadap syarikat pemaju perumahan tersebut tadi, ke semua mereka itu telah membawa kes mereka terhadap syarikat tersebut ke mahkamah dalam 8 Tindakan Civil (Civil Suit) yang berasing.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebabnya tindakan guaman tidak diambil terhadap syarikat perumahan itu sungguhpun ada ternyata pemaju perumahan ini telah melonggarkan beberapa peruntukan undang-undang semenjak tahun 1971.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi keterangan yang lanjut mengenai kes tersebut kerana kemungkinan menimbulkan *sub judice*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu bertanya kenapa tidak ambil tindakan atau dakwa. Bukan berkenaan dengan kes yang sedang dibicarakan sekarang.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perkara itu telah diambil tindakan dan perkara itu ada dalam Mahkamah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang lain boleh, kalau perkara yang telah diambil tindakan tidak boleh sebab perkara itu dalam mahkamah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada Kerajaan bercadang mengadakan satu bahagian penguatkuasa bagi mengawal gerak-geri pemaju-pemaju perumahan seperti syarikat ini?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sudah ada pengawal perumahan untuk mengawasi dan sekarang ini bukan satu sahaja, banyak tindakan-tindakan kepada pemaju perumahan yang menyeleweng sebagaimana yang dilakukan oleh syarikat itu.

WARTAWAN ASING MELAPUR BERITA PALSU

18. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa setengah-setengah wartawan asing di negara ini didapati melapurkan berita-berita yang boleh menimbulkan perpecahan di kalangan negara-negara ASEAN dan juga berita-berita yang boleh mengotorkan imej negara di mata dunia luar. Jika ya, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada wartawan-wartawan asing, bukan banyak tetapi ada, yang cekap dalam mereka-reka perkara yang tidak-tidak ini. Ada yang datang ke negara kita ini hanya beberapa jam sahaja kemudian menulis seolah-olah mereka ini ahli dalam apa yang mereka tulis itu. Bahkan kebanyakan cerita angin yang ditulisnya didapati daripada bar, hotel-hotel yang ditiupkan oleh anasir-anasir yang tidak senang dengan Kerajaan Malaysia. Umpamanya, ada seorang wartawan bernama Alwyne Edgar Herbert Taylor warganegara British yang bekerja dengan "Daily Mail" dan tinggal di Penang Road, Singapura. Baru-baru ini dia menulis dalam akhbar di London mengatakan gerila (guerrilla) komunis yang berkeliaran di belantara Utara Malaysia telah menembak jatuh 20 buah pesawat udara dan helikopter kita dalam tempoh enam minggu dengan menggunakan SAM 7

buatan Russia. Bukankah ini perkara bohong semata-mata! Kalau sudah 20 buah kapal terbang kita ditembak jatuh dalam enam minggu kita tidak ada lagi Air Force dan kita tahu gerila komunis di perbatasan Malaysia/Thailand tidak mempunyai senjata seperti tersebut itu dan yang kita tahu hanya sebuah sahaja helikopter yang ditembak tetapi bukan ditembak dengan senjata itu. Boleh jadi orang yang begini dia tidak lulus dalam ilmu alam atau terlampau banyak cocktailnya, dia minum semasa dia menulis atau barangkali juga perasaan hasat dan dengki. Yang anihnya British Broadcasting Corporation (BBC) London yang biasanya adalah satu alat penyiaran berita yang boleh dipercayai sama bersubahat memanjangkan bukan perhubungan, tetapi perbohongan ini pada 7hb Jun, 1976. Jadi, sekarang istilah BBC itu ada orang bertanya kepada saya apakah maknanya B, bohong, borak atau bluff. Ada lagi seorang yang bernama Bruce Paul Wilson yang duduk di Mayor Road di Singapura yang juga menulis sealiran dengan orang yang saya sebutkan tadi. Saya berharap janganlah Ahli Yang Berhormat khuatir sangat dengan penulisan demikian kerana pembohongan tidak kekal kesannya. Perkara ini bukan perkara baru, semenjak dari tarikh merdeka lagi kita sudah menempuhi pengalaman yang begini dan kalau sekiranya penulisan karut seperti yang dibuat itu berkesan, sudah lama negeri kita ini hilang nilai dan sudah lama hilang kedudukannya di sisi negara-negara asing. Tetapi, insya Allah, sebaliknya kedudukan negara kita ini di kalangan antarabangsa sangat kukuh dan sangat dihormati.

Hanya saya katakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka itu kedustaan begini hanya akan mengancam makna dan maksud kebebasan akhbar (freedom of the Press). Kebebasan yang dimaksudkan ialah kebebasan membuat laporan serta liputan yang benar dan pemikiran yang ikhlas, bukan kebebasan untuk membohong. Mereka ini ialah barangkali dengan tidak setahuanya sendiri menjadi alat atau sahabat musuh demokrasi. Merekalah yang bertanggungjawab sebagai satu daripada unsur yang boleh meruntuhkan demokrasi.

Satu lagi perkara, yang suka saya sebutkan di sini bahawa pihak yang bertanggungjawab termasuk Kerajaan asing atau pedagang asing yang berpengaruh tidak menghiraukan laporan orang seperti Taylor dan Wilson kerana mereka mempunyai saluran sendiri

untuk mendapatkan berita yang benar. Pihak Kerajaan kita juga menggunakan alat-alatnya untuk menyampaikan berita dan kedudukan yang betul kepada semua pihak sedunia.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan dengan jelasnya di Dewan ini iaitu kita telah mengetahui dua orang penulis pembohong yang bermastautin di Singapura. Apakah tindakan terhadap mereka atau adakah mereka masih lagi dibenarkan singgah minum cocktail di dalam negeri kita atau apabila mereka singgah kelak bolehkah kita menangkap mereka?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita, kita mempunyai undang-undang yang berterus-terang iaitu kita hanya menangkap orang yang boleh membawa kepada perkara yang menyalahi undang-undang. Kalau dia hendak berbohong itu tergantunglah kepada dia, macam mana saya jawab tadi akhirnya kenyataan itu akan lebih berkesan daripada pembohongan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada membawa dua contoh yang kedua-duanya adalah pemberita asing yang tinggal di Singapura. Oleh kerana Singapura adalah satu daripada rakan kita di dalam ASEAN, tidakkah boleh kita mendapat kerjasama daripada Kerajaan Singapura untuk mengusir orang ini daripada wilayah kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan tadi, sudah saya jawab. Soalnya tindakan yang kita ambil tidak perlu dengan cara mengusir atau menangkap.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita semua terhutang budi kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang dengan tegas mempertahankan kebebasan akhbar sehingga mempertahankan juga orang yang dusta dan bohong, menunjukkan negara kita ini menghormati kebebasan suratkhbar. Tetapi soal yang saya suka hendak kemukakan ialah samada pihak Kerajaan sedar ataupun terfikir barangkali setengah-setengah wakil-wakil suratkhbar yang datang itu bukan ada niat hendak merosakkan kita, akan tetapi perhubungan mereka itu barangkali dengan orang yang salah atau tidak mendapat berita

daripada orang yang tidak cukup perkhabaran. Kalau betul begitu, adakah patut atau tidak kita berusaha mengadakan peraturan yang lebih lengkap supaya menerusi Pegawai-pegawai Penerangan kita, Press Secretary, lain-lain pegawai dan ajensi-ajensi yang boleh memberi layanan yang sesuai dan baik kepada wartawan-wartawan yang melawat negara kita supaya mereka itu dibawa berjumpa dengan orang yang patut boleh berjumpa ataupun diberi peluang berjumpa dengan orang besar-besar dan orang yang tahu supaya lapuran mereka itu authoritative.

Keduanya, selagi ada pemberita-pemberita asing tinggal di Singapura selama itulah soal ini akan berbangkit. Tidakkah Kerajaan berfikir untuk mengadakan kemudahan-kemudahan di Kuala Lumpur ini sendiri supaya mengatasi soal perhubungan (communication) supaya menyenangkan orang itu berhubung dengan suratkhbar dia serta memberi kesenangan dan kemudahan untuk mendapat talipon dengan senang. Barangkali kalau mereka ada anak-pinak, mendapatkan tempat bersekolah yang baik bagi anak-anaknya dan menggalakkan semua foreign correspondents itu jangan berpusat di luar negeri atau di Singapura akan tetapi bekerja di tengah-tengah kita supaya mereka lebih faham dan dapat menjalankan kerja dengan sempurna dan dapat melapurkan dengan betul.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang faham kepada soal-soal itu, bahkan Kerajaan memang menggalakkan mereka ini datang dan duduk di sini dan semua kemudahan ada di sini tetapi ini adalah pertimbangan mereka dan di manakah mereka patut mengadakan pusat. Itu adalah pertimbangan kepada pihak-pihak tertentu yang menentukan di mana wakil-wakilnya mesti duduk. Kita tidak boleh memaksa mereka datang kemari sungguhpun kita mempunyai alat-alat yang paling moden sekali dalam dunia, bahkan satellite pun kita boleh pakai. Hanya sekarang yang menjadi persoalan macam yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adakah kita memberi layanan apabila mereka berada di sini? Saya mengatakan di sini tidak pernah kita tidak memberi layanan, tetapi kalau benda itu ditulis iaitu 20 kapal-terbang ditembak dari mana dapat cerita itu? Itu juga menjadi takjub kepada kita iaitu maksudnya cerita yang benar dia tidak tulis, tetapi kalau dia suka menulis cerita yang tidak benar, kita layan. Apa yang saya

tahu rakan saya—beliau sudah tidak ada di sini—iaitu Menteri Penerangan memang sentiasa memberi layanan. Saya sendiri, umpamanya, hari lusa beberapa orang akhbar dari Kuwait datang, saya terima dan akan berbicara dengan mereka dengan sepenuh-penuhnya. Pendeknya, kalau hendak minta layanan tak kuranglah dari segi layanan.

Tuan A. Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan terang dan jelas kepada kita bukan sahaja dua orang wartawan itu bahkan mungkin ramai lagi yang telah merosakkan nama baik negara kita, khususnya di luar negeri. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan apakah tindakan Kerajaan, dan tindakan balas (counter) daripada Embassy kita untuk membersihkan perkara yang telah ditimbulkan oleh penulis-penulis asing itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, penulis-penulis itu tak ramai, tetapi ada sedikit sahaja, dan ramai pula yang betul-betul bekerja dengan memberi menafaat kepada makna kebebasan akhbar (freedom of the Press). Jadi, tindakan itu sudah saya terangkan tadi iaitu kita tidak akan mengambil tindakan, melainkan karangan dan tulisannya itu melanggar undang-undang negara kita, umpamanya, boleh membawa kepada perpecahan kaum perkelahian antara agama dengan agama atau dalam sensitive law kita. Tetapi kalau dia membohong saya telah menyatakan tadi bahawa tindakan yang lebih baik iaitu kita sendiri menceritakan apa yang benar dan kebenaran dan kenyataan itulah yang akan menang akhirnya.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Soalan tambahan. Tidakkah Menteri berkenaan khuatir jikalau kita biarkan pemberita-pemberita asing ikut suka mengeluarkan berita-berita dari negara kita, tidakkah Menteri berkenaan berkuasa untuk menafikan dengan serta-merta ataupun menghantar kawat kepada duta-duta kita di luar negeri supaya menyatakan berita-berita yang dikeluarkan itu adalah berita bohong.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, segala langkah-langkah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi telah dibuat tiap-tiap kali ada kenyataan bohong seperti itu

kalau sekiranya perkara yang disiarkan di negeri itu, umpamanya, kalau disiarkan di Amerika. Baru-baru ini ada satu cerita bohong di Amerika. Duta kita sendiri membuat siaran dalam akhbar menyatakan cerita itu bohong semata-mata. Akan tetapi, langkah yang lain yang mesti kita ambil itu macam saya kata tadi kalau bercanggah dengan undang-undang sahaja baru kita mengambil langkah kalau tidak kita mesti berdiri tegak pada kenyataan dan kebenaran dan itu sahaja yang kekal.

Tuan Yang di-Pertua: Harus boleh jadi terang kalau Yang Berhormat menceritakan, kalau cerita bohong itu dicetak dalam surat-khabar luar negeri adakah kita boleh mengambil tindakan atau tidak atas orang yang menulis cerita bohong itu. Barangkali boleh jadi terang kepada Dewan ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, itulah soal bohong itu adakah bohong itu membawa kepada menyalahi undang-undang kita, umpamanya, di dalam sensitive issue. Umpamanya, dia mengapi-apikan satu kaum terhadap satu kaum, sehingga boleh jadi perkelahian antara orang Melayu dengan orang India atau orang Islam dengan bukan Islam. Ini kita boleh ambil tindakan kalau dia ada di dalam negeri atau kalau kemudian dia melintasi dalam negeri ini kita cekuplah dia. Memang ada kuasa itu.

Tuan Embong bin Yahya: Yang Berhormat Menteri berkenaan menyatakan bahawa alamat dan nama orang yang menulis itu diketahui dengan terang. Adakah dibuat perhubungan penafian kepada mereka menyatakan penulisannya itu bohong ataupun kita beritahu BBC sendiri bahawa BBC yang menyiarkan berita itu bohong.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Beberapa langkah sudah dibuat termasuk juga dalam satu daripada perkara yang dibuat oleh orang-orang itu bahawa Kedutaan negara dia sendiripun dipanggil dan diberitahu hal itu.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, satu pujian lagi kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dengan pendirian yang tegas menunjukkan pada dunia bahawa ada kebebasan surat-khabar di sini dan kita tidak hendak

tangkap orang yang buat salah. Saya hendak tanya betul atau tidak yang sebenarnya orang yang buat berita bohong itu dia yang dapat nama busuk, negara kita Malaysia selagi apa yang kita buat itu betul, biar dia cerita bagaimanapun kalau kita betul nama kita baik. Ketiga, satu contoh yang timbul baru-baru ini waktu konvokesyen di Universiti Malaya ada satu berita surat-khabar di England menyatakan Universiti Malaya akan mengurniakan degree kepada dua ekor anjing polis. Bantahan telah dibuat dan diberi keterangan bukan sahaja dinafi, suruh minta maaf pula dan cerita ini dijelaskan. Pendeknya, betul atau tidak perkara perhubungan dan penerangan itu adalah tanggungjawab kita semua, Kerajaan, umat, kedutaan dan sesiapa sahaja supaya kita bila dapat suatu berita tidak betul, beritakan apa yang betul supaya orang ramai tahu apa yang betul. Negeri yang melakukan perkara yang betul namanya akan sentiasa baik, tetapi orang yang tulis perkara yang tak betul namanya busuk. Betul atau tidak?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, betul. *(Ketawa)*

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tadi Yang Berhormat Menteri menerangkan kalau didapati penulis-penulis pembongkaran itu betul-betul ada melanggar undang-undang dalam negeri apabila penulis itu melintasi dalam negara kita sahaja baru boleh kita tangkap. Tidakkah ada pihak Kerajaan kita boleh mengambil tindakan, kalau penulis itu yang duduk di luar negeri dan masih juga menulis melaga-lagakan keadaan perkauman dalam negeri ini, adakah satu usaha ataupun satu jalan Kerajaan kita boleh menangkap penulis tersebut walaupun berada di luar negeri melalui Kerajaan tempat dia tinggal itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perkara itu tertakluk di bawah Extradition Treaty dan sekiranya ada Extradition Treaty dengan negara itu sekiranya kesalahannya itu tertakluk di bawah Treaty itu, insya Allah, kita usahakan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang akhir, kalau banyak-banyak tak muat surat-khabar hendak masukkan berita. *(Ketawa)*

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan penghabisan. Menteri berkenaan menyatakan kalaulah berita yang dikeluarkan oleh pemberita luar negeri itu bohong, maka itu mengakibatkan nama dia sendiri, tetapi kalaulah berita itu yang diberitakan itu sebagai satu contoh tidak beberapa lama dahulu bahawa pemuda-pemuda China banyak pergi ke bawah tanah (underground) kerana tidak puas hati dengan Dasar Ekonomi Baru negara kita, maka ini boleh mencetuskan keharmonian negara kita atau perkauman antara kaum di negara ini. Maka jika berita-berita itu ditimbulkan tidakkah boleh demi kepentingan negara kita membuat contoh daripada General Idi Amin dan pemberita-pemberita seperti itu kita usir daripada negara kita. Kalau mereka duduk di Singapura, maka minta kerjasama daripada Kerajaan Singapura.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan itu kalau dibuat oleh sesiapaupun seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi hanya boleh dinafikan oleh kenyataan. Jadi tuduhan yang dibuat itu akhirnya apa telah jadi hari ini? Kita tak ada berkelahi.

(Jawapan Soalan No. 6 adalah diberi di bawah ini).

PELAJARAN UGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN

6. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau ada bercadang untuk menambahkan lagi masa untuk Pelajaran Agama di Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah-sekolah Menengah.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Kementerian Pelajaran telah menetapkan masa minima untuk mengajar satu-satu mata-pelajaran di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Walau bagaimana, perkara menambahkan masa untuk pelajaran agama sedang dikaji dan dipertimbangkan oleh Kementerian Pelajaran. Perkara ini terpaksa dikaji dengan teliti kerana masa bagi mata-pelajaran lain juga adalah perlu demi untuk menyamakan taraf pengetahuan murid-murid yang beragama Islam dengan yang tidak beragama Islam dalam semua bidang pelajaran yang diperlukan untuk kemajuan negara dan bangsa.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1976

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$3,317,031,398 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976 yang mana sejumlah \$1,982,785,649 bagi Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11hb Disember, 1975 dan Dewan ini diminta meluluskan tambahan sebanyak \$1,334,245,749 bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala yang disenaraikan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam penyata Anggaran Pembangunan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (28hb Julai, 1976).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari inilah sehari sahaja kita utunkan untuk membahaskan dasar atau prinsip berkenaan dengan Anggaran Pembangunan, 1976 dan kenalah saya peruntukkan masa untuk pihak Menteri menjawab juga, tetapi saya tidak tahu lagi sebanyak mana masa yang hendak diuntukkan, sekejap lagi saya beritahu. Sebelum daripada Menteri-menteri menjawab, bolehlah Ahli Yang Berhormat membahaskan perkara ini dan semalam rasanya Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang belum lagi habis ucapan beliau, saya jemputlah beliau menyambung tetapi mintalah jangan panjang-panjang sebab barangkali ada banyak lagi Ahli-ahli yang hendak bercakap, mintalah tolong pendek-pendekkan.

3.31 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, perkara tanah yang telah saya sebutkan semalam, jadi saya panjangkan lagi iaitu perkara tanah ini hendaklah dilaksanakan serta-merta di seluruh desa-desa dan di kampung-kampung. Di masa lalu swasta-swasta asing dan luar negeri diberi banyak peluang memiliki tanah konon dengan

harapan dapat membantu usaha-usaha menyedekahkan dasar Kerajaan, tetapi apabila keuntungan mereka sedikit terjejas, mereka lari, bungkus keuntungan dan segala tanah-tanah mining lease daripada syarikat asing itu tadi habis dijual kepada taukeh-taukeh. Maka pekerja-pekerjanya tidak dikehendaki lagi melibatkan pekerja-pekerja menganggur. Begitu juga pemecahan ladang-ladang getah kebanyakan pekerja-pekerja India yang terlibat mendapat nasib yang sama. Akibatnya kegelisahan sosial/politik menimpa kepada Kerajaan dan negara. Mereka ini tidak ada tempat tinggal yang boleh menyelesaikan sosio-ekonomi mereka sendiri. Kalaulah dapat pihak Kerajaan Federal membuat satu kajian dengan Kerajaan Negeri memberi mereka tanah-tanah yang telah digunakan oleh lombong-lombong dan diratakan tasik itu mana yang berkolam dijadikan dusun yang saya katakan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga di Kampung-kampung Baru. Sudah sampailah masanya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, semua kampung-kampung baru hendaklah disemak semula iaitu sejak tahun lima puluhan hinggalah ke hari ini masih tidak berubah kawasannya. Padahal, penduduknya semakin ramai. Inilah yang menjadi masaalah kepada Wakil-wakil Rakyat. Diharapkan Kerajaan akan mengambil perhatian mengenai perkara ini dengan serious-nya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan tanah, saya berpendapat eloklah Kerajaan Persekutuan menasihati Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mulai dari pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga ini, supaya Ahli-ahli Parlimen menjadi Ahli Jawatankuasa Tanah di kawasan masing-masing, setidak-tidaknya kami akan dapat mengetahui perjalanan dan pentadbiran tanah di kawasan kami masing-masing. Saya merayu serta berharap agar pihak Kerajaan mengambil perhatian di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu kerakyatan. Mintalah Kerajaan jangan terlalu liberal dengan pemberian kerakyatan. Sudah hampir 20 tahun kita Merdeka, maka ada baiknya ujian bahasa itu dikaji semula dan patut sangat ditinggikan standardnya. Sudah menjadi tanggungjawab tiap-tiap orang rakyat mengetahui Bahasa Malaysia dan ujian itu patut sangat disesuaikan dengan keadaan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keselamatan negara pula, pendaftaran penduduk-penduduk (tenant registration) hendaklah dilancarkan ke seluruh negara ini. Ini sangat perlu memandangkan ramai anasir-anasir jahat dari sesuatu negeri dan daerah-daerah membuat kacau di daerah dan di negeri-negeri lain. Dengan adanya rancangan registration ini maka dapatlah kita check mereka yang baru datang ke kampung-kampung halaman kita. Begitu juga dengan buruh-buruh yang di bawah majikan yang tidak tetap seperti kontraktor. Buruh-buruh ini hendaklah didaftarkan oleh kontraktor-kontraktor itu di mana sahaja mereka bekerja dan dengan jalan demikian maka dapatlah kita mengawasi kegiatan-kegiatan mereka itu.

Berkenaan dengan orang Asli, usaha hendaklah digiatkan lagi supaya mereka ini dibawa keluar daripada hutan. Jika mereka masih berada dalam hutan maka senanglah pihak kominis mempengaruhi mereka. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga maka hendaklah membanyakkan lagi program-program kampung asli seperti di Port Khemar, port-port yang lain seperti itu. Yang lebih penting sekali mereka ini hendaklah dijinakkan dan dibawa ke masyarakat yang dekat dengan mereka iaitu orang-orang bumiputra, orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan filem-filem di panggung wayang. Saya menyokong penuh sarikata (sub-title). Jika sarikata itu ada dalam bahasa China, mengapa pula tidak boleh diadakan di dalam Bahasa Malaysia? Hendaklah kurangkan filem-filem jenayah dan rompak dalam talivisyen khasnya, di panggung-panggung wayang hendaklah ditapis terlebih dahulu. Pihak Kerajaan hendaklah dikenakan menjalankan segala usaha supaya filem-filem di negeri ini tidak semuanya filem-filem China dan Inggeris sahaja. Elok dibawa masuk filem-filem Indonesia, Thai dan Filipina untuk merapatkan lagi hubungan kita dengan negeri tetangga kita. Tuan Yang di-Pertua, di rancangan Talivisyen dan Radio Malaysia hendaklah memperbanyakkan filem-filem yang bercorak pembangunan iaitu kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga bergantung banyak kepada acara-acara RTM memprojeckannya.

Berkenaan buku Samad. Buku-buku karangan Samad Ismail oleh kerana pihak kominis hari ini menggunakan buku Literature ataupun Kesusasteraan maka amat merbahaya

sekali kepada rakyat kita oleh kerana Samad Ismail sudah menulis banyak buku maka adalah diharapkan Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran amnya mengkaji buku-buku yang telah ditulis oleh Samad Ismail, buku itu khasnya buku-buku teks di sekolah-sekolah hendaklah ditarik balik ataupun diharamkan di pasaran-pasaran buku di tanah-air kita.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melaksanakan undang-undang menentukan sarikata Bahasa Malaysia filem-filem asing ke Bahasa Melayu yang mana akan dikuatkuasakan pada 1hb September.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bersangkutan dengan FIDA. FIDA ini ditubuhkan untuk menyelaraskan penubuhan syarikat-syarikat perdagangan terutama bagi kaum-kaum bumiputra. Tetapi sayangnya tujuan murni FIDA ini tidak dapat berjalan begitu licin dan kadangkala merugikan kumpulan-kumpulan yang ingin menceburkan diri dalam perniagaan. Ini dapat diberi contoh, misalnya sebuah syarikat bumiputra yang ingin menubuhkan perniagaan setelah menghantarkan kertas kerja kepada pihak FIDA ia memakan masa bertahun-tahun untuk diproses serta diluluskan. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku misalnya dalam tahun 1976 syarikat ini ingin menubuhkan sebuah badan perniagaan dengan modal (capital) sebanyak \$500,000. Apabila syarikat perniagaan ini diluluskan dua tahun yang akan datang iaitu tahun 1978 tentulah modal yang dicadangkan dua tahun lampau tidak mencukupi dan mungkin modal yang dikehendaki pada tahun 1978 hampir-hampir \$2 juta. Ini adalah disebabkan inflasi juga tenaga buruh yang berlipat ganda. Diharapkan Kementerian ini dapat menubuhkan badan penasihat di dalam FIDA itu sendiri yang mana dapat memberi nasihat kepada syarikat-syarikat bumiputra adakah sesebuah perniagaan itu menguntungkan badan-badan yang boleh mempercepatkan segala kelulusan permohonan-permohonan kerana dengan cara inilah dapat Kerajaan menggalakkan kaum bumiputra menceburkan diri dalam dunia perniagaan. Jika ini tidak dilaksanakan \$18,000 juta yang dianggarkan oleh pihak Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak akan memberi menafaat kepada kaum bumiputra.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, ia akan memberi keuntungan yang besar kepada pihak-pihak yang berada yang terdiri daripada kaum-kaum bukan bumiputra dan pelabur-pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh berkenaan dengan Pelajaran pula iaitu Kementerian Pelajaran. Ingin saya mengesyorkan agar sukatan pelajaran perdagangan di ubah-suaikan dengan kehendak-kehendak rakyat, terutama di luar bandar yang terdiri daripada kaum bumiputra. Ini mustahak dilakukan kerana bumiputra menganggap dunia perniagaan adalah dunia yang terlalu asing baginya. Ini adalah disebabkan latar-belakang hidup dan juga keadaan alam sekeliling masyarakat bumiputra itu sendiri. Sukatan itu mestilah menitikberatkan perkara yang dihadapi bukannya ekonomi yang susah-susah yang dibukukan oleh orang-orang barat. Kaum bumiputra mestilah diajar apakah yang berlaku di belakang meja seorang taukeh kedai. Mereka mesti faham bahawa wang itu boleh dijadikan modal untuk digandakan bukan hanya untuk dibelanjakan. Apa yang berlaku pada hari ini walaupun kaum bumiputra yang berpelajaran tinggi di dalam dunia perniagaan menerangkan bahawa selalunya perkara-perkara yang belum dipelajari oleh mereka itu membelanjakan wang kerajaan mereka di hotel-hotel besar. Mereka pandai menggunakan wang, bagaimana menuntut (claim) juga membeli beg-beg James Bond yang cantik-cantik. Itu sahajalah yang mereka pandai. Keadaan seperti ini mestilah diubah agar golongan-golongan terpelajar ini mencari jalan menggunakan wang yang berlebihan yang mereka dapati itu untuk membeli saham atau membelanjakan dengan cara-cara lain agar wang itu dapat digandakan.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran perniagaan juga mestilah diambil dengan teliti sebagai perkara asas. Satu misalannya yang saya ingin menyatakan di sini ialah seorang peniaga satay Melayu. Barangkali kita makan di kedai di mana taukeh-taukeh satay sendiri terpaksa memotong bawang, mentimum barangkali mungkin juga membakar satay itu sendiri dengan harga 20 sen secukupnya. Kalau kita membeli cara borong 1,000 cucuk daripada taukeh itu tanpa memotong bayaran mungkin juga dijual dengan harga 20 sen secukupnya juga. Tentu sekali bagi orang-orang yang ingin membeli secara banyak, inginkan potongan harga apabila hendak membelinya. Ini tidak

berlaku kepada peniaga-peniaga yang bukan bumiputra. Dengan cara membeli dengan harga yang murah perniagaan itu bertambah laris dan bertambah maju.

Satu perkara lagi ialah mengenai pelajaran perdagangan. Pelajaran perdagangan ini mestilah diambil di kawasan-kawasan luar bandar, jika boleh, dan seluruh sekolah-sekolah menengah kebangsaan agar kaum bumiputra di luar bandar memahami sedalam-dalamnya ilmu perdagangan ini. Golongan bumiputra menghadapi masaalah seperti tenaga pengajar dan sebagainya. Tetapi ini dapat dijalankan dengan mengadakan latihan kursus untuk bakal-bakal guru kerana penanaman modal dalam hal ini adalah menguntungkan rakyat dan mungkin dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang telahpun diistiharkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembinaan sekolah-sekolah terutama sekolah rendah, pihak Kementerian mestilah menukar sikap jangan membazirkan wang dengan mendirikan bangunan-bangunan yang cantik-cantik dan indah-indah, tetapi memadailah dengan bangunan-bangunan yang sederhana yang dianggap selaras untuk murid-murid belajar. Perkara-perkara yang kurang mustahak seperti "Gajah Menyusu Dewan" patutlah dihentikan buat sementara kerana terlalu banyak sekolah-sekolah di kawasan pendalaman yang keadaannya tidak sesuai lagi untuk digunakan sebagai tempat belajar. Berilah peluang kepada murid-murid dan guru-guru agar dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, berkenaan dengan letrik. Menurut laporan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini sebanyak 2,630 buah kampung atau lebih atau lebih kurang 211,000 orang keluarga di kawasan luar bandar akan mendapat bantuan letrik. Di Negeri Perak tiga projek rasaksa akan disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini iaitu Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia di Lumut, Lebuhraya dan Sekim Letrik Haidro di Temenggor. Masaalahnya bagi rakyat Negeri Perak ialah bekalan letrik ini dinikmati oleh negeri-negeri lain. Bagi rakyat Negeri Perak sendiri ketinggalan untuk menikmati hasil-hasil dalam negerinya sendiri. Begitu juga sebahagian daripada kampung di dalam kawasan saya masih lagi gelap gelita tidak dapat menikmati bekalan letrik di rumah-rumah mereka. Walaupun setelah 20 tahun

merdeka, mereka hendak merasa nikmat itu tidak dapat. Mereka mengatakan walaupun kawat-kawat letrik yang besar melintasi kampung-kampung mereka katanya, tetapi mereka tidak mendapat nikmat sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, Bangunan Parlimen kita ini sangat indah. Tetapi kepada Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat telah duduk di Kuala Lumpur ini selama sebulan kadang-kadang tiga bulan dan mereka ini menginap di tempat penginapan masing-masing tidak ada tempat riadhah ataupun kemudahan bersukan. Rasa saya eloklah diadakan satu tempat sukan, mana yang pandai bertenis, main tenis, begitu juga badminton. Kalau bola tidak boleh, kerana kawasan tidak cukup.

Berkenaan dengan Kantin Parlimen, rasanya sangat tidak sesuai kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahkan ada Menteri-menteri yang datang ke sana. Tempat-tempat duduknya sudah bergoyang. Patut sangatlah diganti semua. Begitu juga semalam ada satu soalan berkenaan dengan khutub-khanah Parlimen. Ini adalah menyedihkan. Parlimen kita ini selalu dilawati oleh pelawat-pelawat seluruh dunia. Melihat kepada keadaan buku-buku Bahasa Kebangsaan iaitu buku-buku dalam Bahasa Melayu sangat kurang; jauh di sana, jauh di sini. Jadi ini adalah memalukan kita. Bolehlah kita rujukkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membeli dan membanyakkan lagi peruntukan buku-buku untuk khutub-khanah Parlimen.

Begitu juga di waktu sembahyang Asar. Apabila sampai masanya, eloklah kita berhenti sebentar sekurang-kurangnya menghormati waktu.

Akhirnya, saya berharap moga-moga Rancangan Malaysia Ketiga dapat dinikmati dan dirasai oleh rakyat seluruhnya dan mencapai matlamat ke arah membina sebuah negara yang bersatu-padu, sejahtera, adil dan menjamin keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak tengok dahulu Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum bercakap lagi waktu kita berbincang. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Grik. Ahli Yang Berhormat belum bercakap lagi.

3.46 ptg.

Tuan Shamsuddin bin Din (Grik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Pembangunan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi tambahan perbelanjaan tahun 1976 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut Anggaran Pembangunan 1976 ini, saya percaya segala projek-projek yang akan dijalankan akan dapat diselesaikan sehingga akhir tahun ini. Ini satu rancangan ataupun satu anggaran yang boleh dikatakan bermulanya Rancangan Malaysia Ketiga yang baru diluluskan. Di sini, saya suka juga menarik perhatian terutamanya dari segi pentadbiran, kerana saya bimbang dengan peruntukan-peruntukan ini dan kita mengadakan projek-projek yang tertentu, tetapi apabila sampai masa atau cukup tahunnya, segala projek-projek belum siap dan wangnya pun habis. Ini adalah satu masalah yang boleh mengganggu ataupun menggagalkan segala rancangan-rancangan yang akan kita jalankan. Jadi apa yang perlu kita buat hari ini kalau mengikut di dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga, kita akan dapat banyak dan berbagai-bagai perkara, cara-cara mengawal kewangan dan berbagai-bagai cara-cara lagi bagi mengatasi masalah-masalah yang akan dihadapi di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk menjalankan pentadbiran ini supaya berjalan dengan licinnya. Jadi di atas usaha-usaha ini kalaulah dapat dijalankan dengan sepenuhnya dan tanggungjawab pegawai-pegawai yang berkenaan dan juga Kementerian yang berkenaan maka perkara ini akan dapat dijalankan dan diselesaikan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah Rancangan Malaysia Ketiga yang kita sama-sama tahu, ialah tujuan yang besar sekali menghapuskan kemiskinan, mengukuhkan perpaduan dan mengawal keselamatan. Dalam masalah menghapuskan kemiskinan, tentulah salah satu daripada perkaranya ialah masalah pertanian. Kerana kalau kita kaji rakyat yang ada di luar-luar bandar sudah tentulah tidak ada jalan lain, tidak ada perkara yang lain selain daripada mengusahakan tanah dan memodenkan pertanian.

Ini adalah bagi mereka yang ada tanah tetapi sebaliknya pula kalau mereka yang tidak ada tanah maka tanah perlulah dibuka oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah ini. Apa yang patut kita buat, kalaulah satu-satu pembukaan tanah hendak dibuka perlulah kita kaji dari beberapa aspek atau sudut, terutamanya sudut keselamatan, sudut menghapuskan kemiskinan, memberi kemudahan kepada rakyat dan berbagai-bagai lagi. Tetapi dalam masalah ini saya

rasa ada baiknya pihak-pihak yang berkenaan mengambil tindakan membuka tanah di sebelah kawasan-kawasan yang boleh mengganggu-gugat keadaan-keadaan negara terutama sekali di sebelah kawasan-kawasan sempadan. Kerana kita tahu sempadan adalah satu kawasan yang boleh mendatangkan perkara-perkara yang tidak baik, kerana kita tahu kawasan sempadan pada hari ini adalah diancam ataupun digugat oleh anasir-anasir kominis. Jadi, dengan adanya pembukaan-pembukaan tanah di sebelah kawasan sempadan ini, bolehlah merengangkan ataupun mengurangkan segala ancaman-ancaman ini.

Apa yang saya suka menarik perhatian di dalam Dewan ini, selain daripada pembukaan-pembukaan tanah di kawasan sempadan dan mengadakan kampung-kampung baru di kawasan sempadan dan lain-lain lagi untuk kemudahan-kemudahan pertanian dan kemudahan-kemudahan perumahan, maka ada satu perkara lagi iaitu masalah yang ditimbulkan oleh penunjuk-penunjuk perasaan daripada Baling dan juga penunjuk-penunjuk perasaan daripada Kroh yang mana mereka telah menuntut satu kawasan tanah seluas tidak kurang daripada 708,000 ekar yang telah diteroka secara haram oleh orang-orang yang terdiri daripada rakyat Thai. Penerokaan ini telah berlaku beberapa tahun yang silam dan hasil pendapatannya telah didapati oleh rakyat yang berketurunan Thai dan juga segala hasil-hasil yang lain mereka kita tidak dapat wang walaupun satu sen. Jadi dari segi masalah pembukaan tanah ini ada baiknya samada pihak Kerajaan Negeri ataupun pihak Kerajaan Pusat mengambil dengan seberapa segera dan memecahkan tanah-tanah yang telah diteroka ini diberi kepada rakyat samada rakyat itu terdiri daripada bekas-bekas pasukan keselamatan, bekas-bekas kakitangan Kerajaan dan yang lain. Di kawasan ini juga, boleh dibuat satu kawasan perumahan dan boleh diadakan perumahan-perumahan yang tertentu. Dengan adanya perumahan-perumahan ini dapat dimasukkan peserta-peserta maka saya rasa ini adalah satu cara yang boleh melonggarkan, boleh mengurangkan dan boleh mengawal keadaan-keadaan keselamatan yang ada di dalam negara kita yang dikacau ataupun diganggu oleh anasir-anasir kominis yang ada di kawasan sempadan. Jadi dengan cara pengambilan tanah ini, saya rasa boleh mengurangkan sedikit beban-beban ataupun tanggungan-tanggungan yang ditanggung oleh pihak Kerajaan, kerana tanah ini telahpun

ditanam dengan pokok getah dan boleh ditoreh pada hari ini. Ini adalah daripada segi pertanian.

Saya bawa perkara pertanian ini kerana orang kanipung yang ada di luar bandar itu sudah tentulah mereka tidak begitu memahami dengan cara perniagaan, dengan cara perkilangan, dengan cara perindustrian dan sebagainya. Apa yang mereka faham dan apa yang mereka tahu walaupun beberapa rancangan yang kita adakan, adalah pertanian. Selain daripada pertanian bagi orang-orang di luar bandar ini ialah masalah kesihatan, perhubungan dan lain-lain lagi. Jadi dalam masaalah ini juga, saya suka menarik perhatian kerana kita membincangkan Anggaran Pembangunan (Tambahan), ada baiknya pembangunan-pembangunan yang akan diadakan pada masa hadapan, saya minta terutamanya kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan, yang pertama sekali kepada Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang masaalah Kastam, bangunan Kastam, bangunan Imigresen dan bangunan Polis—pasukan keselamatan yang berada di sempadan.

Saya nampak pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, tempat kawasan yang ada pada hari ini adalah tidak begitu patut dan tidak begitu munasabah. Ini saya bawa contoh, kepada kawasan saya di Kroh, bila kita pergi ke Betong atau ke negeri Siam melalui Kroh, selepas 2 batu kita akan berjumpa dengan Pejabat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Balai Polis. Kalau kita keluar ke sana kita hendak menggunakan boarder pass ataupun pas jalan ataupun paspot besar, selepas daripada kita mengesap paspot ataupun boarder pass ini, kita akan melalui sebuah kampung yang dinamakan Kampung Tanjong Luas, Kampung Melayu, orang Malaysia sebelum betul-betul sampai ke perenggan. Jadi, sesudah kita mengesap paspot, kita masuk kampung Melayu baru kita jumpa dengan boarder, selepas itu kita masuk ke dalam kawasan Thai. Ini bermakna kampung yang ada di antara sempadan dengan Kastam ini kampung yang tidak dipunyai oleh mana-mana Kerajaan samada Kerajaan Thai ataupun Kerajaan Malaysia. Tetapi perkara yang berlaku pada hari ini yang kita bimbangkan ialah masaalah-masaalah penyeludupan iaitu cara-cara penyeludupan yang dijalankan. Apa yang perlu pada hari ini yang saya minta kepada Kementerian yang berkenaan supaya sebelah daripada Kampung Tanjong Luas

itu dijadikan satu kawasan pemeriksaan samada Kastam, Imigresen dan Pasukan Keselamatan kerana Pasukan Keselamatan ini mustahak dan perlu mengawal keadaan-keadaan keselamatan di sana maka ini patutlah diperbesar.

Seperkara lagi ialah masaalah keselamatan kerana kita tahu dalam Rancangan Malaysia Ketiga kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga adalah bergantung kepada keselamatan yang ada dalam negeri. Saya minta pihak Kerajaan di samping kita menjalankan Rancangan Malaysia Ketiga, kekuatan keselamatan kita perlu diseimbangkan dengan pembangunan-pembangunan yang ada pada hari ini. Lebih-lebih lagi sebagaimana yang saya katakan, di kawasan saya iaitu di sebelah Kroh, Grik ini ialah satu kawasan yang sensitif yang patut mendapat perhatian daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menambahkan kekuatan terutamanya pegawai-pegawai perisik lebih-lebih lagi yang mana kita tahu pasukan kita terutamanya yang terdiri daripada Pasukan Polis Hutan walaupun ditarik balik, dikeluarkan daripada kawasan Betong ataupun daripada kawasan Thai, pada masa sekarang bermakna kedudukan keselamatan kita kurang sedikit. Kalau dahulu kita ada mempunyai anggota-anggota Pasukan Keselamatan dan Pasukan-pasukan Perisik di sebelah negara Thai untuk menjaga keselamatan dalam negeri kita, tetapi pada hari ini kekuatan kita itu telah kurang dengan sebab pengunduran Polis Hutan itu. Jadi perlulah pihak Kementerian yang berkenaan melipatgandakan cara-cara perisikan-perisikan dan kalau perlu kita mengadakan satu cara pembedahan (operation) berkenaan dengan pegawai-pegawai perisik yang ada di kawasan sempadan, terutamanya Grik ataupun Kroh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Siapa yang hendak dibedah?

Tuan Shamsuddin bin Din: Untuk digantikan dengan orang-orang baru yang mana tidak begitu bekerja, tidak begitu bertugas, kita gantikan dengan orang-orang baru supaya dapat menjalankan perisikan-perisikan ataupun pengawalan-pengawalan ini dengan sebaik-baiknya. Itulah sebabnya saya katakan tadi di samping kita menjalankan Rancangan Malaysia Ketiga ini perlu diseimbangkan keselamatan dalam negeri.

...Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai masalah timbul di sempadan. Kita tahu terutamanya daripada segi penyeludupan, anasir-anasir komunis dan kalau dapatlah ini dijalankan maka sudah tentulah perkara ini dapat diatasi sedikit demi sedikit di samping kita menghapuskan kemiskinan, kita menyatupadukan masyarakat, menjaga kekuatan dan keselamatan negara kita, kita juga dapat menjalankan segala rancangan-rancangan kita dengan jayanya.

Seperkara lagi yang perlu saya nyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah-masalah sebagaimana saya katakan tadi termasuklah pembangunan dan kesihatan (dispensari ataupun Pusat Kesihatan Kecil) di Kroh yang mana kita tahu pihak Kerajaan pada masa dahulu telah berjanji untuk mengadakan sebuah Pusat Kesihatan Kecil di Kroh tetapi janji itu sehingga hari ini masih belum ditunaikan. Dalam masalah ini, terutamanya rakyat yang berada di sempadan, pihak Kerajaan pernah mengatakan kita mestilah mengambil hati ataupun memujuk rakyat yang berada di kawasan sempadan terutamanya pihak pegawai-pegawai Kerajaan telah mengatakan untuk memenangi hati rakyat di kawasan-kawasan sempadan maka perlulah bagi kita, terutamanya pihak Kerajaan mengambil daya usaha untuk mengatasi masalah-masalah ini supaya rakyat ini dapat merasai nikmat ataupun peluang-peluang yang ada di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan sempadan terutamanya kawasan Kroh adalah satu kawasan yang betul-betul di muka pintu. Jadi perlulah pihak Kerajaan mengadakan bangunan-bangunan yang patut diadakan supaya imej, moral Kerajaan kita tidak begitu jatuh. Kalau kita biarkan keadaan-keadaan ini terutamanya moral atau imej Kerajaan, yang keduanya ketidakpuasan hati rakyat. Bila rakyat di kawasan sempadan telah tidak puas hati, pintu segala keburukan ada di kawasan sempadan dan kalaulah dibukanya pintu kawasan sempadan ini dengan tidak memberi kerjasama kepada pihak-pihak Kerajaan maka sudah tentulah keadaan dalam negara kita menjadi kelam-kabut dan mungkin keadaan keselamatan kita juga terancam.

Dengan adanya Rancangan Malaysia Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya harap supaya pihak Kerajaan dapat sama-sama mengatasi masalah-masalah yang dihadapi terutamanya rakyat di luar bandar yang masih

belum mendapat apa-apa lagi. Sebagaimana saya katakan tadi mereka ini bukanlah hendakkan industri yang besar ataupun kepada gaji yang mahal ataupun kepada kedudukan yang baik tetapi apa yang mereka dapat buat ialah dengan masalah pertanian, perumahan dan kesihatan, ada setengah-setengahnya berkehendakkan kepada perhubungan. Cuma ini sahajalah yang diharapkan oleh rakyat yang di luar bandar supaya mereka ini dapat sama-sama mengecap nikmat-nikmat sebagaimana yang saya katakan tadi.

Itulah sahaja yang dapat saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua. Pada akhirnya saya menyokong dengan sepenuhnya tambahan anggaran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1976 ini.

4.05 ptg.

Tuan Haji Abdul Manan bin Haji Othman (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ini adalah merupakan permulaan kepada perbelanjaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang begitu menyeluruh dengan konsep strategi dan objektif yang terang dan nyata yang telahpun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tumpuan yang besar ialah di dalam bidang pertanian dan pada pendapat saya satu-satunya daripada agensi-agensi yang boleh memainkan peranan yang penting dalam bidang ini ialah Bank Pertanian yang mana saya dapati tidak ada peruntukan untuk tahun ini dan anggaran peruntukan sehingga tahun 1980 ialah sebanyak \$75,770,000 sahaja. Bank tersebut seharusnya digiatkan bukan sahaja untuk memberi pinjaman tetapi juga nasihat-nasihat di dalam bidang pengurusan dan seterusnya saya berpendapat bank ini perlu juga dijadikan satu institusi amanah seperti agensi-agensi lain yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengambil equity di dalam projek-projek agro-based. Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, ini sangatlah penting sekali untuk memodenkan dan menukarkan subsistence farming kepada business oriented enterprise.

Berhubung dengan penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan dan perindustrian saya turut menyambut baik peruntukan yang bernilai sebanyak \$200 juta yang mana pada

tahun ini sebanyak \$100 juta akan dilaburkan kepada tabung tersebut bagi membolehkan Kerajaan mengambil saham-saham perusahaan yang menguntungkan. Saya berharap pembelian ini akan dibuat berhati-hati dan diawasi supaya mendapat faedah maksima. Hendaknya perusahaan-perusahaan itu ada mempunyai trek-rekod yang baik supaya ini tidak akan dijadikan sebagai satu sumbangan pinjaman yang murah kepada perusahaan-perusahaan itu. Ini memang telah banyak terjadi di mana pengusaha-pengusaha asing yang mediocre dan tidak mempunyai expertise yang mereka akui telah memperdaya agensi-agensi Kerajaan menjalani usaha bersama. Izinkan saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini ditadbirkan bersama oleh pihak Kerajaan dan pihak-pihak professional bumiputra di dalam swasta.

Sekarang ini sebanyak \$106 juta saham yang telah diperuntukkan kepada bumiputra masih tidak diambil. Pada pendapat saya seharusnya Kerajaan terlebih dahulu menyiasat perusahaan-perusahaan itu samada mereka ada trek-rekod yang boleh memberi keuntungan sebelum ditawarkan kepada bumiputra. Pada pendapat saya tiap-tiap perusahaan yang baru dimulakan itu dibenarkan berjalan terus dengan memberi option kepada bumiputra membeli saham-saham itu at par apabila sahaja perusahaan itu telah mencapai kejayaan dan memberi keuntungan. Ini sangatlah perlu oleh kerana kekurangan dan kesukaran mendapatkan pelabur-pelabur bumiputra. Sekarang ini banyak syarikat-syarikat yang memohon menyusun semula kepada Capital Issue Committee dan juga kepada Foreign Investment Committee. Kebanyakannya didapati bahawa di dalam susunan itu mereka telah pun membahagikan terlebih dahulu segala keuntungan-keuntungan dan harta-harta di nilai semula yang mana apabila penyertaan bumiputra dipelawa syarikat-syarikat tersebut tidak lagi dapat memberi faedah-faedah atau keuntungan-keuntungan sewajarnya kepada penyertaan-penyertaan baru.

Saya suka juga, Tuan Yang di-Pertua, menyambut baik jaminan Kerajaan untuk menyusun semula peruntukan perusahaan mencari gali bijih di atas tanah-tanah rezab Melayu yang telah dimulakan di dalam tahun enam puluhan. Berhubung dengan perlombongan mustahak sekali kegiatan bumiputra digalakkan oleh kerana ini adalah

satu daripada depleting asset. Rancangan-rancangan tertentu mestilah dirancang bukan sahaja di dalam usaha bijih timah tetapi juga besi, pasir halus, tanah liat dan sebagainya. Sehingga sekarang ini pihak Kerajaan bersikap passive berhubung dengan penyertaan bumiputra selain daripada pengambilan alih London Tin oleh pihak PERNAS Securities. Di sini saya mohon izin untuk mencadangkan satu badan nasional seperti PETRONAS ditubuhkan untuk menjalani dan mengawasi perusahaan perlombongan ataupun mempergiatkan PERNAS Mining untuk tujuan tersebut.

Berbalik kepada penyertaan bumiputra yang sangat perlu ialah kemudahan kredit yang banyak telahpun disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga yang mana Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun memberi kesanggupan untuk mengatasi perkara ini. Saya suka mencadangkan di sini iaitu dasar berhubung dengan debt equity ratio diubah di mana pinjaman yang berlebihan diberi pertimbangan seperti juga keutamaan yang diberi dalam pinjaman membeli rumah, kepada bumiputra oleh institusi-institusi kewangan iaitu kelulusan sehingga 90% daripada harga rumah. Di sini saya suka juga mencadangkan bahawa Bank Pembangunan dan MIDF harus memperluaskan usaha mereka bukan sahaja dalam lapangan perkilangan tetapi juga industri-industri perkhidmatan dan kedua-dua institusi ini seharusnya berhubung rapat dengan enterpreneur bumiputra dan bersama FIDA menentukan projek-projek yang boleh diusahakan oleh bumiputra secara sendiri ataupun usaha bersama dengan pelabur-pelabur dari dalam atau luar negeri. Dengan itu, seharusnya peruntukan yang lebih besar patut diberi kepada Bank Pembangunan supaya ia juga boleh mengambil equity di dalam perusahaan-perusahaan.

Berhubung dengan MIDF ingin saya membawa satu perkara yang baru sahaja saya dapat ketahui di mana satu projek yang telah diluluskan oleh MIDF di dalam bulan April, 1975 kepada sebuah syarikat bumiputra yang kecil di kawasan saya. Sehingga hari ini kelulusan ini tidak dapat digunakan oleh kerana tanah yang dihadap hendak dicagarkan itu ialah tanah Malay Holding yang mana tiap-tiap Malay Holding terpaksa semua pihak menandatangani di hadapan atau attest oleh Pemungut Hasil

Tanah. Jadi, oleh kerana management MIDF enggan berjumpa dengan Pemungut Hasil Tanah maka sehingga hari ini tanah itu tidak dapat dicagarkan dan seterusnya wang itu tidak dapat dipergunakan.

Saya menyambut baik jaminan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa mengulung perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga dalam Dewan yang mulia ini bahawa hasrat kita bukan sahaja memperoleh ownership di dalam penyertaan perdagangan dan perindustrian tetapi juga management. Ini pada hemat saya sangatlah penting untuk menentukan keutuhan perniagaan atau perindustrian yang berkenaan. Sungguhpun sekarang ini kita ada Pusat Daya Pengeluaran dan Yayasan Pengurusan Malaysia, tetapi tujuan mereka ialah cuma melatih eksekutif-eksekutif dengan cara refresher dan di dalam masa jangka pendek sahaja. Saya mencadangkan Kerajaan menubuhkan sebuah sekolah management khusus untuk melatih siswazah-siswazah di dalam bidang Science of Management. Di dalam lapangan latihan ini saya juga berpendapat Kerajaan patut mengenakan bayaran-bayaran kepada syarikat-syarikat swasta supaya ia akan lebih committed kepada latihan-latihan dan mana-mana syarikat yang menjalankan latihan sendiri diberikan pengecualian.

Dengan peruntukan-peruntukan yang banyak kepada agensi-agensi Kerajaan saya juga berharap Kerajaan akan mengumumkan dasar-dasar secara manakah usaha-usaha yang dan akan dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan itu akan diambilalih oleh Bumiputra. Ini sangatlah perlu supaya dapat bumiputra membuat persediaan tertentu. Sungguhpun pihak MARA ada membuat demikian tetapi dasar tertentu belum lagi diketahui umum. Di dalam segi ini saya berpendapat bahawa badan-badan berkanun, terutama sekali Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri menumpukan kepada pembangunan asas sahaja dan tiap-tiap badan itu menubuhkan Holding Companies untuk menjalankan projek-projek perindustrian dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam peruntukan ini ada juga pinjaman sebanyak \$11 juta yang dibuat kepada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa yang juga disertai equity oleh segolongan pihak swasta dan tidak seperti MAS yang mana dipunyai 100%

oleh Kerajaan. Hingga sekarang ini nampaknya dasar-dasar Kerajaan memberi galakan tertentu kepada syarikat ini sahaja dan tidak ada dasar-dasar yang memberi galakan lapangan ini.

Berhubung dengan peruntukan untuk membesar pelabuhan-pelabuhan, saya berharap kesediaan untuk mengadakan tangkitangi simpanan (bulking installation) dan juga perkapalan dibuat untuk mengeksport-engekspot minyak kelapa sawit yang sekarang ini dikongkong oleh agensi-agensi yang besar sahaja. Tidak syak lagi lapangan ini akan bertambah giat apabila undang-undang penubuhan Lembaga Pelesen yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini baru-baru ini dikuatkuasakan dan cadangan untuk mengadakan exchange pasaran di dalam negara ini berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya di dalam kita menghadapi pembangunan dengan peruntukan yang begitu besar dan ancaman-ancaman keselamatan, saya berharap Kerajaan tidak akan juga lupa kepada rasuah yang boleh juga memusnahkan kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Secara ringkas sahaja begitu bagus supaya ramai boleh bercakap. Saya beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim yang belum bercakap lagi dalam masa membincangkan Rancangan Malaysia Ketiga.

4.15 ptg.

Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 28hb Julai, 1976 yang lalu. Saya suka menyentuh Kepala Pembangunan 16, Pecahan-kepala 31—Kemajuan Perkampungan dan juga saya mengambil kesempatan ini berucap pada dua perkara iaitu mengenai dasar-dasar Rancangan Malaysia Ketiga, oleh kerana saya tidak dapat peluang untuk berucap pada kali ini dan juga saya minta izin

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kebenaran bahasa Inggeris sudah habis. Untuk membincangkan

Tuan Mak Hon Kam: Cuma sedikit sahaja bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sedikit sahaja, sebab dahulu tidak ada peluang, baiklah. Ahli Yang Berhormat seorang sahaja.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Kepala P. 16 mengenai Kemajuan Perkampungan. Kita semua sedia maklum bahawa kampung-kampung baru telah ditubuhkan kira-kira pada tahun 1950 dalam masa dharurat dahulu. Sudah tentu kampung-kampung baru ini tidak ditubuhkan dengan rancangan sewajarnya oleh kerana ialah untuk tujuan-tujuan sementara, tetapi sekarang ini ialah tahun 1976, 26 tahun telah berlalu.

(Dengan izin) Imagine that a child was born in 1950, and now he is 26 years old, but during his twenty six years he has not seen very much development in the village. Especially when the population has increased without the expansion of the boundaries of the village, we can easily imagine the sort of life and the living conditions in the village—the sanitary conditions, the condition of the roads, drains and so on. So I would like to ask the Minister concerned to pay more attention to this.

Tuan Yang di-Pertua, touching on the Third Malaysia Plan, dari tujuan-tujuan Rancangan Malaysia Ketiga adalah jelas bahawa Kerajaan mengambil berat terhadap rakyat seluruhnya dan juga hendak menghapuskan kemiskinan tanpa mengira bangsa serta menyusun semula masyarakat berbilang bangsa. Of course, kita tidak suka melihat bangsa-bangsa kita diasingkan seperti sekarang di bidang perniagaan, cara hidup dan sebagainya. Therefore, the idea of restructuring society is most welcome so that the identification of race in the economic functions and geographical locations will diminish and eventually vanish.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga yang ada di hadapan kita telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa ianya meliputi semua aspek kehidupan dalam negara kita. It is designed to reduce the incidence of poverty in the rural areas and the new villages and among the urban poor and also to improve the quality of life of all Malaysians through the various measures. I am sure semua orang akan bersetuju dengan hasrat dan tujuan Rancangan Malaysia Ketiga itu walaupun Rancangan Malaysia Ketiga memerlukan usaha serta kerjasama semua orang

untuk menjayakannya. Tetapi samada ia akan berjaya atau tidak bergantung kepada orang-orang yang melaksanakannya. And I wish the Government, especially at the State level, will improve the administration where necessary, so that the ideas and principles of the Third Malaysia Plan can be translated into action with speed. May I also take this opportunity to urge all Government officers at all levels to play their roles without deviating from the spirit of the Policy as set out so as to make this Plan a success.

Jika tujuan-tujuan Rancangan Malaysia Ketiga dilaksanakan dengan jujurnya maka saya percaya akan ditubuhkan sebuah masyarakat yang adil dan bersatupadu. Di samping mendatangkan kestabilan politik mengakibatkan sebuah negara yang maju dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ini saya sokong dengan sepenuhnya Rancangan Malaysia Ketiga walau bagaimanapun sebelum Rancangan Malaysia Ketiga ini dilancarkan pihak Kerajaan hendaklah menentukan bahawa tujuan-tujuan Rancangan Malaysia Ketiga itu dilaksanakan dalam erti yang sebenar untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan pada masa-masa lalu yang telah menimbulkan perasaan tidak selamat dalam diri mereka yang telah tidak diberikan peluang untuk menyertainya. Contohnya, Rancangan-rancangan FELDA dan Rancangan-rancangan Belia, saya kesal menyatakan kaum China dan lain-lain kaum bukan Bumiputra kurang menyertai rancangan-rancangan tersebut. I hope this could be rectified to reflect the racial composition in the coming Third Malaysia Plan.

Tuan Yang di-Pertua, in the restructuring of society, it is expected that there will be a flow of population from the rural areas into the urban areas and we must bear in mind to create more employment to meet the demand of this increase in the population. At the same time we must provide peluang-peluang dalam bidang pertanian pula kepada kaum bukan bumiputra supaya bandar-bandar itu tidak menjadi sesak dan masalaah pengangguran di kawasan bandar dapat diselesaikan. Pihak Kerajaan hendaklah berusaha sedaya-upaya untuk menentukan kaum bukan bumiputra menyertai bidang pertanian hingga mengkhaskan peluang-peluang untuk mereka supaya mencapai tujuan-tujuan Rancangan Malaysia Ketiga dalam erti yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, earlier Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuka Rancangan Malaysia Ketiga ini beliau pernah menyatakan bahawa peluang-peluang pekerjaan dalam bidang pertanian untuk kaum bukan bumiputra akan ditingkatkan kecuali dengan lebih banyak tanah dibuka untuk tujuan tersebut. Hasrat beliau tidak akan tercapai. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan terdapat seluas 6.2 juta ekar tanah di Semenanjung Malaysia yang sesuai untuk tujuan pertanian. Memandangkan ini, saya cadangkan supaya lebih banyak tanah-tanah disekeliling kampung-kampung baru dibuka untuk mencapai tujuan itu serta mencipta peluang-peluang bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, disamping menyediakan lebih banyak tanah untuk mereka yang tak bertanam, saya ingin menggesa Kerajaan supaya memberikan perhatian segera kepada kemudahan-kemudahan sosial di kampung-kampung yang sangat menyedihkan. Ini adalah satu cara untuk meningkatkan taraf hidup di kampung-kampung kita. It is urgent and we must not delay our action so as to save them from the situation which is not to the advantage of democracy.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya harap jangan panjang sangat.

4.26 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Persekutuan, 1976 berjumlah \$3,137 juta adalah merupakan 50 peratus lebih banyak daripada anggaran perbelanjaan pembangunan 1975 yang berjumlah hanya \$2,020 juta. Anggaran ini menandakan tahun pertama perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang Dewan ini telah membahaskan dan meluluskan semalam.

Pada lazimnya, kita akan menganggap bahawa suatu peristiwa penting seperti pengumuman dan penerimaan Rancangan Malaysia Ketiga—blue-print ekonomi yang paling ambitious untuk lima tahun yang akan datang yang menjangka matlamat jumlah pelaburan sebanyak \$44.2 billion mengikut harga-harga semasa melibatkan matlamat jumlah pelaburan swasta sebanyak \$26.8 billion yang begitu besar dan perbelanjaan sektor awam sebanyak \$18.6 billion akan memberi satu dorongan (boost) besar kepada kepercayaan orang ramai dan khususnya

kepada pasaran saham. Walau bagaimanapun, Rancangan Malaysia Ketiga telah gagal menahan penurunan pasaran saham. Dan ini adalah satu permulaan yang ominous bagi Rancangan Malaysia Ketiga oleh kerana ia menggambarkan suasana am yang tegang, tidak tentu, tidak selamat dan tidak stabil tentang masa depan, bukan sahaja Malaysia bahkan juga negara-negara ASEAN pada keseluruhannya.

Ini adalah juga dicerminkan oleh bahagian daripada wang pembangunan yang sering bertambah-tambah yang disalurkan untuk perbelanjaan keselamatan dengan ketepikan pembangunan sosio-ekonomi untuk negara dan rakyat. Jadi untuk 1976, bagi setiap seringgiti untuk pembangunan yang dibelanjakan di Semenanjung Malaysia, sebanyak 18.1 sen adalah dibelanjakan untuk keselamatan ini.

Trajeri yang sebenarnya ialah perbelanjaan yang kian meningkat untuk keselamatan dan pertahanan tidaklah satu formula yang tentu untuk menjamin keselamatan kerana di Vietnam, Amerika telah dapati bahawa kekuatan militeri dan kekayaan mereka tidak dapat menggalakkan Kerajaan Saigon yang korup, merosot dan tidak berdemokratik.

Perkembangan besar Pasukan Polis dan Keselamatan adalah sebenarnya merupakan satu pengakuan kegagalan Kerajaan setakat ini untuk memenangi peperangan untuk menawan hati dan fikiran rakyat Malaysia dalam perang menentang gerila kominis yang mana kekuatan mereka bergantung kepada sistem sosial Malaysia yang kian menjadi inegalitarian, tidak adil dan tidak berdemokratik. Dengan memperbanyakkan Pasukan-pasukan Polis dan Keselamatan serta menanamkan perbelanjaan atas pertahanan dan keselamatan tanpa mengadakan dasar-dasar baru pembinaan negara yang meliputi segala lapangan politik, ekonomi, sosial dan pelajaran yang akan menahan degree polarisasi kelas dan bangsa yang merbahaya yang telah dicapai di Malaysia. Ini bermakna ia hanya mendatangkan masalah-masalah yang lebih merbahaya dan baharu. Ini adalah kerana dalam keadaan kemerosotan tapak politik dan ekonomi, kita boleh menduga (expect) meningkatnya bilangan pertempuran dengan tambahnya bilangan orang-orang yang cedera di kalangan kedua-dua pihak—lebih banyak di kalangan pihak Pasukan Keselamatan daripada pihak gerila kominis. Oleh kerana ini adalah the very nature of

communist, guerilla warfare. Satu peperangan yang berlarut dengan satu senarai yang panjang di mana orang-orang yang cedera, yang tubuhnya cacat dan yang telah dijadikan mereka tidak sanggup bekerja akan menimbulkan persoalan di kalangan-kalangan militer tentang sifat perjuangan politik itu. Di antara mereka itu ada kemungkinan sebilangan akan menyoal samada pucuk pimpinan politik berkurangan dalam menyediakan "prop" politik bagi pihak tentera untuk mengalahkan gerila kominis yang disebabkan oleh rasuah yang bermaharajalela dan penindasan kelas; ada di antara mereka lagi mungkin menyoalkan samada pucuk pimpinan yang ujud telah lembut (soft) dengan tidak mengambil kuasa-kuasa "totalitarian" yang penuh untuk menekan "dissent" dan menjadikan segala perkara, subordinate semua perkara kepada objektif militeri meskipun ini bermakna mengantungkan Perlembagaan, mengharamkan parti-parti politik Pembangkang dan menahan semua orang yang "dissent."

Setiap tahun bilangan pegawai-pegawai militeri Malaysia yang dilatih di Indonesia bertambah dan oleh yang demikian, mereka dipengaruhi oleh pengajaran bahawa tentera mempunyai peranan dan fungsi politik yang penting seperti Tentera Indonesia di Indonesia. Mereka adalah orang-orang yang berpengaruh mereka akan menambah.

Jika kita tidak berhati-hati, perkembangan pasukan tentera hari ini mungkin akan menjadi pendahuluan untuk "coup d'etat" dan military take over di Malaysia. Saya fikir kita tidak perlu pemimpin-pemimpin politik yang bijak untuk memberitahu kita betapa celaknya saat dictatorship military untuk Malaysia. Ini adalah satu perkara merbahaya yang terdapat di setiap negara yang mempunyai satu pasukan tentera yang besar. Apa yang merugikan lagi ialah perbelanjaan awam yang terlibat yang dikehendaki untuk menyelenggarakan pasukan tentera yang akan menjejaskan pembangunan sosio-ekonomi dengan seriusnya. Kedua-dua keadaan politik dan ekonomi yang tidak menguntungkan dengan adanya sebuah tentera yang besar boleh diatasi dengan mengenalkan satu perkhidmatan negara atau national service untuk semua pemuda Malaysia. Ini akan membolehkan Kerajaan mempunyai sebuah pasukan tentera yang kecil tetapi tidak kurang dengan bilangan anggota militeri pada bila-bila satu masa.

Walau bagaimanapun, Kerajaan bagi sebab-sebab yang hanya diketahui olehnya sendiri tidak hendak mahu satu national service. Sungguhpun kita dapat tahu ada pada satu-satu masa Jawatankuasa Kabinet sedang menimbang persoalan ini. Saya memang sedar bahawa apa yang saya telah memperkatakan adalah "facts" yang sangat unpleasant, unpalatable untuk Kerajaan dan akan mungkin mendedahkan saya kepada berbagai tuduhan yang liar yang dilemparkan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan.

Semalam, saya telah dilempar dengan tuduhan, oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, semasa beliau mengulung perbahasan atas Rancangan Malaysia Ketiga bahawa saya "toe the communist line" apabila saya membetulkan beliau dengan menyatakan bahawa ancaman kominis bukan sahaja merupakan satu peperangan ideologi tetapi juga satu peperangan kelas.

Saya telah menyatakan bahawa, bagi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merayau-rayau di merata tempat dan menyatakan bahawa sekiranya pihak kominis berjaya, orang-orang kaya dan miskin akan turut bersama-sama menderita hanya akan menggelisahkan orang-orang yang kaya tetapi tidak akan mengakibatkan orang-orang miskin merasa bimbang dan kehilangan tidur.

Tujuan saya sebenarnya ialah untuk menyedarkan Kerajaan tentang betapa perlunya perhatian segera diberikan terhadap tugas melawan kemiskinan, penindasan kaum dan sungutan-sungutan ramai supaya menafikan tapak politik kepada pihak kominis kerana mereka ini berkembang atas frustrasi-frustrasi dan rasa tidak puas hati seumpama ini.

Untuk tujuan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah dituduh sebagai "toeing the communist line". Saya suka menasihatkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengkaji balik kenyataan-kenyataan dan proses-proses pemikiran beliau sendiri. Sekiranya apa yang saya telah kata itu adalah "toeing the communist line", maka kebanyakan rakyat Malaysia yang saya percaya akan bersetuju dengan pandangan saya bahawa satu sebab gerila kominis dapat kejayaan yang tertarik seperti terdapat sekarang adalah kerana keujudan kemiskinan, penindasan dan ketidakadilan yang Kerajaan selama ini mengeneipi dan tidak memperdulikan dan kebanyakan rakyat Malaysia

adalah "toe the communist line". Jika inilah keadaannya, maka the war Kerajaan sekarang menjalankan is the lost cost dan lebih baik Kerajaan give up the fight. Adalah seseorang itu "toeing the communist line" hanya kerana beliau percaya, seperti pihak kominis percaya, untuk menentang penindasan rakyat miskin oleh orang-orang kaya dan untuk mahu melihat pengakhiran penindasan kelas dan manusia oleh manusia. Jika inilah keadaannya, maka kebanyakan rakyat Malaysia adalah kominis atau "toeing the communist line", kecuali barangkali taukeh-taukeh MCA dan Barisan Nasional.

Adakah seorang yang percaya bahawa jika sistem free enterprise sekarang di Malaysia dikekalkan kelampauan orang-orang kaya dan orang-orang miskin akan ujud, dan bahawa orang-orang miskin akan bersatu untuk menggulingkan orang-orang kaya lalu menuju ke sebuah negara sosialis atau socialist state itu seorang kominis atau toeing the communist line.

Jika ini benar, maka kita mempunyai seorang kominis sebagai Timbalan Perdana Menteri kita, oleh kerana inilah yang menjadi thema rancangan beliau yang bertajuk: "Malaysia Dalam Tahun 2,000"

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar! Toeing the communist line dengan dia sebagai kominis, itu lain. Tarik balik perkataan itu!

Tuan Lim Kit Siang: Ya, jika ini benar, atau itu benar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar! Yang Berhormat duduk dahulu. Kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi kalau membalikkan cakap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, toeing the communist line, itu memang dia ada cakap—tidak apa, tetapi kalau menuduh seorang Ahli dalam Dewan ini sebagai kominis, itu salah. Tarik balik!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh baca balik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba baca balik perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh baca balik. Saya tidak menuduh beliau seorang kominis, saya kata adakah seorang yang mempunyai kepercayaan

bahawa sekiranya free enterprise dikekalkan, lama-kelamaan, orang miskin akan bersatu dan menggulingkan orang kaya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan "orang kaya" itu tadi, ada perkataan selepas itu.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah orang yang percaya ini kominis atau "toeing the communist line," dan jika

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak begitu tadi, tidak apa, saya akan baca Hansard esok.

Tuan Lim Kit Siang: Jika ini benar, seorang yang percaya bahawa free enterprise dikekalkan dan orang miskin akan jatuhkan orang kaya, ada socialist state, orang itu kominis, saya kata sekiranya itu benar, kita ada seorang kominis sebagai Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Oleh kerana itu kepercayaan dia, adakah itu fahaman kominis? Itulah soalan saya. Saya tidak tuduh bahawa beliau seorang kominis. Oleh kerana Dr Mahathir telah berkata bahawa kerana sebab-sebab ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat tidak dibenarkan menyebut nama Ahli.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah mengatakan dalam satu rencana: "Malaysia Dalam tahun 2,000" yang ditulis dalam tahun 1973, untuk Kesatuan Pelajar-pelajar Malaysia di Monash Universiti, Australia. Beliau berkata bahawa oleh sebab-sebab free enterprise ini di dalam 24 tahun dari sekarang iaitu dalam tahun 2,000 kita boleh memikirkan bahawa Malaysia akan menjadi satu socialist state.

Saya ingin mengingatkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa beliau kini telah menjadi Timbalan Perdana Menteri dan beliau haruslah tidak begitu liberal dan bebas memberi lebel kepada orang-orang lain kerana ini akan mencerminkan keperibadian dan sifat kepimpinan dan pertimbangan beliau.

Saya tidak tahu samada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memaksudkan dengan seriousness apabila beliau mengatakan saya telah "toe the communist

line," dan jika beliau maksudkan demikian, saya mencabar beliau menangkap dan menahan saya di bawah Akta-akta yang Polis ada banyak power dan Kerajaan yang ada seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tetapi sebelum membuat demikian, barangkali pihak Cawangan Khas Polis mungkin patut siasat beliau samada beliau politically fit oleh kerana rencana yang ditulis beliau kepada kesatuan pelajar-pelajar Monash Universiti itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita akan tersilap sekiranya beliau boleh fikir bahawa beliau boleh menakutkan saya dari mengeluarkan pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang saya akan buat dengan lebel-lebel komunis atau "toeing the communist line."

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat lagi, kita sekarang membincangkan dasar-dasar am berkenaan dengan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam. Jadi cuba berdasarkan mengikut peraturan yang sudah diluluskan pada hari semalam juga iaitu berkenaan perkara dua apabila dikeluarkan usul yang hendak diedarkan dalam Jawatankuasa seperti yang disebutkan ini, bolehlah menyentuh di bawah dasar am Kerajaan berkenaan dengan kumpulan wang pembangunan, iaitu tujuan-tujuan perbelanjaan itu, apa yang ada di dalam itu—dasar am sahaja. Jangan panjang sangat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan atau kegagalan perbelanjaan pembangunan yang kita akan meluluskan sekarang dan bukan sahaja itu bahkan juga Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru, akan bergantung kepada samada mereka boleh mengurangkan polarisasi yang begitu tinggi mengikuti lunas-lunas kelas dan bangsa di negara kita.

Penjuru kedua matlamat Dasar Ekonomi Baru telah melambungkan ketegangan atau konflik kelas di negara kita, termasuk juga konflik kelas di kalangan orang-orang Melayu, kerana jurang perbezaan pendapatan dan kekayaan di antara orang-orang Melayu miskin dan orang-orang Melayu kaya yang meluaskan lagi.

Daripada Banci Kerajaan 1957 dan Post Enumeration Survey 1970, kita akan dapat angka-angka yang menunjukkan disparity

yang kian meningkat dalam pengedaran pendapatan di kalangan orang-orang Melayu di Semenanjung Malaysia, sebagaimana ditunjukkan dalam senarai berikut:

Kelas	1957 (Peratus Pendapatan)	1970 (Peratus Pendapatan)
Kelas Atasan (20% dari jumlah bilangan keluarga bumiputra) ...	42.4%	52.5%
Kelas Pertengahan (40% dari jumlah bilangan keluarga bumiputra) ...	38.1%	34.8%
Kelas Kebawah (40% dari jumlah bilangan keluarga bumiputra) ...	19.5%	12.7%

Ini bermakna dari tahun 1957 hingga 1970, 20% kelas atasan daripada keluarga bumiputra telah menambahkan dominant pendapatan mereka dari 42.4% ke 52.5%, sedangkan pendapatan 40% keluarga-keluarga bumiputra peringkat bawah telah berkurang dari 19.5% ke 12.7% ialah dikira keseluruhannya kaum bumiputra sahaja, tidak termasuk semua kaum dalam Malaysia. Kerajaan belum lagi mengeluarkan sebarang angka-angka bandingan untuk 1975 tetapi pengkajian tentang penggunaan peruntukan dan hasil penjuru penyusunan semula masyarakat Rancangan Malaysia Kedua menunjukkan bahawa orang-orang Melayu yang kaya telah menambahkan kekayaan mereka sedangkan orang-orang Melayu miskin telah menjadi lebih miskin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1976 ini Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sebanyak \$80 juta kepada SEDCS, sebanyak \$60 juta untuk MARA dan \$32 juta untuk UDA. Berapakah banyaknya daripada peruntukan ini yang akan disampaikan atau dialirkan ke tangan orang yang miskin dan benar-benar menghausi bantuan serupa ini, dan berapakah banyaknya daripada peruntukan itu akan dirampas oleh golongan yang berada yang tidak ada soalan-soalan mengenai bantuan kredit, tetapi mempergunakan peluang keemasan yang diadakan di bawah objektif penyusunan semula masyarakat untuk menjadikan mereka dari orang setengah jutawan kepada jutawan. Barangkali Kerajaan seharusnya memberitahu negara ini bahawa di bawah objektif penyusunan semula masyarakat ini berapakah orang jutawan akan dicipta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam 20 tahun Dasar Ekonomi Baru ini. Sebenarnya saya sudah pun banyak menerima

aduan daripada kaum petani dan nelayan bahawa mereka langsung tidak dapat mendapatkan pinjaman dari Bank Bumiputra, Bank Pertanian atau Bank Rakyat, kerana mereka dianggap sebagai golongan yang tidak credit-worthy dan ini adalah disebabkan kaum petani tidak mempunyai apa-apa pegangan yang bernilai ekonomik, dan kaum nelayan kekurangan pinjamin untuk meminjam pinjamannya.

Ini adalah golongan miskin yang sebenarnya memerlukan pinjaman baik untuk membeli alat perkakas penangkapan ikan atau untuk membeli barang-barang untuk agriculture input seperti baja. Merekalah yang benar-benar memerlukan bantuan dari Kerajaan atau agensi quasi Kerajaan seperti Bank Bumiputra. Tetapi apa yang berlaku ialah pada sebaliknya, iaitu Bank Bumiputra dan lain-lain agensi itu mengeluarkan permohonan-permohonan pinjaman daripada golongan yang miskin ini, tetapi memberikan pinjaman yang berjumlah berjuta-juta ringgit kepada pemimpin-pemimpin UMNO dan Menteri-menteri untuk membeli saham.

Pada hakikatnya, Dasar Ekonomi Baru adalah diadakan untuk mencipta segelintir orang-orang Melayu parasitik yang kaya dengan menindas orang-orang Melayu yang miskin papa. Umpamanya, MARA membina kedai-kedai perniagaan di merata tempat di negara kita yang ditujukan untuk menolong kaum bumiputra berdikari untuk menjalankan perniagaan mereka di kawasan bandar. Tetapi, kebanyakan kedai-kedai yang dibina ini adalah diberikan kepada pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat Negeri dan Bahagian, tetapi mereka tidak menjalankan perniagaan sendiri di kedai-kedai yang diperuntukkan ini, melainkan disewa kepada orang lain bumiputra untuk memancing keuntungan yang lumayan.

Gejala parasitism ini berasal daripada Dasar Ekonomi Baru adalah sangat-sangat biasa didapati di mana-mana. Jika sekiranya Yang Berhormat Menteri Kewangan atau lain-lain Menteri tidak menyedari perkara yang serious ini, maka ia boleh datang ke Negeri Melaka untuk menyiasat berapakah yunit kedai-kedai MARA ini yang digunakan sendiri, dan berapa yunit daripadanya disewakan kepada orang lain untuk menjalankan perniagaan.

Sungguhpun SEDC telahpun membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk melaksanakan projek-projek perumahan tetapi rumah-rumah yang dibina ini adalah terlalu mahal untuk orang-orang dari golongan yang berpendapatan rendah ini. Juga, Perbadanan Kemajuan Negeri menjalankan projek-projek perumahan yang berasaskan usaha joint-venture dengan sektor swasta, tetapi keuntungan yang diperolehi atau dituju ialah 100% profit. Sebagai contoh, di Melaka ketika rumah-rumah yang dibina berkualiti yang rendah ini tidak dapat menyaingi dengan rumah-rumah sektor swasta, maka Kerajaan Negeri bertindak untuk membekukan pecahan lot-lot tapak rumah yang akan dibina rumah-rumah oleh sektor swasta.

Ketika SEDCs melaksanakan rancangan perindustrian yang berasaskan joint-venture, umpamanya di Melaka, yang diperolehi segeranya ialah dapat satu reputation seorang employer atau majikan yang sangat busuk. Sekurang-kurangnya ada dua buah kilang di mana PKNM ada bahagian telah ditutup, dan gaji dan lain-lain faedah pekerja-pekerja tidak dibayar.

Skandal Hypak yang berlaku di Melaka ini, iaitu sebuah kilang pembuat plastik beg, adalah merupakan satu contoh yang tipikal, untuk membuktikan bagaimana agensi Kerajaan dan Negeri menyalahgunakan kekuasaan dan wang-wang orang ramai, dan memperlihatkan betapa tidak bertanggungjawabnya pihak Kerajaan terhadap orang awam.

Hypak Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang bersama-sama ditubuhkan oleh SEDC Melaka, Perindustrian Folex dari Taiping dan Hypak dari Singapura. Hypak memperoleh pinjaman sebanyak \$10 juta daripada MIDF, tetapi dalam tempoh dua tahun sahaja Hypak Sdn Bhd bukan sahaja telah membazirkan kesemua pinjaman ini, tetapi juga berhutang sebanyak \$2 juta lagi. Akhirnya, kilang ini terpaksa ditutup dan mengakibatkan melebihi 400 orang pekerja hilang pekerjaan mereka dan juga perlindungan notis pemberhentian perkhidmatan di bawah Undang-undang Buruh ini pun diketepikan sama sekali. Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka hanya bertindak semata-mata dari segi kepentingan keuntungan perniagaannya, tanpa menyedari tanggungjawab dan kewajiban sebagaimana yang dinyatakan dalam objektif sosial di bawah Dasar Ekonomi Baru ini.

Apa yang memeranjatkan ialah bagaimana-kah pihak MIDF boleh begitu mudah memberikan pinjaman sebanyak \$10 juta kepada Hypak ini, dan begitu mudah dibazirkan. Adakah ini disebabkan kerana di antara pengarah-pengarah dari Kumpulan Folex yang memegang saham sebanyak 51% ini, salah seorang daripadanya ialah adik seorang Menteri MCA?

Salah satu rekod yang paling mendukacitakan dari Kerajaan ialah di bidang perumahan. Untuk memastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai rumah sendiri yang sewajarnya oleh kerana selain daripada makanan, ianya merupakan item perbelanjaan keluarga yang kedua banyaknya, biasanya menduduki 15%-20% dari sebahagian besar keluarga dalam perbelanjaannya.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, sekim-sekim perumahan awam yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dengan bantuan pinjaman dari Kerajaan Pusat adalah mempertunjukkan bahawa hanya 50% matlamatnya dicapai, iaitu dari matlamat 26,000 yunit yang dijangkakan, hanya 13,000 yunit disediakan.

Selama ini, Kerajaan telah gagal untuk menampung keperluan perumahan dari golongan yang berpendapatan rendah. Hingga setakat ini, Malaysia masih kekurangan sebanyak 250,000 yunit rumah. Kerajaan seharusnya menggunakan setiap sen untuk membina rumah-rumah rendah supaya masaalah kekurangan rumah ini dapat dipecahkan, dan perlu ditegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri, PKEN atau lain-lain agensi Kerajaan seharusnya tidak boleh membina rumah-rumah yang mahal dan hanya bersesuaian dengan kemampuan ekonomi orang-orang yang bergaji tinggi dan pertengahan.

Saya menyedari bahawa di Rancangan Malaysia Ketiga ini, sebanyak \$26.3 juta telahpun diperuntukkan kepada SEDC untuk mengadakan rumah-rumah perniagaan ini. Saya berpendapat bahawa seharusnya peruntukan digugurkan dan diberhentikan dengan serta-merta, dan dijadikan satu peruntukan yang berfaedah kepada golongan rakyat yang miskin dalam usaha pembinaan rumah-rumah awam dan murah.

Semalam, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menolak apa yang dikatakan beliau sebagai cadangan saya

supaya diadakan satu garis pendapatan kemiskinan yang sama. Beliau telah memberi sebab-sebab mengapa ini tidak dapat dipraktikkan memandangkan perbedaan dalam kos penghidupan dan kemudahan-kemudahan sosial untuk kawasan-kawasan dan keluarga-keluarga yang berlainan. Saya menasihatkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya meneliti ucapan saya dengan rapi kerana sebab-sebab yang diberikan oleh beliau itu adalah sebenarnya sebab-sebab yang saya sendiri telah mengeluarkan apabila saya menegur kegunaan garis pendapatan kemiskinan yang sama oleh Kerajaan. Mungkin, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masih belum lagi memahami dengan dalamnya Rancangan Malaysia Ketiga.

Akhirnya bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga dan juga perbelanjaan pembangunan ini, harus diadakan penyelarasan yang lebih memuaskan di antara jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian Kerajaan. Kerap kali kita mendapati bahawa sesuatu Kementerian Kerajaan tidak tahu apa yang dibuat oleh Kementerian yang lain; dan juga terdapat Kementerian yang membuat sesuatu yang bertentangan, membazirkan wang awam, sumber-sumber dan masa.

Satu contoh yang paling menarik telah berlaku pada hari Isnin yang lalu apabila Yang Berhormat Menteri-menteri telah menjawab kepada teguran-teguran yang dibangkitkan semasa perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya telah, semasa mengambil bahagian dalam perbahasan itu menyeru Kerajaan supaya pekebun-pekebun kecil getah yang mempunyai kebun-kebun getah yang luasnya kurang daripada 15 ekar dikecualikan daripada pembayaran cukai eksport dan cess getah sebagai satu rancangan anti kemiskinan untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah. Yang Berhormat Menteri Kewangan, apabila menjawab telah menolak cadangan saya itu atas alasan tidak menasabah tetapi Timbalan Menteri Perusahaan Utama yang telah menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri telah menyatakan cadangan itu sedang dikaji untuk membuktikan, saya bukan bohong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Orang lain belum ada kata Ahli Yang Berhormat bohong, tetapi Ahli Yang Berhormat sendiri kata bohong.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri Kewangan menggeleng kepalanya. Ini ada dalam Hansard. Beliau antara lain menyatakan:

“Oleh kerana duti dan ses ini adalah dikenakan kepada semua pengeluaran-pengeluaran getah maka adalah tidak menasabah pengecualian diberi kepada sebahagian daripada mereka.”

Sungguhpun katanya ada ditimbangkan dengan cara-cara lain untuk menolong mereka tetapi apa Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama kata ialah:

“Ahli Yang Berhormat juga mengesyurkan supaya Kerajaan menarik balik cukai eksport dan juga ses penyelidikan bagi getah yang dijual oleh pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kurang dari 15 ekar. Berhubung dengan syor ini, Kementerian saya telahpun mula berbincang dengan Kementerian Kewangan dan kajian-kajian yang mendalam sedang dibuat.”

Ini menunjukkan the right hand of the Government does not know what the left hand is doing; how uncoordinated can the Government be?

4.53 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Usul yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan.

Yang pertama, saya hendak menyokong sepenuhnya apa yang dikatakan oleh wakil dari Panti dan wakil dari Kuala Muda atas hak kebebasan akhbar (press) di tanahair kita. Kedua-dua wakil tersebut telah menyatakan dukacita kerana suratkhobar di tanahair kita tidak menyiarkan ucapan mereka tetapi mereka boleh baca ucapannya dalam suratkhobar dari luar negeri. Ini menunjukkan kalau sekiranya kita benar-benar “learn the truth” tentang apa yang berlaku di tanahair kita, kadang-kadang kita terpaksa baca truth di dalam suratkhobar asing. Kerajaan mesti sedar akhbar, di tanahair kita boleh memainkan peranan penting. Sekiranya akhbar di tanahair kita dicegah dan bukan dibenarkan tetapi ditakut-takutkan oleh Kerajaan di samping itu akhbar di tanahair kita takut menyiarkan kelemahan Rancangan Malaysia Ketiga, maka timbul bukan “the right hand of the Government does not know what the left hand is doing”, tetapi tentu Kerajaan boleh “grope

in the dark”. Oleh itu saya berharap Kerajaan boleh mengubah sikap atau polisinya terhadap akhbar di tanahair kita.

Di dalam peruntukan tahun ini peruntukan bagi Kementerian Pelajaran ialah \$316 juta atau berhampiran 10% peruntukan tahun ini. Saya juga hendak menyokong apa yang dikatakan oleh wakil dari Kuala Muda apabila beliau menyentuh tentang kekhuatiran antara orang bukan bumiputra terhadap peluang untuk pelajaran tinggi di tanahair kita. Beliau menyatakan dalam Rancangan Malaysia Kedua tempat untuk pelajaran tinggi di tanahair kita ialah untuk bumiputra telah dinaikkan daripada 50%-65% dan ini telah mengakibatkan kekhuatiran orang bukan bumiputra. Saya hendak sebutkan di sini tentang satu golongan, mengenai keperluan untuk mereka mendapat pelajaran tinggi.

Dalam tahun 1970 di bawah kategori “Others” bermakna lain-lain termasuk “Eurasian” ada sebanyak 307 penuntut atau 3.8% mengambil kursus degree tetapi pada tahun 1975 angka itu telah turun ke bawah 141 atau 1%. Ini menunjukkan tempat untuk pelajaran tinggi kepada lain-lain orang termasuk Eurasian telah dikurangkan, tetapi kalau kita lihat kepada institusi-institusi pelajaran tinggi atau tertiary education institutions, pada tahun 1970, tempat untuk lain-lain orang ialah 337 atau 2.5% tetapi sehingga 1975 ini telah diturunkan kepada 166 atau .5%. Ini menunjukkan lain-lain orang iaitu kebanyakannya Eurasian di tanahair kita tidak dapat tempat di institusi pengajian tinggi. Ini disebabkan taraf pelajarannya telah diturunkan. Kerajaan telah menyatakan untuk berusaha menyusun masyarakat, adakah di dalam kiraannya termasuk masyarakat di tanahair kita iaitu termasuk Eurasian, oleh sebab mereka itu bukan sahaja pendapatannya telah dikurangkan, tetapi peluang untuk mencari pekerjaan juga telah dikurangkan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, taraf pelajarannya telah dikurangkan dan oleh itu apa yang disebutkan oleh saya tadi iaitu anak-anaknya yang memasuki institusi-institusi pelajaran tinggi di tanahair kita telah dikurangkan. Saya berharap, Kerajaan akan membantu Eurasians di tanahair kita supaya kita boleh menyusun keadaan-nya di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri Pelajaran mengapakah peruntukan untuk institusi-institusi pelajaran tinggi di tanahair kita terlampau tinggi. Saya

telah membuat kira-kira, Tuan Yang di-Pertua dan saya berpendapat peruntukan untuk higher institutions of learning di tanah-air kita di Rancangan Malaysia Ketiga ialah \$391½ juta tetapi peruntukan untuk sekolah rendah ialah \$210 juta dan peruntukan untuk sekolah menengah ialah \$200.7 juta. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk institusi-institusi pelajaran tinggi di tanahair kita ialah hampir sama dengan peruntukan untuk institusi sekolah rendah dan sekolah menengah. Tuan Yang di-Pertua, penuntut-penuntut sekolah rendah pada tahun 1980 dianggarkan 2 juta lebih penuntut, sekolah menengah 1 juta lebih tetapi colleges dan universiti-universiti kita tidak sampai 50,000. Mengapakah Kementerian Pelajaran buat perbezaan yang begitu besar antara sekolah rendah dan sekolah menengah dan institusi-institusi pelajaran tinggi di tanahair kita? Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk pembangunan untuk Universiti Kebangsaan, umpamanya, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah \$176.4 juta dan kalau kita tambah \$40 juta yang diuntukkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua, ini bermakna jumlah peruntukan untuk Universiti Kebangsaan ialah \$216.4 juta. Ini bermakna peruntukan untuk satu Universiti sahaja iaitu Universiti Kebangsaan ialah hampir sama dengan peruntukan untuk sekolah rendah atau sekolah menengah.

Saya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini ialah lopsided oleh kerana cuma 50,000 siswazah boleh berfaedah daripada hampir \$200 juta tetapi apa yang disebutkan oleh saya tadi sekolah rendah penuntut pada tahun 1980 akan berjumlah 2 juta lebih dan untuk sekolah menengah 1 juta lebih. Saya bukan membantah tentang peruntukan untuk sekolah rendah dan sekolah menengah, tetapi saya berharap Kementerian Pelajaran boleh menambahkan peruntukan untuk kedua-dua institusi ini dan supaya kalau kita ada kelemahan di dalam sekolah rendah dan sekolah menengah tentulah kurang penuntut-penuntut yang boleh pergi ke institusi-institusi pelajaran tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit tentang duplication of courses di antara universiti kita. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di Universiti Pertanian ada menubuhkan satu Department of Political Science. Saya sedar di dalam Universiti Malaya, di dalam Universiti Kebangsaan dan di dalam Universiti Sains

Malaysia ada kursus untuk Political Science. Mengapakah Kerajaan atau Kementerian Pelajaran membenarkan Universiti Pertanian menubuhkan atau mewujudkan satu Department of Political Science dan mengapakah perlu satu Universiti Pertanian ada satu kursus Political Science? Ini saya hendak bertanya. Saya nampak seorang graduate daripada Serdang College of Agriculture ketawa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak sebut tentang kekurangan kemudahan-kemudahan untuk kawasan saya iaitu kawasan Jinjang dan Kepong. Kawasan Jinjang dan Kepong, ada beberapa rancangan perumahan sekarang, di Desa Jaya, di Kepong Baru, di Taman Kepong, di Taman Petaling, di Saiwai dan baru-baru ini dilancarkan Ehsan Sdn. Berhad dan ada beberapa rancangan pun akan dilancarkan. Ini bermakna, penduduk-penduduk di kawasan ini akan bertambah banyak lagi, beribu-ribu dan tentulah orang yang akan duduk di sana mesti mendapat tempat untuk pelajaran anak-anaknya. Malangnya, di Jinjang dan Kepong ada dua sahaja sekolah menengah. Ini langsung tidak mencukupi, oleh sebab di kawasan ini juga ada 6 sekolah rendah. Ini bermakna, 6 sekolah rendah apabila penuntutnya lulus daripada Darjah VI mereka mesti pergi ke Tingkatan 1 tetapi oleh sebab ada 2 buah sekolah menengah, maka tidak ada mencukupi tempat. Saya berharap, Kementerian Pelajaran akan membina sekurang-kurangnya 2 buah sekolah menengah untuk kanak-kanak atau murid-murid di kawasan Jinjang dan Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun ini saya pun ada membangkitkan tentang kekurangan tempat untuk kelas Darjah 1 di kawasan Jinjang dan Kepong. Pada pendapat saya, pada tahun yang akan datang Kerajaan mesti mencari tempat 600 lebih daripada yang ada sekarang. Ini bermakna, Kerajaan mesti membentuk atau membina 12 kelas untuk kelebihan murid-murid. Saya tidak sedar, Kerajaan akan menyediakan 12 Kelas lebih untuk kelebihan 600 murid-murid ini.

Apa yang saya difahamkan bahawa Kerajaan akan membina satu sekolah rendah di Desa Jaya, tetapi sehingga sekarang pada pendapat saya kerja itu belum dimulakan. Oleh itu, saya berharap Kementerian Pelajaran akan bertindak dengan segera untuk mencari tempat bagi murid-murid yang akan masuk Darjah Satu dan ke Tingkatan I di tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang kampung-kampung baharu di tanahair kita dan saya ingin membaca sedikit daripada Rancangan Malaysia Ketiga

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah baca, kerana tidak ada masa, Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab lebih kurang pukul 5.45 atau 6.00 petang. Sebutkan sahaja paragraph mana.

Dr Tan Chee Khoon: Apa yang saya ingin menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, \$19 juta untuk 465 kampung-kampung baharu untuk satu juta lebih orang yang mendiami di kampung-kampung baharu ini langsung tidak mencukupi. Jika Kerajaan boleh menguntukan \$260 juta kepada 28,000 orang keluarga nelayan-nelayan, saya tidak membantah tentang peruntukkan ini, tetapi jika Kerajaan boleh membuat peruntukan yang begitu besar untuk nelayan, mengapakah Kerajaan tidak boleh tambah peruntukan untuk 85,000 keluarga di kampung-kampung baharu di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan-kawasan saya ada satu kampung baharu yang boleh dikatakan terlampau besar di tanahair kita iaitu Kampung Baharu Jinjang dan saya berani mengatakan kalau Kerajaan ingin memodenkan Jinjang itu akan menelan belanja lebih daripada \$19 juta.

Tahun yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyampaikan satu memorandum kepada Dewan Bandaraya dan di dalam memorandum itu saya telah sentuh beberapa kerja yang patut dibuat oleh Dewan Bandaraya supaya penduduk-penduduk di sana boleh mendapat kemudahan-kemudahan yang sesuai. Tetapi, kalau Kerajaan cuma menguntukkan \$19 juta maka penduduk-penduduk Jinjang langsung tidak ada harapan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Dr Tan Chee Khoon: Tidak, satu dua minit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pada tahun yang lalu tiap-tiap Wakil Barisan Nasional dapat \$50,000 untuk perbelanjaan di dalam kawasannya; sebelum itu saya berpendapat tiap-tiap wakil dapat \$10,000. Saya hendak bertanya kepada Kerajaan bolehkah Kerajaan berjanji bahawa peruntukan ini boleh dibelanjakan dengan

teliti, oleh sebab, sekarang ada 144 orang wakil dari Barisan Nasional. Ini bermakna, tiap-tiap tahun 144 wakil akan membelanjakan \$7.2 juta dan di dalam lima tahun mereka akan membelanjakan \$36 juta. Kalau sekiranya wang ini diuntukkan kepada Kementerian Pelajaran, maka kita boleh membina beberapa sekolah baharu di luar bandar khususnya di kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan Kerajaan telah ambil supaya \$50,000 ini dibelanjakan dengan teliti ataupun masuk ke poket Wakil-wakil Rakyat dari Barisan Nasional. Ini bukan mengatakan mereka akan memasukkan wang ini kepada poket mereka tetapi mengapakah Kerajaan memberikan temptation ini kepada Wakil Rakyatnya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, apabila beliau selaku Menteri Kewangan beliau telah menyatakan beliau akan menjaga supaya kita jangan membazirkan satu sen pun, tetapi kita sedar Kerajaan akan memberi \$50,000 kepada tiap-tiap wakil dari Barisan Nasional ini, bermakna di dalam tempoh lima tahun tiap-tiap wakil dari Barisan Nasional akan membelanjakan \$½ juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Perdana Menteri kita akan mengkaji perkara ini semula dan janganlah Kerajaan sentiasa membazirkan wang rakyat.

5.16 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Anggaran Pembangunan Tahun 1976, dan saya cuma ingin menyentuh tiga empat perkara sahaja.

Yang pertama, berkaitan dengan Kehakiman. Saya berterima kasih kerana ada sedikit-sebanyak peruntukan yang dikhaskan dalam tahun 1976 untuk pembinaan Mahkamah-mahkamah Rendah dan juga pembinaan Dewan Keadilan (Hall of Justice).

Di dalam negara kita, Tuan Yang di-Pertua, kedaulatan undang-undang telah diakui oleh sebab itu jentera keadilanlah yang amat mustahak dalam menjalankan sesuatu perkara. Tetapi malangnya, Jabatan inilah yang selalu ketinggalan. Di mana-mana kita pergi kita dapat banyak pembangunan seperti balai-balai polis dan sekolah-sekolah, tetapi Mahkamah-mahkamah masih buruk. Misalnya,

Mahkamah Bukit Mertajam. Tuanya sama dengan tuanya bandar Bukit Mertajam iaitu kurang 46 tahun. Sehingga sekarang Mahkamah ini belum dibaiki dan belum dibaharui. Ada dengar kata-kata bahawa Mahkamah ini akan dipindahkan ke tempat yang lain iaitu ke Bangan Serai. Saya berharap perkara ini akan diambil berat supaya apabila mendirikan sesuatu mahkamah baharu biarlah tempat itu sesuai, janganlah buat di satu-satu tempat yang akan mendatangkan kesulitan yang amat sangat kepada mereka yang terpaksa hadir ke mahkamah. Misalnya, di bandar Kuala Lumpur, Bukit Mahkamah telah dipindahkan ke Jalan Duta. Jadi, semua mereka yang berkenaan dengan Mahkamah sekarang terpaksa pergi ke Jalan Duta, dan saya diberitahu bahawa perkhidmatan bas belum cukup dan pejabat-pejabat pos belum ada. Pada hal tiap-tiap satu *prae-cipe* yang hendak di file di dalam Mahkamah memerlukan stamp. Apakah satu kesulitan yang amat sangat supaya diadakan pejabat pos di mahkamah yang baharu ini. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan mengambil tindakan yang segera supaya kesulitan, kepahitan dan kesusahan mereka itu dapat diatasi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, membina mahkamah, membaharui mahkamah tidak akan menjamin kelicinan perjalanan jentera keadilan selagi ada kekurangan pengadil-pengadil, kekurangan Yang di-Pertua mahkamah-mahkamah Sesyen, kekurangan-kekurangan Juru-juru Bahasa. Dan saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil satu tindakan supaya dapat menarik pegawai-pegawai, misalnya majisteret-majisteret, pengadil-pengadil dan Yang di-Pertua supaya jangan keluar daripada perkhidmatan mereka. Satu daripada caranya pada fikiran saya ialah supaya mereka yang telah berkhidmat dalam jabatan-jabatan lain yang telah berhenti, meletak jawatan pergi belajar dan apabila balik kembali berkhidmat semula dalam Jabatan Undang-undang dan Kehakiman mestilah perkhidmatan mereka ini disambung, ini ialah sebagai satu insentif, kalau tidak tiap-tiap tahun kita tambah orang baru, tiap-tiap tahun lebih lagi yang berhenti. Dalam perkara ini saya juga ingin menarik perhatian kepada Perkeliling Perkhidmatan Bilangan 27/75 yang bertarikh 21hb Oktober, 1975 di mana telah memberi keistimewaan kepada mereka yang telah berhenti daripada jawatan Kerajaan dan pergi melanjutkan pelajaran, balik dan berkhidmat semula dalam jabatan Kerajaan

supaya masa yang diambil untuk mempelajari ini dianggap sebagai cuti tidak bergaji, ini satu perkara yang baik. Tetapi apa yang saya tidak faham ialah perkeliling ini cuma berkaitan dengan mereka yang telah berhenti selepas 1hb Januari, 1973. Apakah tujuan perkeliling ini. Adakah tujuan supaya mereka yang berhenti pada masa hadapan akan dapat peluang supaya perkhidmatan mereka disambung. Kalau begitu mengapakah perkeliling ini cuma berkuatkuasa berkaitan dengan mereka yang berhenti pada tahun 1973. Walaupun adakah ini satu cara untuk menggalakkan mereka yang telah berhenti sebelum perkeliling ini dikeluarkan supaya terus berkhidmat. Kalau begitu, mengapakah dihadkan tahun 1973, ada juga mereka yang berhenti tahun 1964 dan 1965. Apakah sebab mereka itu tidak diberi peluang untuk menikmati arahan baru ini. Jadi, saya menyeru kepada Kerajaan supaya bukan sahaja mereka yang berhenti selepas tahun 1973 tetapi juga mereka yang telah berhenti sebelum perkeliling ini dikeluarkan kerana ini ialah satu daya penarik, satu penghargaan kepada khidmat mereka. Kalau mereka berhenti tahun 1964 dan mereka sanggup berkhidmat sehingga sekarang, ini menunjukkan satu nilai kepada mereka dan Kerajaan mesti memberi penghargaan.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kerana dalam Anggaran Pembangunan ini ada juga diberi sedikit-sebanyak berkaitan dengan rancangan-rancangan taliair di Pulau Pinang yang banyaknya ialah masuk dalam kawasan Seberang Prai. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Tetapi saya minta apabila rancangan-rancangan ini dijalankan janganlah biarkan pekilang-pekilang bermaharajalela membiarkan air-air kotor daripada kilang-kilang ini menyalur dalam taliair itu kerana ini memusnahkan tanaman-tanaman petani-petani dan peladang-peladang. Jadi, dalam perkara ini saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan bekerja rapat dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya jangan effluence-effluence ini, najis daripada kilang ini mengalir melalui taliair-taliair.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara ialah berkaitan dengan Kementerian Kema-juan Tanah Kemajuan Wilayah. Ini juga satu perkara elok tetapi apa yang saya rasa kesal ialah, misalnya FELDA, setakat

pengetahuan saya rancangan FELDA ini ialah rancangan-rancangan Persekutuan iaitu projek Persekutuan bukan projek Negeri, cuma dijalankan sahaja di dalam negeri-negeri yang berkenaan. Oleh sebab itu, wajar sangatlah supaya projek-projek ini dapat disertai oleh penduduk-penduduk selain daripada penduduk-penduduk di dalam negeri di mana projek-projek itu diadakan. Pada masa sekarang sepanjang yang saya tahu ada setengah-setengah negeri dibuka pintu kepada penduduk-penduduk di negeri-negeri lain supaya menyertai rancangan-rancangan ini tetapi ada juga negeri-negeri yang tidak membenarkan. Pada fikiran saya ialah satu perbuatan yang tidak adil kerana kelahiran kita ialah circumstance of birth, mungkin mereka di negeri Pulau Pinang di mana tidak ada rancangan-rancangan FELDA mereka itu patut diberi peluang untuk menyertai rancangan-rancangan ini kerana rancangan ini dibiayai oleh wang Persekutuan bukan wang Negeri masing-masing.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya apabila peralihan Penguasa Tempatan dilaksanakan mesti fikirkan betul-betul janganlah jadi apa yang telah berlaku di negeri Pulau Pinang, sungguhpun negeri Pulau Pinang boleh dikatakan dapat satu rekod sebagai negeri yang pertama sekali memimplimentasikan Lapuran Athi Nahapan. Tetapi malangnya sehingga sekarang masaalah-masaalah yang teramat sangat telah timbul. Misalnya, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang dan Seberang Prai belum sedia untuk menerima tugas dan tanggungjawab. Misalnya, siapa menjadi road authority, belum dipastikan tanggungjawab siapa untuk membaiki longkang di dalam pekan-pekan kecil. Ini belum dipastikan lagi. Dan juga pertelingkahan di antara jabatan dengan jabatan, LLN memasang wire letrik. Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan tanam pokok-pokok untuk mengindahkan Seberang Prai. Apabila pokok ini ditanam, dibaja, disiram air, apabila pokok sudah naik, pekerja LLN datang memotong dahannya. Inilah cara yang membazir. Saya harap perkara ini juga akan diambil perhatian. Dan juga

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjangkah lagi, Yang Berhormat?

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Dua minit lagi lebih kurang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak cakap.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Jadi, dalam perkara Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan saya menyeru supaya apabila menggunakan wang Kerajaan janganlah lupa mereka yang di luar bandar. Kalau masyarakat bandar memerlukan taman permainan kanak-kanak, masyarakat luar bandar juga memerlukannya sungguhpun keperluan tidak sampai sehingga memerlukan skating ring dan sebagainya tetapi janganlah lupa masyarakat luar bandar juga dalam usaha Kerajaan untuk mempermodenkan luar bandar.

Tuan Mohd. Bakri bin Rais (Parit): (Bangun).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Walaupun saya nampak Ahli Yang Berhormat dari Parit sudah bangun dahulu tetapi Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas belum dapat peluang bercakap dalam masa membincangkan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya jemput Ahli Yang Berhormat itu bercakap.

5.30 ptg.

Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh (Hilir Padas): Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya turut memberi sokongan kepada usul Anggaran Pembangunan. 1976 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari semalam selaku peruntukan permulaan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan sepenuhnya kepada pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa semua kesilapan di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua adalah sebagai pelajaran kepada kita dan janganlah hendaknya kesilapan-kesilapan seperti itu akan berulang lagi di masa kita melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Pertama sekali, kelalaian ataupun kekurangan yang bertugas daripada pegawai-pegawai Kerajaan bagi melaksanakan rancangan pembangunan di masa Rancangan Malaysia Kedua adalah sangat-sangat merugikan rakyat Malaysia

khasnya. Sebagai bukti, sejumlah \$152.2 juta peruntukan bagi pembangunan kemudahan rakyat Sabah masih belum dibelanjakan sebagai baki peruntukan Rancangan Malaysia Kedua. Disebabkan oleh kelalaian ataupun kekurangan pihak yang bertugas maka peruntukan tersebut berbaki pada Rancangan Malaysia Kedua itu. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan demi kepentingan rakyat, khasnya rakyat di luar bandar agar kelalaian seperti itu tidak akan berulang lagi di masa kita melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Oleh kerana kelalaian pihak yang berkenaanlah maka Lebuhraya Papar-Selumin belum dapat dilaksanakan, Rumah Sakit Besar Daerah Beaufort belum dibina, sekolah-sekolah menengah Kota Klias, Weston Gadong, Limbawang, Pekan Beaufort dan Menumbok di kawasan saya belum lagi dibina sedangkan peruntukan sudah ada di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Kelalaian seperti ini adalah sangat-sangat dikesalkan dan sangat-sangat menyedihkan hati rakyat yang mengharapkan perubahan hidup dari nikmat kemerdekaan negara.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, agaknya tidak lengkap sokongan saya kepada usul Rancangan Malaysia Ketiga yang baru dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini jika saya tidak menimbulkan keadaan politik di negeri Sabah pada masa ini. Sekiranya Kerajaan Barisan Nasional tidak dipraktikkan sepenuhnya di Sabah di dalam masa melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini, maka ada kemungkinan penyalahgunaan dan penyelewengan peruntukan akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat yang hidup dan tinggal di tengah-tengah rakyat jelata, saya melihat dengan mata kepala saya sendiri banyak penyokong-penyokong dari Parti USNO telah diberhentikan kerja oleh Kerajaan Berjaya (Kerajaan Sabah yang memerintah pada hari ini). Mereka yang telah diberhentikan itu adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan badan-badan berkanun, Ketua-ketua Negeri dan Ketua-ketua Kampung. Mereka itu diugut sekiranya tidak berhenti daripada menjadi Ahli USNO dan masuk menjadi Ahli Berjaya maka mereka diberhentikan dari pekerjaan mereka. Kerajaan seperti ini sudah menjadi kenyataan kerana mereka yang enggan berhenti dari

memperjuangkan USNO dan masuk menjadi Ahli Berjaya telah diberhentikan dari pekerjaan mereka. Hak asasi rakyat, peri kemanusiaan dan amalan serta proses demokrasi Kerajaan Malaysia yang terpuji di mata dunia hari ini telah disalahgunakan oleh Kerajaan Negeri Sabah pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hati yang tulus ikhlas inginlah saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi memulihkan kestabilan politik, bagi memulihkan amalan demokrasi, bagi memulihkan ketenteraman hidup rakyat dan mewujudkan konsep dan Kerajaan Barisan Nasional yang sepenuhnya di Sabah sebelum perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga supaya peruntukan-peruntukan yang disusun rapi itu tidak disalahgunakan dan dapat dinikmati oleh semua rakyat jelata di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pembahagian peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga adalah sangat-sangat adil dan saksama kepada semua negeri-negeri di dalam Malaysia termasuklah Sabah dan Sarawak tetapi Sabah dan Sarawak adalah negeri-negeri yang termuda sekali di dalam negara Malaysia ini. Maka inginlah saya merayu kepada Kerajaan Pusat dan Kementerian-kementerian supaya menitikberatkan dan mengutamakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga di Sabah dan Sarawak supaya tidak adanya negeri-negeri tersebut ketinggalan terlalu jauh daripada negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Itu dari segi pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, selaku salah seorang rakyat dari kawasan yang selalu dilanda banjir inginlah saya menarik perhatian Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya membuat penyiasatan bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku mengakibatkan kerugian besar kepada penduduk-penduduk di kawasan saya khasnya petani-petani di Daerah Beaufort.

Di sini saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian supaya membuat penyiasatan kepada pemberian lesen perdagangan di Sabah kerana terdapat di kawasan saya, di Labuan berhubung dengan lesen barter trader hanya diberi kepada seorang bukan bumiputra pada 16-7-1976 baru lalu sedangkan sejak dari 20 tahun yang lalu lesen tersebut dibebaskan pemberiannya kepada semua kaum peniaga-peniaga di Labuan. Oleh itu, sekali lagi saya

merayu kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian supaya lesen tersebut di bebaskan seperti pada masa yang lalu di Sabah, khususnya di kawasan saya di Labuan. Lagipun 90% peniaga-peniaga di Labuan bergantung dengan barter trade, maka kemungkinan banyak yang tutup kedai sekiranya amalan monopoli itu tidak dihentikan oleh pihak yang berkuasa di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu inginlah saya menarik perhatian Kementerian Pertanian supaya melipatgandakan lagi rancangan penanaman buah-buah tempatan dalam jangka Rancangan Malaysia Ketiga ini supaya pembelian buah-buahan dari luar negeri dapat dibendung sekiranya buah-buahan tempatan kita mencukupi bagi kegunaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ketinggalan ingin saya cadangkan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan meluaskan khidmatnya ke Negeri Sabah dan Sarawak. Saya percaya pada masa yang lalu Kementerian tersebut hanya menyerahkan tanggungjawabnya kepada Suruhanjaya Perumahan Negeri, tetapi pada Rancangan Malaysia Ketiga ini haruslah Kementerian tersebut bertanggungjawab secara direct kepada pelaksanaan perumahan rakyat di Sabah dan Sarawak supaya kelambatan perumahan dan segala kemudahan untuk rakyat tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya men cadangkan di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini kepada Kementerian Perhubungan supaya membekalkan kereta-kereta ambulan kepada tiap-tiap lapanganterbang di seluruh negara, khususnya di Lapanganterbang Antarabangsa kita di Kuala Lumpur yang mana pada masa ini hanya bergantung kepada kereta ambulan dari Wilayah Persekutuan sahaja. Malang tidak berbau, Tuan Yang di-Pertua, lagipun kesesakan lalu lintas kita sentiasa menjadi-jadi pada masa ini. Oleh itu, jika ada sesuatu kemalangan berlaku di lapanganterbang si malang berkehendakkan rawatan sertamerta tetapi malangnya akibat tergendala kerana kesesakan lalu lintas, maka malang sekali sebelum ambulan tiba si malang didapati meninggal. Oleh itu, bagi mengatasi perkara seperti ini yang mungkin berlaku maka pembekalan ambulan di lapanganterbang, terutamanya Lapangan Terbang Antarabangsa adalah perlu demi keselamatan umat manusia antarabangsa

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah lagi Yang Berhormat? Ada banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain hendak bercakap.

Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh: Tuan Yang di-Pertua, panjang sedikit kerana saya tidak sempat bercakap dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan lima minit lagi.

Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya bagi perlaksanaan amalan dan proses demokrasi sepenuhnya di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini dengan seadil-adilnya seharusnya negeri Sabah juga diberi perwakilan di dalam Kabinet Kerajaan Pusat yang seimbang seperti pemberian perwakilan bagi negeri Sarawak pada masa ini. Pada pendapat saya sekiranya wujud perseimbangan perwakilan di dalam Kerajaan Pusat, maka soal penyalahgunaan peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga dapat diselamatkan. Lagipun Menteri-menteri atau Timbalan Menteri perwakilan Sabah itu tentu sahaja sering melawat, melihat dan memeriksa sendiri pada rancangan-rancangan yang dilaksanakan supaya pelaksanaan rancangan-rancangan tersebut sentiasa berjalan dengan baik, sempurna, licin dan akan siap pada masa yang ditentukan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah berlaku di dalam jangka masa Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua ada di antara Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri kita tidak pernah melawat Sabah sehingga hari ini pun. Maka tentu sekali ada di antara pelaksanaan rancangan-rancangan Malaysia Pertama dan Kedua itu disalahgunakan oleh orang-orang yang tertentu tanpa penyiasatan dan pengawasan yang rapi. Masalah ini telah juga diusulkan oleh Yang Berhormat dari Gaya. Saya menyokong pendapat Ahli Yang Berhormat dari Gaya itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya berdoa kepada Allah subhanahu wataala semoga Kerajaan Barisan Nasional berjaya mengekalkan khidmatannya kepada rakyat jelata di negara Malaysia ini dan berjaya segala rancangannya dapat dinikmati oleh

rakyat jelata di negara ini terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar dan mereka yang tidak berada.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Anggaran Pembangunan 1976 ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana saya telah beritahu kepada Dewan petang tadi kita hendak tamatkan perbincangan atas Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1976 pada petang ini. Saya nampak ada banyak lagi Ahli-ahli yang bangun hendak bercakap dan mengikut senarai yang ditanda oleh rakan saya Timbalan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya dalam senarai ini ada enam orang lagi Ahli yang hendak bercakap yang sudah pun bercakap dahulu waktu kita berbincang Rancangan Malaysia Ketiga. Saya tidak faham entah apa Yang Berhormat itu hendak bercakap, saya tidak tahulah. Saya hendak tahu adakah bagi pihak Yang Berhormat Yang Berhormat, selain daripada Menteri Kewangan yang hendak menjawab dalam perbincangan ini. (Ada Menteri-menteri hendak menjawab)—Jikalau begitu, saya ingat kita kena buat satu usul memanjangkan ataupun satu usul yang Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perkara ini, ataupun kita tetapkan masanya. Saya rasa eloklah kita buat satu usul supaya Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.00 malam ini supaya Ahli-ahli dapat peluang sekurang-kurangnya enam orang yang saya nampak, boleh bercakap sekurang-kurangnya 5-6 minit seorang. Kemudian Menteri-menteri dua tiga orang yang hendak bercakap dapat peluang bercakap sedikit sebanyak.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbincangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1976.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbincangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1976.

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1976

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Ahli-ahli yang bercakap, minta tolonglah pendek-pendekkan, tidak lebih daripada lima minit seorang. Sebab banyak sudah Ahli-ahli bercakap lebihkurang setengah jam, 20 minit, 25 minit seorang. Saya ada senarai, saya ada jadual. Saya buat analisa. Jadi kalau hendak tambah pilih apa-apa subject matter atau perkara-perkara yang jadi terlekat minat di hati sedikit seperti berkenaan dengan Police Station atau sekolah. Satu dua perkara sahaja. Ahli Yang Berhormat dari Parit.

5.47 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, dalam Penyata Perbendaharaan mengenai Anggaran Pembangunan, 1976 ada menyebutkan peruntukan sejumlah \$88.8 juta di bawah tajuk pentadbiran untuk Semenanjung Malaysia. Jumlah ini tidak syak lagi memang besar. Tetapi apa yang mendukacitakan saya ialah bahawa pentadbiran di Jabatan-jabatan Kerajaan masih lagi lemah. Ini dibuktikan baru-baru ini dengan kehilangan atau kerugian daripada \$50,000 nilai alat-alat tulis daripada 20 buah Jabatan Kerajaan seperti yang telah ditangkap oleh Polis di Kuala Lumpur. Dalam hubungan ini syabas saya ucapkan kepada pihak Polis terutama Polis di Kuala Lumpur atas kecekapannya.

Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang dirampas itu termasuk stencil, carbon paper, duplicating paper, mesin taip dan lain-lain yang berjumlah \$50,000 adalah besar nilainya. Saya percaya kiranya Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dapat menjalankan tugasnya dengan lebih rapi lagi saya percaya perkara seperti ini tidak mungkin berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada pelajaran. Di muka 3 dalam Kertas Perintah 26 Tahun 1976 ada disebutkan sebanyak \$73.8 juta diperuntukkan bagi pelajaran seperti meluaskan bilik darjah dan kemudahan-kemudahan pengajaran bagi pelajaran di peringkat rendah dan menengah. Jumlah ini besar juga dan kita tidak menafikan pelajaran adalah satu perkara yang penting bagi pembangunan negara dan oleh kerana itu

juga guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah yang besar hendaklah diberi galakan yang sesuai, misalnya, sekolah-sekolah yang patut dinaikkan taraf atau grednya hendaklah dinaikkan secepat mungkin. Misalnya, Sekolah Menengah Datuk Abdul-Rahman Yaacob, Bota iaitu dalam kawasan saya yang mempunyai penuntut seramai 2,750 orang dan 100 orang guru patutlah dinaikkan grednya dari gred "C" kepada gred "B". Saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran akan menimbangkan perkara ini demi kepentingan kemajuan sekolah tersebut.

5.50 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa anggaran perbelanjaan seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah perlu untuk menjayakan rancangan-rancangan yang telah diatitkan.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap perkara kita hendak mengaturkan sesuatu ibarat kita hendak membuat rumah, ada plan. Melihat kepada perkara-perkara yang lampau iaitu pada tahun-tahun yang lampau saya dukacita mengatakan bahawa Kerajaan kita, pihak yang berkenaan telah membuat rancangan-rancangan dengan tidak ataupun kekurangan planning. Misalnya, beberapa rancangan di luar bandar alasan-alasan yang diberi di masa kita bertanya mengapa maka rancangan itu gagal, alasannya ialah barang itu tak ada, barang ini tak ada, alat itu tak ada dan alat ini tak ada. Pendek kata pegawai-pegawai yang merancang perkara-perkara ini tidak betul-betul memplan apa yang kita kehendaki di dalam masa dan waktu dijangka itu disediakan. Jadi, saya berharap pihak-pihak yang berkenaan dapat meneliti perkara ini supaya perkara ini tidak berulang.

Saya suka di sini mengambil peluang, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan keselamatan negara. Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bahawa kejayaan rancangan kita iaitu Rancangan Malaysia Ketiga ini tergantung kepada keselamatan negara. Saya memberi tahniah dan syabas kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atas ketegasan yang telah selalu dibangga-banggakan dan dikata-katakan iaitu pihak yang berkenaan tidak akan ragu-ragu menangkap dan menahan sesiapa pun tanpa memandang kepada kedudukan di dalam

masyarakat, kalau orang-orang ini ada mengambil apa-apa aktiviti untuk keselamatan negara. Atas dasar bahawa tangkapan itu sesudah pihak-pihak berkenaan 100% puashati bahawa orang yang terlibat itu bersalah. Baharu-baharu ini, Tuan Yang di-Pertua, di Sabah ada tangkapan lebih kurang empat bulan dahulu dan orang ini telah ditahan iaitu sesudah 100% pihak yang berkenaan puashati orang ini ada terlibat dalam perkara-perkara yang akan memecah belahkan negara. Baru-baru ini dibebaskan dan orang ini juga sekarang sudah menjadi Menteri Dalam Negeri di Sabah. Apakah ketegasan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam perkara yang dibangga-banggakan?

Ada juga tangkapan berlainan iaitu beberapa orang telah ditangkap kerana terlibat dalam incident bom di Sabah juga, orang ini ditahan. Baru-baru ini juga orang ini dibebaskan dengan syarat bahawa orang-orang ini tidak boleh campur dalam apa juga aktiviti siasah selama dua tahun. Jadi, saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, mengapa tangkapan yang pertama di mana orang yang saya sebutkan itu telah menjadi Menteri tidak ada syarat bahawa dia tidak boleh campur politik atau siasah selama dua tahun, tetapi tangkapan yang kedua ini disyaratkan bahawa orang ini tidak boleh campur siasah selama dua tahun. Sebagaimana seorang Ahli Yang Berhormat dari Sabah telah mengatakan hendaklah pihak-pihak berkenaan membuat satu-satu tindakan itu dengan tidak ada diskriminasi kerana ini akan mendatangkan beberapa soalan di kalangan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka di sini menyentuh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya tidak tahu samada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedar perkara yang terjadi di mana satu bilangan pekerja-pekerja di perusahaan lombong dimasukkan oleh perusahaan lombong ini di dalam satu provident fund yang dipanggil Malaysian Mining Staff Provident Fund. Provident Fund ini 10% dibayar oleh majikan dan 10% daripada orang-orang itu sendiri iaitu gaji bulanan. Ada satu lembaga amanahnya yang diawasi dan dijaga oleh 4 orang, orang Eropah. Orang-orang yang masuk sesudah tahun 1970 sekarang ini masuk di dalam EPF, tetapi sebelum itu masuk dalam provident fund yang saya katakan tadi. Apa yang anihnya mereka meminta supaya dapat ditransfer ke EPF, tetapi hingga hari ini

tidak dapat apa-apa pertimbangan daripada pihak yang berkenaan. Satu perkara yang anih lagi ialah orang-orang yang masuk di dalam Malaysian Mining Staff Provident Fund ini tidak mempunyai nomiee. Jadi beberapa kematian telah jadi di mana jandanya terpaksa mengambil L.A. dan L.A. ini memakan masa satu atau dua tahun baharu dapat difinalisekan dan juga kena bayar lebih kurang \$400 hingga \$500. Ini mendatangkan kesusahan kepada pekerja-pekerja

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh Yang Berhormat sudah cukup.

5.56 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan mengenai usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini, saya suka menyebutkan sedikit sahaja sebagai tambahan daripada ucapan saya yang lepas iaitu bagi saya, saya rasa amat risau dan cemas sekali dalam keadaan sekarang ini mengenai tanah-tanah khususnya tanah-tanah di dalam kawasan bandar yang dipunyai oleh orang-orang Melayu. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak jenis tanah yang dimiliki oleh orang Melayu. Ada tanah yang dinamakan tanah rizab Melayu dan ada juga tanah yang tidak dinamakan rizab Melayu tetapi dipunyai oleh orang-orang Melayu. Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah dasar Kerajaan kita yang ada sekarang ini terus menerus berlaku sebagaimana yang ada sekarang ini maka lambat laun orang-orang Melayu yang tinggal di bandar-bandar khususnya akan makin lama makin berkurangan, ataupun akan larilah orang-orang Melayu itu ke luar-bandar dengan sebab tawaran-tawaran yang diberikan oleh orang-orang yang bukan Melayu itu dengan tawaran harga yang berganda-ganda.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya dapati bahawa Kerajaan Negeri patut memikirkan satu polisi atau dasar yang khusus supaya dapat mempertahankan tanah-tanah orang Melayu ini dapat dikekalkan supaya perimbangan penduduk di dalam kawasan bandar itu dapat dikekalkan. Tetapi malangnya, Kerajaan Negeri sendiri menghadapi beberapa kesukaran. Umpamanya, kalau Kerajaan Negeri sendiri hendak membayar melalui SEDC ataupun Perbadanan-perbadanan Negeri, Kerajaan Negeri kebanyakan tidak mencukupi kewangan untuk

membayar atau membeli tanah orang Melayu yang hendak dijual. Jadi, dalam soal ini, saya mengesyorkan kepada Kerajaan kita memikirkan ataupun memberi satu peruntukan wang bagi membolehkan diberi pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun kepada Perbadanan-perbadanan Negeri supaya dapat membeli tanah-tanah orang Melayu yang khususnya di dalam bandar ataupun di luar bandar ini yang dapat dimajukan. Apabila peruntukan ini diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, pada fikiran saya sedikit sebanyak kita dapat menjaga tanah-tanah ini daripada dimonopoli oleh orang-orang lain ataupun orang-orang bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang perseorangan dalam bandar ataupun di sekitar kawasan bandar banyak tanah-tanah yang kosong yang tidak digunakan sedangkan di sekeliling kawasan tanah itu rakyat yang miskin atau yang berpendapatan rendah amat ramai mendiami kawasan itu tetapi tidak dapat memiliki tanah. Dalam soal ini juga saya mengesyorkan kepada Kerajaan kita supaya memikirkan satu dasar supaya Kerajaan-kerajaan Negeri dapat membeli tanah-tanah kosong yang tidak digunakan ini dipecah-pecahkan bagi membolehkan rakyat kita yang berpendapatan rendah memiliki tanah ataupun tapak-tapak rumah bagi kepunyaan mereka. Kalau usaha-usaha seperti ini tidak dijalankan oleh Kerajaan kita ataupun Kerajaan Negeri maka pada fikiran saya selama itulah rakyat yang berpendapatan rendah tidak akan dapat memiliki tapak-tapak rumah ataupun tanah-tanah untuk mendirikan rumah di kawasan bandar khususnya ataupun di tepi-tepi bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit lagi.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Satu hal lagi mengenai tanah yang kosong banyak orang-orang kita yang memiliki tanah yang tidak diusahakan. Soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada Kerajaan kita membuat satu peraturan yang khusus bagi memaksa rakyat ataupun tuan-tuan-punya tanah itu supaya mengusahakan tanah-tanah mereka. Sekiranya tuan-tuan-punya tanah itu tidak mahu juga mengusahakan tanah-tanah mereka itu maka hendaklah Kerajaan kita mengambil tanah-tanah itu dan dibayar kepada mereka itu dan dijual kepada orang-

orang yang berkehendak kepada tanah dan hendak mengusahakan tanah-tanah yang masih kosong itu, jadi kalau keadaan ini di-biarkan maka sudah tentulah tanah yang kosong itu akan terbiar kosong terus menurun.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup tempoh.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga orang lagi yang saya benarkan, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Batu Pahat dan Petaling. Kemudian saya akan jemput hak Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Kangar dahulu, kemudian Batu Pahat dan kemudian Petaling.

6.04 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Anggaran Pembangunan yang telah dikehendaki oleh Menteri Kewangan dan saya amat tertarik hati di dalam Anggaran Pembangunan pertama ini peruntukan terbanyak sekali ialah peruntukan keselamatan yang tidak kurang khas untuk keselamatan 24%.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya kalaulah diminta lagi oleh Menteri Dalam Negeri, ataupun oleh Menteri Pertahanan atau dibelanjakan dahulu saya mencadangkan supaya Menteri Kewangan tidak teragak-agak memberi walaupun 50% lebih kerana keselamatan adalah satu perkara yang amat penting sekali dalam negara kita bahkan bagi tiap-tiap orang daripada kita. Andai kata, kita tidak selamat dan ini selalu saya cakapkan walau banyak mana kita ada wang sekalipun wang tidak menjadi harga tidak menjadi guna kepada kita kalau kita tidak selamat. Ini adalah satu perkara yang penting. Dengan sebab itu, inginlah saya mengesyor atau menyatakan dengan perasaan ikhlas apa yang berlaku keselamatan negara kita terutama dalam negeri Perlis, Tuan Yang di-Pertua, keadaan sekarang boleh dikatakan terancam bukanlah terancam sangat dengan kominis tetapi terancam dengan rompakan-rompakan motosikal dan sebagainya. Pendek kata, penunggang-penunggang motosikal kalau lebih daripada pukul 7.30 malam masing-masing tidak berani berjalan malam, pendek kata jalan mana sekalipun kerapnya kena samun motor dengan tahanan dawai dan sebagainya. Ini telah berlaku pendek kata sedia-kala. Empat, lima bulan yang lepas apa

yang berlaku ini kerap kali di Jalan Peladang Tebu Cupi tetapi sekarang tidak kira Peladang Tebu Cupi pendek kata rata-rata jalan di dalam Perlis lebih-lebih daripada pukul 8.00 malam jarang penunggang motosikal akan berani berjalan dan kadang-kadang pemandu motokar pun biasa berlaku kena rompak dan sebagainya.

Dengan sebab, itulah, saya berharap sangat kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil daya usaha yang sungguh di atas perkara ini dan jalan untuk mengatasinya pada pendapat saya kita hendaklah membuat satu samaran macam Polis, janganlah tiap-tiap Polis itu hendak pakai uniform sahaja. Kadang-kadang dia buat samaran sebagai orang biasa dengan mengadakan pistol dan sebagainya, dapatlah menangkap perompak-perompak tadi yang selalu berkeliaran di tengah jalan untuk menahan motor-motor.

Saya contohkan berapa bulan yang lepas di Ladang Tebu. Kerap kali pekerja-pekerja ladang tebu kena rompak dan satu ketika dengan kebijaksanaan Polis, juga saya ucap tahniah kepada Polis yang telah mengadakan samaran sebagaimana saya katakan tadi sehingga dapat menangkap empat orang daripada perompak-perompak dan akhirnya perompak-perompak tersebut dapat dibunuh. Tetapi kalau kita hendak pakai main uniform patutlah kita ubah sedikit Tuan Yang di-Pertua, bukanlah dalam Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri sahaja, saya ingat dalam Jabatan lainpun patut diubah, cara lawatan, cara pakai uniform, lawatan secara special, sambut-menyambut ini kita patut ubah sedikit baik dari segi mana sekalipun baik dalam Jabatan lain mahulah kita menangkap dari segala segi apa yang dibuat tidak patut.

Dan satu lagi saya berpendapat walaupun Jepun telah memerintah kita pada beberapa tahun yang lepas tetapi ada juga perkara yang kita boleh ambil contoh daripada Jepun. Saya masih ingat walaupun masa itu saya kecil lagi bila dibuka siang malam tidak ada siapa yang berani curi pada masa Jepun. Tetapi sekarang lambat sedikit sehingga kadang-kadang yang peleknya salah seorang daripada kawan saya agak saya harus dia marah bila saya cerita. Keretanya terbalik dalam air disebabkan accident dengan seekor kerbau, lambat sedikit dia report di Balai Polis, kotnya yang dalam motokar itupun kena curi. Ini zaman apa, Tuan Yang di-Pertua, lambat sedikit sahaja hendak samun.

Oleh sebab itu, saya berpendapat patutlah kita contoh masa Jepun. Ada sahaja orang buat salah tetapi siasatlah betul-betul, jangan pakai bagi makan air sahaja dengan tidak disiasat. Jadi dengan jalan ini Insya Allah saya fikir boleh jadi aman dan baik.

Yang kedua, patut dibuat banyak lagi jikedan macam Jepun buat. Walaupun benda ini contoh daripada Jepun patut kita ikut asalkan ada keselamatan dalam negeri. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bertanya dalam soalan bertulis tetapi katanya akan dibuat. Perkara "akan" inipun saya fikir saya tidak berapa suka sangat, hendak buat seberapa cepat yang boleh. Ketua Polis Perlis ini walaupun negerinya kecil, Tuan Yang di-Pertua, tetapi masih pakai OCPD daripada dahulu lagi. Patutlah oleh sebab Perlis walaupun kecil, Raja pun biasa jadi Yang di-Pertua Agong, jadi Perlis kecil pun tambah dekat dengan sempadan patut juga dipakai Ketua Polis Khas.

Jadi, saya haraplah sebelum menjelang 1977 ini Perlis patutlah diadakan macam saya katakan tadi terutama keselamatan yang sangat terancam.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh sudah cukup.

v.09 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Anggaran Pembangunan, 1976 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari semalam. Perkara yang pertama yang saya hendak sentuh ialah masalah perumahan rakyat, iaitu rancangan rumah murah yang patut dilaksanakan untuk rakyat miskin terutamanya di luar bandar, petani-petani dan nelayan-nelayan.

Saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah menjalankan berbagai rancangan mengenai dengan perumahan ini tetapi sehingga hari ini boleh dikatakan kebanyakan rancangan perumahan dibuat di bandar-bandar besar, kurang benar di bandar-bandar kecil lebih-lebih lagi yang ditujukan khusus kepada petani-petani dan juga nelayan-nelayan. Begitu juga saya kurang faham istilah rumah murah ini kerana sepanjang pengetahuan kita rumah murah terutamanya yang diusahakan oleh pihak swasta harganya \$15,000 atau \$20,000. Jadi

walaupun dinamakan rumah murah harganya mahal dan ini tidak mampu dibeli oleh rakyat.

Perkara yang saya hendak sentuh mengenai dengan kelambatan satu-satu projek perumahan rakyat terutama yang diusahakan oleh pihak swasta. Kelambatan itu menyebabkan harganya mahal. Oleh kerana kebanyakan pemaju-pemaju perumahan ini menggunakan bank yang dikenakan interest dan apa yang saya nampak satu daripada sebab kelambatan itu ialah, kelambatan mengeluarkan Q.T. atau sub-division samada oleh pihak Pejabat Tanah ataupun pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Bandaran dan sebagainya. Kadangkadang sehingga satu atau dua tahun. Pihak pemaju perumahan tentulah tidak mahu mengalami kerugian dan terpaksa harga rumah yang sepatutnya murah menjadi mahal. Saya rasa patutlah satu penyelarasan di antara Kementerian ini dengan pihak Kerajaan Negeri dan juga Pihak Penguasa Tempatan dapat diadakan.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perlaksanaan TV berwarna, saya rasa terutamanya kami di Johor sana seolah-olah berasa jauh tertinggal seperti negeri yang jauh daripada loceng, kerana negeri jiran yang terdekat telahpun melaksanakan setahun yang lalu. Saya teringat masa mula-mula perlaksanaan TV di negara ini juga terlambat, terpaksa kami di Johor sana mengharapkan rahim negara tetangga. Walaupun ini saya tahu tentulah memakan belanja yang besar tetapi kerana imej negara, dan juga tidak mahu ketinggalan dari segi kemajuan sains dan teknologi supaya perkara ini dapat disegerakan.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bercakap mengenai dengan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya rasa terlampau kecil dalam Rancangan Malaysia Ketiga hanya \$26,325,030 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Itu boleh disentuh semasa membincangkan dalam peringkat Jawatankuasa secara detail. Ini hanya perkara dasar sahaja.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Ya, tetapi itu mustahak, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu saya suka hendak bercakap mengenai dengan kesesakan yang berlarutan di Kuala Lumpur ini. Saya rasa

semasa saya belajar di Kuala Lumpur 10-15 tahun yang lalu terutamanya di bulatan Jalan Maxwell dan beberapa bulatan yang lain, satu tindakan jangka pendek patut diambil kerana bukan sahaja waktu-waktu yang tertentu bahkan kadang-kadang sehingga pukul 10.00 malam masih sesak lagi terutamanya kalau ada pelawat-pelawat luar. Ini menunjukkan kelemahan kita dari segi ini. Samada dalam tempoh jangka pendek bulatan itu digantikan dengan traffic light dan sebagainya, saya harap dapat dipercepatkan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling untuk berucap selama lima minit.

6.12 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya minta 15 minit, sebab . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata lima minit Yang Berhormat. Mengikut senarai dan analisa saya, Yang di-Pertua telah memberi peluang 60% kepada pihak Pembangkang bercakap pada hal bagi pihak Barisan Nasional cuma 51% sahaja.

Tuan Oh Keng Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun Kerajaan Barisan Nasional telah mengalu-alukan bahawa lebih banyak yunit rumah awam akan dibina untuk golongan yang berpendapatan rendah dan tidak berumah supaya objektif penghuni dan pemilikan rumah sendiri ini dapat dijayakan. Tetapi sehingga hari ini objektif dan dasar yang dialu-alukan oleh pihak Barisan Nasional ini hanya menjadi impian sahaja. Ini adalah merupakan janji kosong dan teriakan hampa sahaja, kerana kita masih dapat melihat bahawa ramainya rakyat yang miskin dan tidak berumah ini, sungguhpun sudah berpuluh-puluh tahun menunggu untuk mendapatkan sebuah yunit rumah. Mereka merasa begitu putus asa dan keciwa, umpamanya, di kawasan Bandar Kuala Lumpur di antara tiga orang penduduknya salah seorang adalah terdiri daripada penghuni rumah setinggan.

Menurut perangkaan yang diumumkan bahawa hingga tahun 1980 negara kita masih memerlukan sekurang-kurangnya 500,000 yunit rumah untuk menampung orang-orang yang tidak berumah. Tetapi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian Perumahan hanya merancang untuk membina

57,000 yunit rumah awam sahaja. Ratio di antara rumah yang diperlukan dengan rumah yang disediakan adalah sangat jauh perbedaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berani berkata di sini Kerajaan Barisan Nasional sangat perlahan dan tidak giat dalam usaha pembinaan rumah kepada rakyat jelata. Tetapi dalam tindakan merobohkan rumah-rumah setinggan, Kerajaan Barisan Nasional sangat pandai. Baru-baru ini kita telah membaca dalam suratkhbar bahawa tindakan merobohkan rumah-rumah setinggan di kawasan Ampang telah berlaku. Adakah Kerajaan sedar bahawa tindakan seperti ini ialah destructive yang akan bertambah lagi masalah-masalah perumahan yang menyusahkan rakyat. Jika sekiranya keadaan yang serious tidak diperbaiki atau diperhatikan maka bagaimanakah masalah kekurangan rumah ini dapat diatasi dalam masa lima tahun ini. Bolehkah objektif penghuni pemilikan rumah sendiri dapat dicapai jika Kerajaan tidak mengadakan satu rancangan pembangunan perumahan yang realistic, practical dan jangka panjang untuk mengatasinya. Jika perlu dibangkitkan dalam Dewan ini bahawa sungguhpun Kerajaan ada berusaha untuk mengadakan rumah-rumah awam bagi golongan yang berpendapatan rendah, tetapi, apa yang kita nampak hari ini ialah kebanyakan rumah-rumah awam yang diadakan ini adalah diperuntukkan kepada orang-orang yang berpendapatan tinggi, berumah, atau bersumber pendapatan lain yang lumayan. Kadang-kadang orang-orang politik pun terlibat dalam pembahagian rumah awam ini iaitu rumah-rumah yang diperuntukkan kepada orang-orang yang bertalian rapat dengan pihak parti politik yang memerintah. Aduan yang serupa ini banyak diterima dan juga sudah dirujuk kepada pihak-pihak yang berkuasa seperti Kerajaan Negeri atau Kementerian Perumahan. Tetapi hari ini langsung tidak ada apa-apa tindakan yang positif diambil untuk mencegah berlakunya perkara yang tidak sihat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Rancangan Buku Hijau peringkat kedua sedang dilancarkan, sebenarnya sebelum Rancangan Buku Hijau peringkat kedua dilancarkan perlulah pihak Kerajaan memberitahu rakyat Malaysia tentang apakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dalam pelaksanaan rancangan ini pada peringkat permulaannya. Saya berani

berkata di Dewan ini bahawa Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak ini adalah sangat-sangat jauh daripada memuaskan atau boleh dikatakan sudah gagal dalam mencapai objektif yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual 91 halaman 189 Buku Rancangan Malaysia Ketiga ini yang menunjukkan bahawa kira-kira 49% dari semua kalangan keluarga di Semenanjung Malaysia adalah menerima pendapatan di bawah garis miskin. Dari itu jumlah sebanyak 1.6 juta keluarga atau 792,000 adalah miskin. Bilangan keluarga miskin di luar bandar ialah sebanyak 684,000 dan keluarga miskin di bandar berjumlah sebanyak 108,000 yunit.

Kadar kemiskinan yang paling tinggi ialah di bidang pertanian iaitu di antara 852,000 bilangan keluarga ini 582,000 keluarga adalah merupakan keluarga yang miskin atau 7%. Dari itu 800,000 keluarga adalah terletak di kawasan luar bandar dan 70% adalah terdiri daripada keluarga yang miskin. Dari perangakan dan faktor ini, kita dapat melihat betapa miskin dan azab sangsarannya kaum petani hidup di masyarakat pertanian di luar bandar. Ini perlu diperhatikan bahawa kestabilan ekonomi dan sumber pendapatan negara kita pada dasarnya adalah bergantung kepada sektor pertanian ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar) Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini dan teguran-teguran itu saya ucapkan terima kasih.

Mula-mula sekali, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan, di antara lain, bahawa rumah yang dibina oleh SEDCs, rumah yang terlalu mahal dan SEDCs mencari untung 100% tidak membantu kepada matlamat rakyat. Tuan Yang di-Pertua, rumah yang dibina oleh SEDCs adalah perbelanjaan dari Kerajaan Pusat, biasanya hanya rumah-rumah awam kos rendah; dalam hal ini SEDCs biasanya bertindak sebagai agensi pelaksanaan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Di samping itu, pihak SEDCs adalah ada juga melaksanakan projek perumahan bagi golongan rakyat yang berpendapatan sederhana dan rumah-rumah ini telah dibiayai melalui peruntukan mereka sendiri. Projek-projek ini adalah terkeluar dari kawalan Kementerian saya. Walau bagaimanapun, keadaan ini pada keseluruhannya atas teguran Ahli Yang Berhormat itu dengan tanpa mendalami hal-hal tersebut, maka pihak Kementerian saya tidaklah menerima dan menafikan segala tuduhan yang tidak berasas itu.

Yang Berhormat dari Kepong iaitu telah menimbulkan masalah peruntukan \$19 juta bagi kampung-kampung baru yang berjumlah 465 buah semuanya tidak mencukupi jika dibandingkan dengan peruntukan \$260 juta yang diperuntukkan kepada nelayan-nelayan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Menteri Perumahan dalam ucapan panjangnya mengenai peranan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan telah menjelaskan berhubung dengan perkara ini di dalam membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga. Malangnya, Ahli dari Kepong tidak ada dalam Dewan ini pada masa itu.

Mengenai teguran beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk dari Hilir Padas mengenai Suruhanjaya Perumahan Sabah, Perbadanan Kemajuan Perumahan Sabah dan Sarawak merupakan agensi pelaksanaan bagi negeri berkenaan. Kementerian saya mendapat tahu agensi-agensi itu sedang giat menambah kepentingan dan menambah kakitangan mereka supaya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini mereka akan dapat menambah usaha-usaha mereka melaksanakan projek perumahan mereka.

Mengenai teguran Yang Berhormat dari Batu Pahat, permohonan hanya dihantar sahaja patut diluaskan untuk peladang dan nelayan kalau tidak tentang rumah yang telah disebutkan selalu mahal itu tadi, samalah juga sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Ahli dari Kota Melaka.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling, seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum Kementerian saya telah meminta sejumlah \$480 juta bagi melaksanakan projek perumahan kos rendah. Ini menunjukkan lebih kurang 4½ kali ganda dari apa yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Jumlah ini dapat membina 62,200 rumah kos murah. Selain dari usaha Kementerian saya

ini, ajensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA, UDA dan sebagainya, sementara itu juga kerjasama dari pihak pemaju perumahan swasta sedang diusahakan. Bagaimana kata Ahli Yang Berhormat Kerajaan Barisan Nasional "tipu" dan sebagainya dalam Rancangan Malaysia Kedua, Ahli Yang Berhormat mesti faham negara kita telah dilanda oleh inflasi dan stagflasi dan keadaan ini tidak dapat dielakkan. Memanglah Ahli Pembangkang itu tidak berkuasa dan bercakap itu senang. Kerajaan membuat apa sahaja yang baik dan tidak menuduh dalam Dewan yang mulia ini Kerajaan Barisan Nasional yang dipilih oleh rakyat ini penipu.

Tuan Yang di-Pertua, ada ramai Ahli Yang Berhormat membuat teguran dan saya tidak dapat jelaskan kesemuanya, tetapi Kementerian mengambil perhatian dan saya ucapkan terima kasih atas teguran Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab beberapa perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian Penerangan.

Pertama, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda menyentuh supaya filem-filem jenayah termasuk juga TV hendaklah dikurangkan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita sedar perkara ini dan filem-filem sebelum ditayangkan samada di panggung wayang ataupun lebih-lebih lagi di TV adalah dicensor atau ditapis lebih dahulu, dan ada di antara perkara-perkara, part, scene yang kita nampak berbahaya biasanya dipotong dan tidak ditayangkan. Biasanya yang dapat ditayangkan itu setelah dikaji dari segi saikoloji bahawa perbuatan buruk itu akhirnya menerima balasan qadhak balik dari Tuhan. Jadi mestilah ada sedikit buruk kerana tujuannya untuk mendapat baik. Walau bagaimanapun, untuk mengurangkan masalah ini memandangkan teguran bahawa masyarakat kita tidak dapat menerima keadaan ini, maka keadaan filem jenayah itu telah dikurangkan.

Berkenaan filem bercorak pembangunan hendaklah dibanyakkan di TV, ini adalah menjadi hasrat Kementerian ini yang mana telahpun ditubuhkan sebuah bahagian khas

yang dinamakan "Pembangunan Pertanian". Beberapa pegawai khas ditugaskan dalam bahagian ini untuk menerbitkan Bahagian Pembangunan dan Pertanian ini dan kita memang berhubung rapat dengan Kementerian Pertanian dan juga dengan aktiviti rakyat dalam segi menggambarkan perkara benar yang dijayakan oleh Kerajaan dan yang diusahakan oleh rakyat. Selain dari itu, ada rancangan kita yang disiarkan dengan nama Rancangan Bumi Jaya menerusi siaran kita dan juga Rancangan Pelopor dan mungkin rancangan ini juga akan diperluaskan lagi aktiviti-nya.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh janganlah banyak mengambil filem-filem Inggeris sahaja, patutlah dibanyakkan filem dari Indonesia dan Thailand untuk merapatkan hubungan antara negara-negara itu. Sebenarnya, memang menjadi hasrat kita, tetapi kerana kita kurang mendapat filem-filem daripada negara-negara jiran kita itu yang bermutu. Kalau kita dapat pun kadangkala filem itu telah lama dan apabila ditayangkan nampak macam hujan turun, ini banyak pula teguran kenapa ditayangkan filem berupa turun hujan lebat tetapi bukan hujan. Ini memandangkan filem itu sudah lama. Jadi ini adalah masalah Kementerian kita untuk mendapat filem seperti itu, tetapi kita sedang berusaha dan kita suka menyeru syarikat filem tempatan di negara ini supaya dapat mengadakan koordinasi dan menerbitkan filem yang bermutu supaya dapat ditayangkan di TV. Buat hari ini kita tak dapat filem dari firma kita sendiri atau syarikat filem dalam negeri ini. Kita merayu badan-badan perfilman atau syarikat filem dalam negeri ini supaya dapat mengeluarkan banyak filem yang mempunyai kualiti dan identiti Malaysia kita sendiri, maka Kementerian sangat berterima kasih dan suka filem tempatan ditayangkan dengan lebih luas. Buat masa ini filem-filem Inggeris yang berbentuk filem-filem rencana atau filem-filem pengetahuan juga ada kita tayangkan dan ini seperti yang saya katakan tadi, kalau sekiranya kita dapat banyak filem-filem kita sendiri atau daripada negara-negara sahabat dalam ASEAN atau jiran, kita akan berbuat begitu dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat menyentuh mengenai TV berwarna, mengatakan kita ini jauh ketinggalan dan terlewat dalam melaksanakan TV berwarna. Untuk menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menyatakan bahawa kita

sedang berusaha dalam masaalah ini dan beberapa alat-alat kita telah ditender dan ditawarkan kepada peringkat pemborong international bagi mengubahkan beberapa equipment kita dan Insya Allah dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kalau tidak ada apa halangan dalam tahun 1978 kita mungkin akan dapat melihat TV berwarna yang dapat dipancarkan ke seluruh negara kita di peringkat awal tetapi kita akan terus memperbaikinya dari semasa ke semasa. Keutamaan adalah diberi untuk memancarkan siaran TV berwarna ke seluruh negara, oleh yang demikian persediaan-persediaan perlu kita buat sekarang ini kesemua pemancar-pemancar kita yang ada di seluruh tanahair termasuklah di Sabah dan Sarawak. Maka dengan sebab itu dalam peranggaran yang akan kita kemukakan mengikut kepala-kepala nanti Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin akan dapat melihat peruntukan-peruntukan persediaan bagi menyediakan filem berwarna.

6.33 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara menyentuh Kementerian saya dan saya mohon izin supaya mendapat kebenaran memberi serba sedikit penjelasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah membangkitkan perkara yang dikatakan red tape yang berlaku di badan FIDA. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa FIDA di bawah jagaan Kementerian saya adalah sentiasa berpandu kepada dasar yang telah ditetapkan bahawa satu-satu permohonan itu perlulah diproses dan dilaksanakan, diluluskan dan dibawa kepada Menteri selewat-lewatnya dalam masa 1 bulan. Tetapi dalam pada itu permohonan-permohonan itu mungkin juga perlu dikaji dengan lebih mendalam yang mungkin mengambil masa lebih daripada 1 bulan untuk diproses dan diluluskan. Dalam pada itu kalau sekiranya ada berlaku perkara-perkara yang menyebabkan satu-satu permohonan itu terlambat ditapis dan diluluskan, maka pihak-pihak yang berkenaan itu bolehlah membawa perkara ini kepada pihak saya dan saya akan menyiasat sebab-sebab mengapa satu-satu permohonan itu telah lambat diproses dan diluluskan.

Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya satu badan penasihat ditubuhkan di dalam FIDA untuk menolong bumiputra di dalam perkara penyertaan mereka di dalam bidang perusahaan. Di sini saya berpendapat tidak perlu diadakan satu badan penasihat kerana di dalam badan FIDA sendiri pada masa ini ada pegawai-pegawai tertentu yang telah diberi tugas untuk bertanggungjawab khususnya dalam perkara-perkara yang melibatkan penyertaan bumiputra di dalam bidang perusahaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah membuat berbagai cadangan yang saya anggap bernas dan satu daripadanya yang menyentuh Kementerian saya ialah cadangannya supaya penggunaan wang \$200 juta yang akan diuntukkan bagi membeli saham untuk bumiputra itu dikendalikan oleh badan di mana Kerajaan dan badan profesyenal bumiputra adalah dibuat untuk mengendalikan saham daripada wang ini untuk kaum bumiputra. Di sini sukalah saya menyatakan sungguhpun Kementerian saya tidak bertanggungjawab terus di atas perkara pembelian saham ini dengan wang yang akan diperuntukkan itu, Kementerian saya akan tentu terlibat dari segi menyiasat mengkaji dengan mendalamnya satu-satu projek ataupun kilang perusahaan daripada mana saham itu akan dibeli untuk memberi jaminan bahawa projek daripada mana saham itu dibeli adalah projek yang viable yang boleh memberi keuntungan kepada orang yang membeli saham sebelum kita bersetuju saham ini dijual kepada kaum bumiputra.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya pusat ataupun badan yang akan mengendalikan kursus Pengurusan (Management) patut diadakan selain daripada yang telah diadakan oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara. Sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa selain daripada kursus-kursus yang dianjurkan di N.D.P.C. (Pusat Daya Pengeluaran Negara) kita ada juga mengadakan projek yang dinamakan Executive Development Programme yang khususnya adalah bertujuan melatih dan mengadakan lebih banyak lagi pegawai-pegawai pengurus daripada kaum bumiputra yang boleh menampung ataupun mengambil tempat-tempat sebagai pengurus di kilang-kilang perusahaan ataupun di gedung-gedung perniagaan. Pusat Daya Pengeluaran Negara sendiri selain daripada menjalankan kursus-kursus latihan bagi pegawai-pegawai pengurus

yang sedang bertugas, adalah juga mengadakan kursus-kursus khas untuk melatih kaum bumiputra supaya lebih banyak lagi kaum bumiputra dapat diberi jawatan sebagai pengurus di badan-badan perniagaan ataupun di kilang-kilang perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Kementerian saya.

6.40 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas yang telah membangkitkan soalan berkenaan dengan Hospital di Kota Belud, Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pembinaan hospital di Kota Belud adalah projek sambungan dari Rancangan Malaysia Kedua dan pemberian selebihnya akan ditawarkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Mengenai menyediakan ambulan di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur, pada masa ini Kementerian saya ada rancangan rawatan kecemasan di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Untuk menjalankan rancangan rawatan kecemasan ini, ada dua orang Pegawai Kesihatan dan kumpulan pekerja-pekerja sentiasa ada ditugaskan untuk sesuatu kecemasan yang timbul. Peraturan telah dibuat dengan Hospital Universiti ataupun Hospital Daerah Kelang supaya menyediakan ambulan apabila diperlukan. Kesesakan jalanraya ialah menjadi masalah kepada ambulan-ambulan daripada hospital-hospital kerana ambulan ada dapat kecemasan di jalanraya. Jadi apabila kita simpan sahaja sebuah ambulan di Lapanganterbang Antarabangsa, ini akan memakan belanja yang banyak. Dengan sebab itu Kementerian tidak ada rancangan untuk mengadakan sebuah ambulan tetap di Lapanganterbang Antarabangsa Subang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Grik ada menyebutkan berkenaan dengan Pusat Kesihatan Besar yang telahpun dijanjikan pada masa yang lalu. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa projek untuk menaikkan

taraf Pusat Kesihatan Kecil kepada Pusat Kesihatan Besar adalah di dalam peringkat tawaran dan sekarang sedang ditimbang oleh Lembaga Tawaran. Jadi, apabila tawaran itu selesai maka kenaikan taraf Pusat Kesihatan Kecil ke Pusat Kesihatan Besar ini akan dijalankan sepenuhnya. Itulah sahaja jawapan ringkas daripada pihak Kementerian saya.

6.44 ptg.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri maka sukalah saya menjawab sedikit sebanyak bahan-bahan yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pada keseluruhannya teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang dikemukakan apa yang disentuh tidaklah banyak bezanya daripada bahan-bahan yang dikeluarkan semasa membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga baru-baru ini. Walau bagaimanapun saya sukalah menyentuh sedikit sebanyak perkara-perkara yang tidak disentuh.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang ada menyentuh soal orang asli, dan meminta supaya orang-orang asli ini dibawa keluar daripada hutan dan memasuki masyarakat biasa. Yang sebenarnya pihak Kementerian ini, dalam Rancangan Malaysia Ketiga telah menguntukkan wang sebanyak \$21 juta bagi memajukan orang asli kita yang bertabur di seluruh tanahair. Pihak Jabatan Orang-orang Asli sedang merangka program-program terutama sekali dalam soal rancangan tanah dan mengumpulkan mereka itu di kawasan-kawasan yang tertentu. Satu contoh seperti yang telahpun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang tadi di Post Khemar. Post Khemar ini satu daripadanya iaitu permulaan. Satu lagi dekat dengan Post Khemar iaitu di Pulau Tujuh. Mereka yang duduk di kawasan itu juga akan dikumpulkan duduk di satu tempat kerana kawasan ini akan ditenggelami oleh air akibat dari Ampangan Temenggor.

Problem yang timbul soal Pulau Tujuh ini ialah soal tanah dan usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kementerian ini dengan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan tanah yang sesuai bagi mereka. Masalah yang besar ialah untuk menempatkan mereka ini seperti yang kita tahu sudah beratus tahun mereka ini hidup secara nomadic life daripada setempat ke setempat. Ini merupakan

satu adat-resam yang besar yang kena kita hadapi. Dalam usaha membawa mereka ini keluar, kenalah ada dua hala. Satu hala bagi mereka ini meninggikan taraf hidupnya sesuai dengan cara hidup di luar. Dan bagi kita di luar ini terutama sekali mereka yang mempunyai adat-resam yang dekat, maka kenalah kita mengambil sikap tidak memencilkan mereka. Kita tidaklah boleh menganggap mereka ini orang lain ataupun prejudice kepada mereka. Kenalah kita mendampingi mereka. Dengan usaha yang demikian dapatlah kita membawa mereka ini rapat dengan kita, dan keluar dari hutan atau meninggalkan cara hidup yang tradisional, kepada hidup yang baharu yang kita usahakan dan lebih-lebih lagi harapan kita ialah hendak mencampurgaulkan mereka ini dengan rakyat yang mempunyai adat-resam yang hampir dengannya, lebih-lebih lagi orang-orang kita Melayu. Tetapi perkara ini seperti saya katakan tadi kenalah kedua-dua itu; satu pihak yang menerima dan satu pihak lagi yang sanggup berdamping di antara satu dengan lain. Walau bagaimanapun program-program yang konkrit di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sedang diatur dan peruntukan nampaknya lebih daripada Rancangan Malaysia Kedua dan pihak Kementerian ini yakin progress akan dibuat untuk mencapai matlamat membawa mereka ini keluar dan hidup bersama-sama dengan rakyat biasa sesuai dengan konteks Masyarakat Adil.

Ada juga yang menyentuh soal kedudukan Jabatan Imigresen di sempadan dan juga di Kroh. Yang sebenarnya pihak Kementerian ini sedang membina ataupun sedang merangka pembinaan kompleks Imigresen di Kroh ini bersama dengan department-department lain seperti Kastam dan juga Polis supaya sebuah kompleks diadakan dekat Ayer Panas. Saya sendiri pun sudah pergi ke sana dan pelan-pelan sedang dirangka dan projek ini mendapat keutamaan dalam segi pembangunan kerana letaknya dalam kawasan sempadan yang sensitif. Saya yakin dan percaya dengan adanya keutamaan yang diberi oleh pihak Kerajaan projek ini akan dapat dipercepatkan, dengan seberapa segera yang boleh. Bukan sahaja di Kroh, satu lagi kompleks ada di Changloon, di sempadan juga. Ini juga merupakan kompleks yang mana kawasan tapaknya telahpun di-levelkan dan saya yakin ini akan dipercepatkan daripada di Kroh kerana yang di Changloon ini tidaklah ditempatkan di dalam

hutan ataupun bukit seperti yang di Kroh itu yang duduknya di sebelah bukit maka sudah tentulah kerja-kerja levelling itu akan mengambil masa sedikit dan memakan belanja yang banyak. Tetapi kedua-dua kompleks ini mendapat keutamaan daripada pihak Kerajaan Pusat supaya dapat diselesaikan seberapa cepat yang boleh.

Satu perkara lagi soal robberies di kawasan sempadan. Yang sebenarnya pihak Kementerian khasnya Jabatan Polis memang menyedari problem ini dan langkah telahpun diambil dari satu masa ke satu masa. Seperti Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan mengakui pihak Polis telah berjaya menangkap beberapa orang dan tidaklah berapa kena kalau dikatakan rondaan ini dibuat oleh Polis yang beruniform sahaja.

Apa yang selalu kita buat ialah menghendap mereka. Kita tahu denai-denai yang mereka lalu kita hendap dia, dan plain clothes policemen pergi di sana. Selain daripada rondaan dari satu masa ke satu masa kita juga mengadakan ambush di tempat yang kita agak dia lalu dan dengan adanya sistem ini nampak kejayaan dicapai. Baharu-baharu ini di Padang Besar sebagaimana kita tahu selepas rompakan berlaku kita dapat tangkap mereka itu dengan adanya usaha-usaha ambush dan rondaan seperti ini.

Satu lagi soal filem penuh dengan crime atau jenayah. Yang sebenarnya, Yang Berhormat Menteri telahpun meminta saya review panduan-panduan yang diberi kepada Censorship Board ini dan saya sendiri telah berunding dengan pihak perfileman supaya mengambil ingatan tidak membanyakkan filem-filem crime. Ini sebagai satu permintaan kerjasama dengan pihak perfileman. Tetapi pihak Kementerian ini panduan-panduan akan diberikan kepada Censorship Board ini supaya mengingati lagi filem-filem yang bercorak crime ataupun jenayah, violence ataupun perkara-perkara yang agak boleh memberi suggestive di negeri ini untuk mengikut dalam soal crime ini. Banyak filem seperti ini telah kita ban tetapi statistiknya tidak dapatlah saya berikan secara tidak "refer" kepada jumlah yang betul. Pada keseluruhannya Yang Berhormat Menteri sendiri sangat mengambil berat perkara ini memandangkan keadaan negara kita yang sangat mengambil berat soal keselamatan dan pihak Kementerian pun bersetuju filem-filem yang sedemikian rupa yang penuh dengan crime atau jenayah mungkin dapat ditiru

oleh pemuda-pemuda tempatan. Bukan setakat jenayah sahaja, filem yang mengandungi drug inipun kita hendak ketatkan juga dalam Censorship Board, dan bukan setakat filem yang bercorak commercial. Sebarang filem yang masuk ke negeri ini samada untuk private audience yang dibawa masuk oleh embassy ataupun commercial filem akan diperketatkan dan akan diberi perhatian panduan-panduan soal crime atau jenayah drug-addict dan soal robbery.

Jadi, saya tidaklah hendak menyentuh perkara-perkara yang lain dalam soal keselamatan kerana telahpun saya jawab semalam yang banyak dikemukakan semasa perbincangan Rancangan Malaysia Ketiga. Pada akhirnya, perkara-perkara yang disentuh yang tidak saya jawab itu akan diberi pertimbangan dengan sewajarnya dan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada teguran-teguran ataupun cadangan-cadangan yang memberi faedah untuk kita bersama.

6.54 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian mengucapkan terima kasih atas teguran-teguran pandangan dan cadangan-cadangan yang membina bagi memajukan sektor pertanian dan juga pembelaan nasib petani-petani dan nelayan-nelayan di dalam negara ini daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dan saya adalah mengambil perhatian untuk kajian Kementerian saya.

6.55 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah Majid): Tuan Yang di-Pertua, hanya seorang iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh secara langsung Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat walaupun barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh secara umum. Tentang perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu PF (provident fund) warisan zaman kolonial memanglah benar dan setakat yang saya tahu perkara ini telahpun ada dikemukakan kepada Kementerian dan mana yang boleh telahpun kita salurkan kepada tempat-tempat yang tertentu. Tinggal lagi perkara yang menyentuh nominee iaitu tidak ada nominee di masa yang sudah itu adalah seperti saya katakan warisan

zaman lalu dan menurut peraturan undang-undang kita pihak yang berkenaan patutlah mengikuti peraturan-peraturan yang ada untuk mendapatkan bahagian yang patut diwarisi oleh mereka.

6.56 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat tentang Kementerian saya. Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyentuh berkenaan bekalan letrik luar bandar dan meminta supaya lebih banyak lagi kampung-kampung di negeri Perak diberikan bekalan letrik. Saya suka memaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga satu peruntukan yang lebih besar telah disediakan oleh Kementerian saya untuk bekalan letrik luar bandar di seluruh negara. Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri beberapa hari yang lalu sebanyak \$158 juta telah disediakan untuk bekalan letrik luar bandar di Semenanjung Malaysia sahaja dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan bagi tiap-tiap negeri adalah ditambah. Pada masa sekarang Kerajaan-kerajaan Negeri sedang diminta menyiapkan senarai kampung-kampung yang akan diberi bekalan letrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Pihak Lembaga Letrik Negara telahpun diarah untuk melaksanakan program pembangunan bekalan letrik ini dengan segera supaya semua projek-projek akan dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat ada membangkitkan masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Masalah ini memang merupakan satu perkara yang rumit dan tidak dapat diselesaikan dengan serta-merta. Jabatan Kerjaraya di Kementerian saya dan juga Bandaraya di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan sentiasa mengawasi keadaan lalu lintas di Ibu Kota kita dan sekitarnya. Sebenarnya satu jawatankuasa bersama telahpun ditubuhkan supaya kegiatan-kegiatan kedua-dua Kementerian dapat diselaraskan dengan lebih berkesan dan jawatankuasa ini telah bermesyuarat beberapa kali. Salah satu perkara yang diambil berat

oleh kedua-dua Kementerian ini ialah bulatan-bulatan jalan yang kurang mencukupi. Sebuah kumpulan perunding antarabangsa yang sedang berkhidmat bagi Kerajaan sudah mencadangkan bahawa bulatan-bulatan yang berkenaan diubah dan interchange-interchange yang baharu dibina. Jabatan Kerjaraya dan pihak Bandaraya sekarang bertindak di atas cadangan mereka secara berperingkat-peringkat.

Tentang bulatan jalan Maxwell yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat saya suka memaklumkan satu interchange yang baharu dan besar akan dibina tidak lama lagi.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini tentang Kementerian saya.

6.59 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan usul yang telah dikemukakan oleh saya pada petang semalam dan juga kerana mengeluarkan pandangan-pandangan yang baik dan bernas untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

Hanya satu perkara sahaja yang telah dikaitkan dengan soal peruntukan yang dibahaskan selama dua hari itu, iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengesyorkan supaya lebih banyak peruntukan diberi kepada Kementerian-kementerian yang tertentu. Suka saya menjelaskan di sini bahawa peruntukan tahunan bagi projek-projek adalah diasaskan antara lainnya kepada keupayaan agensi yang berkenaan untuk melaksanakan projek tersebut dan juga kepada faktor asas yang diperlukan, umpamanya, untuk mendapatkan tanah dan untuk menyedia serta merancangkan pelaksanaan projek itu. Ini bermakna bahawa peruntukan tahunan yang disediakan untuk sesuatu projek tertentu adalah merupakan anggaran yang diperlukan untuk kegunaan sebenarnya bagi melaksanakan projek tersebut dalam tahun berkenaan. Bagaimanapun sekiranya kemajuan projek itu didapati lebih cepat daripada yang dijangkakan pada permulaannya maka wang tambahan boleh disediakan menerusi peruntukan tambahan atau jika wang itu dikehendaki dengan segera dan

tidak sempat mendapat kelulusan Parlimen terlebih dahulu, waran pendahuluan Simpanan Luar Jangka boleh dikeluarkan bagi maksud itu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lain lagi perkara yang saya hendak tambahkan melainkan sekali lagi saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah mengesyorkan usul yang dikemukakan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$3,317,031,398 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976 yang mana sejumlah \$1,982,785,649 bagi Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11hb Disember, 1975 dan Dewan ini diminta meluluskan tambahan sebanyak \$1,334,245,749 bagi maksud Kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala yang disenaraikan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam penyataan Anggaran Pembangunan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Lesen Impot Kain

7.03 mlm.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, lesen impot untuk kain-kain telah diadakan pada tahun 1975 dan pemberian basisnya ialah dengan apa-apa yang diimpot oleh pengimpot-pengimpot pada tahun yang lalu. Saya berpendapat sistem ini telah diadakan oleh sebab Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menerima bantahan dan aduan daripada kilang-kilang kain di tanahair kita yang telah

komplek tentang competition daripada kilang-kilang luar negeri. Oleh itu, untuk mempertahankan kilang-kilang tempatan Kerajaan telah mengadakan cukai impot tentang kain-kain daripada 35% hingga 45% dan selain daripada itu juga ada cukai surtax.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan lesen impot yang saya sebutkan dan juga Kerajaan telah tidak membenarkan beberapa jenis kain diimpot oleh pengimpot-pengimpot di tanahair kita dan meninggikan cukai yang saya sebutkan maka timbullah kekurangan beberapa jenis kain-kain di pasaran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sistem lesen pengimpot ini telah disalahgunakan oleh beberapa pegawai yang tertentu dan saya berpendapat kain yang tidak dikeluarkan oleh kilang-kilang di tanahair kitapun kena juga didapati lesen impot kalau pengimpot hendak mengimpot kain itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat juga permohonan-permohonan untuk lesen impot ini 90% telah ditolak oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Oleh sebab permohonan pengimpot ini ditolak mereka terpaksa berhubung dengan beberapa sindiket yang ada di Kuala Lumpur supaya sindiket ini boleh dapat lesen impot untuk pengimpot ini dan saya berpendapat juga sindiket ini dibayar 10 sen pada se ela kain yang mereka impot. Oleh sebab restriction itu dilaksanakan yang mendapat faedah ialah sindiket ini dan bukan kilang-kilang atau pengguna-pengguna di tanahair kita oleh sebab kalau harga kain yang diimpot ini tinggi, increase cost ini telah disampaikan kepada pengguna-pengguna di tanahair kita. Oleh itu saya hendak tegaskan sekali lagi yang mendapat faedah atas lesen impot ini ialah sindiket yang ada di Kuala Lumpur.

Saya berpendapat pengimpot-pengimpot kain ini telah berhubung dengan beberapa pegawai di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan mereka telah berhubung dengan Menteri sendiri dan pengimpot ini mencadangkan lesen impot ini dihapuskan dan digantikan dengan kenaikan cukai impot daripada 30% hingga 40% dan digantikan dengan cukai impot 45% hingga 55%. Kalau Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berbuat demikian yang mendapat faedah ialah Kementerian sendiri oleh sebab kenaikan cukai ini dan bukan sindiket-sindiket yang ada sekarang dan pengimpot-pengimpot

tidak perlu memohon lesen impot jika mereka hendak mengimpot kain-kain di tanahair kita.

7.10 mlm.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya sendiri menyedari problem atau masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat khususnya tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa dengan adanya cara kawalan menahan masuknya kain daripada luar negeri yang dibuat oleh kilang kita dengan cara quota, ini telah membangkitkan masalah kepada pengguna-pengguna (consumers) dengan mereka tidak boleh memperolehi ataupun membeli kain-kain yang diperlukan.

Saya bagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi menyedari perkara ini dan sebagaimana juga dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi saya dan pegawai-pegawai saya telah ditemui oleh pihak-pihak yang berkenaan dan telah merayu supaya dibuat pertimbangan semula untuk perkara ini ke atas kemasukan kain yang dibuat oleh kilang-kilang kita di sini dikawali dari segi kenaikan penguasaan cukai dan bukan dengan cara mengenakan sekatan impot. Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana problem atau masalah-masalah yang telah berbangkit khususnya terhadap pengguna-pengguna (consumers) perkara ini telah dibincangkan oleh Kementerian saya melalui badan yang dinamakan Jawatankuasa Bertindak Mengenai Tarif (S.A.C.T.) dengan pihak Perbendaharaan (Treasury) dan keputusan telahpun diambil supaya dihapuskan pengawalan secara mengenakan sekatan impot quota tetapi dikenakan kawalan dari segi mengenakan cukai kepada kain-kain yang dibawa masuk ke dalam negara kita ini yang kain itu juga dibuat di kilang kita itu.

Suka saya menyatakan di sini peraturan-peraturan ini telah dibuatkan sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu untuk menjaga kedudukan kilang-kilang baru yang ada di dalam negara kita. Kita telah mengambil keputusan pada mulanya bagi permulaan mengenakan sekatan quota impot dan apabila kilang-kilang yang mengeluarkan kain itu telah bergerak dengan baik dan boleh berdiri

di atas kakinya sendiri kita biasanya hapuskan kawalan dari segi pengenaan sekatan impot quota dan mengenakan cukai. Tetapi oleh kerana banyak masaalah-masaalah sebagaimana Ahli Yang Berhormat nyatakan tadi berbangkit dengan kerana kawalan dari segi sekatan impot quota ini, kita telah mengambil keputusan dan badan-badan berkenaan telah menimbangkan perkara ini dengan mendalamnya dan telah memutuskan supaya sekatan impot quota itu dihapuskan

dan kawalan dari segi mengenakan cukai kepada kain-kain yang dimasukkan itu dilaksanakan tidak lama lagi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Jumaat, 30hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.15 malam.